Bil. 68

Selasa
14 Disember 2004

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 15)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004 (Halaman 16)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 2004 (Halaman 40)

Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2004 (Halaman 54)

Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004 (Halaman 59)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 48)

Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) (Halaman 72)

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara (Halaman 76)

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Halaman 89)

Akta Kastam 1967 (Halaman 98)

Akta Eksais 1976 (Halaman 103)

Akta Jualan 1972 (Halaman 105)

Perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Bagi Parlimen Kesebelas (Halaman 106)

Diterbit Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
2004

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJS., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO

3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA

4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC

5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN

6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO

7. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO

8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO

9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO

11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. " Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.,. (Selayang) – MCA.

19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop

20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO

21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB

22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO

24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO

25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO

26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO

27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO

29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB

30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS

31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA

32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO

33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN

2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) – MCA

4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6.	Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7.	"	Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8.	"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9.	"	Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10.	"	Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11.	"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12.	"	Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13.	"	Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14.	"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15.	"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16.	"	Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17.	"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18.	"	Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19.	"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20.	"	Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21.	"	Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22.	"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23.	"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24.	"	Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25.	"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26.	"	Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27.	"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28.	"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN

31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO

34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO

35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO

36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO

37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS

38. " Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO

3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO

4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC

6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP

7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO

11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN

18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO

19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS

2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO

3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS

4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO

5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS

6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO

8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB

9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO

10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB

12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO

13. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO

14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO

15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS

16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

19. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS

20. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP

21. Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. " Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. " Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. " Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA

62. Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
87. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
88. " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
89. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
90. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
91. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
92. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
93. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
94. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
95. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
96. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
97. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) – SAPP
98. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
99. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
100. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO

101. Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO

102. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA

103. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN

104. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP

105. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN

106. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP

107. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA

108. " Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO

109. " Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO

110. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP

111. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA

112. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP

113. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP

114. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB

115. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO

116. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN

117. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO

118. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO

119. " Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB

120. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA

121. " Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO

122. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA

123. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA

124. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK
Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 14 Disember 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah Maktab Rendah Sains MARA atau Institut Kemahiran MARA di Kuala Selangor. Jika ya, di mana dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, pada masa ini MARA masih belum mempunyai rancangan untuk membina Maktab Rendah Sains MARA ataupun Institut Kemahiran MARA (IKM) di kawasan Parlimen Kuala Selangor di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Walau bagaimanapun, MARA telah membuat permohonan perolehan tanah di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang dalam kawasan Parlimen Sungai Besar untuk cadangan membina sebuah Maktab Rendah Sains MARA dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak bertanya kepada kementerian ataupun MARA, adakah kajian keberkesanan telah dijalankan dan apakah hasilnya? Yang pertama, dasar pengambilan 10% pelajar bukan bumiputera ke MRSM, adakah benar-benar dapat membina semangat daya saing yang tinggi dan merangsang pencapaian akademik yang lebih baik di kalangan pelajar-pelajar Melayu?

Yang kedua, setakat manakah lepasan IKM dapat menyumbang secara konsisten kepada pasaran pekerjaan dan juga setakat mana ia dapat melahirkan usahawan bumiputera dalam pelbagai bidang kemahiran? Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, dari segi kajian dan keberkesanan Maktab Rendah Sains MARA atau MRSM, sekarang ini pihak MARA sedang membuat perancangan untuk apa yang dimaksudkan sebagai keberkesanan secara khusus di dalam penubuhan Maktab Rendah Sains MARA. Dari segi kuota bukan bumiputera, penyertaan mereka di dalam kemasukan Maktab Rendah Sains MARA, dasar yang ada 10% yang diberikan kepada pelajar bukan bumiputera, setakat ini kuota tersebut tidak dipenuhi sama ada mereka ini dari segi minat untuk menyertai ataupun juga dari segi kelayakan.

Walau bagaimanapun, angka-angka yang diminta untuk diketengahkan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat dari segi angka-angka. Tetapi dari segi lepasan IKM untuk menyertai bidang kerjaya, memang tidak dapat dinafikan. Kewujudan IKM adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang boleh berdikari tanpa memerlukan mereka bekerja dengan kerajaan ataupun dengan pihak swasta. Dari segi menjawab persoalan tadi, berdasarkan kepada rekod yang ada iaitu tidak ada lepasan IKM yang menganggur, malah sebaliknya mereka terus dibantu oleh kerajaan

melalui dana-dana yang disediakan untuk membolehkan mereka berdikari. Tuan Yang di-Pertua, sekian jawapan saya. Terima kasih.

2. **Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Fasa II pembinaan Pusat Latihan Bomba dan Pasukan Penyelamat di Wakaf Tapai Terengganu akan dimulakan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Projek Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas tapak seluas 217 ekar di Wakaf Tapai Terengganu dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa I mengandungi blok pentadbiran, makmal, pusat komputer, dewan kuliah, asrama, kuarters pegawai, surau dan kemudahan rekreasi melibatkan kos RM75 juta.

Fasa I telah siap pembinaannya pada bulan September 2002. Fasa II antara lain mengandungi kemudahan kelengkapan sistem simulasi latihan dan bengkel kejuruteraan yang dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM150 juta. Pada peringkat awal, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merancang untuk melaksanakan pembinaan Fasa II Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan kewangan yang terhad, pembinaan Fasa II akademi ini ditangguhkan pelaksanaannya. Jabatan Bomba dan Penyelamat akan membuat permohonan semula pembinaan Fasa II akademi ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, dengan angka-angka yang disebutkan itu sebanyak RM225 juta, satu angka yang agak besar. Adakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan pusat ini sebagai satu *profit center* dengan izin, dengan cara mempelawa peserta-peserta daripada negara-negara lain di seluruh dunia untuk menyertai kursus-kursus yang ditawarkan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ya, memang akademi ini mempunyai potensi yang besar, bukan sahaja dari segi latihan, ianya juga akan menjadi satu tempat yang boleh kita secara pertukaran ataupun kalau dapat kita hendak buat kursus yang mempunyai kesan *training* dan sebagainya pada masa akan datang. Ini semuanya dalam kajian dan Jabatan Bomba akan menggunakan dengan sepenuhnya menjadikan ini satu pusat yang terkenal pada masa akan datang. Terima kasih.

***[Soalan No. 3** – Y.B Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] tidak hadir]*

4. **Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian menyedari bahawa setakat membina bangunan hospital yang menarik adalah tidak mencukupi kerana masalah perkhidmatan dan kemudahan rawatan masih berkurangan. Apakah akan ada perubahan polisi dengan memberi penekanan ke atas aspek ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, projek membina hospital baru dan menaiktarafkan bangunan sedia ada, merupakan salah satu langkah kerajaan untuk memudahkan rakyat negara ini mengakses perkhidmatan perubatan yang lebih menyeluruh. Kementerian Kesihatan menyedari bahawa perkhidmatan yang cekap dan berkualiti serta kemudahan rawatan terutamanya peralatan ubat-ubatan dan bekalan bahan-bahan merupakan faktor-faktor penting bagi memastikan negara ini mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang terbaik untuk masyarakat.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan sentiasa mengulang kaji dasar dan strategi pelaksanaan sedia ada seperti yang berkaitan dengan isu kekurangan anggota kesihatan yang berkemahiran, terlatih dan mempunyai daya kerja yang baik serta kualiti perkhidmatan dan rawatan yang diberikan supaya rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang baik dan berkesan. Kebelakangan ini, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengoptimumkan perkhidmatan doktor dan

anggota sokongan yang sedia ada memandangkan kita menghadapi kekurangan ini. Ini termasuk:

(i) mewajibkan pengarah hospital dan pegawai kesihatan daerah di seluruh negara berjumlah seramai 600 orang untuk menjalankan kerja-kerja klinikal sebanyak 10 jam seminggu di samping tugas harian mereka dalam bidang pentadbiran dan pengurusan kesihatan. Tugas-tugas klinikal ini akan diambil kira dalam urusan kenaikan pangkat mereka dan merupakan sebahagian perkembangan profesional berterusan, apa yang dikatakan dengan izinnya, *continuous professional development* bagi mereka;

(ii) kita mengagihkan secara *administrative* doktor-doktor dan anggota sokongan daripada hospital yang kurang sibuk iaitu dengan kadar penggunaan katil dan jumlah pesakit yang rendah kepada hospital yang lebih sibuk; dan

(iii) kita melantik semula atas kontrak secara automatik semua doktor dan pegawai perubatan dan pakar perubatan dalam bidang klinikal yang telah mencapai umur persaraan wajib sehingga umur 65 tahun, tertakluk kepada prestasi kerja yang memuaskan dan kesihatan yang baik. Dasar ini juga akan dipanjangkan kepada perkhidmatan pegawai pergigian dan pegawai farmasi. Langkah-langkah di atas ini sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan rawatan yang sedia ada .

Di samping itu, Kementerian Kesihatan akan meneruskan usaha melengkapkan pegawai dan anggota hospital kerajaan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini supaya dia lebih *competent* melalui Program Perkembangan Profesional Berterusan dan pelbagai aktiviti pendidikan telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan di peringkat hospital, baik di negeri mahupun di peringkat kebangsaan.

Berbagai-bagai aktiviti peningkatan kualiti juga sedang dilaksanakan apa yang dipanggil sebagai Program Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance Programme* dengan izin, dan di antaranya adalah usaha mencapai persijilan ISO 9000 dan Akreditasi Hospital di mana setakat ini sebanyak 19 buah hospital kerajaan telah memperoleh persijilan ISO 9000 dan 38 buah hospital lagi telah memperoleh Sijil Akreditasi Hospital.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi dengan panjangnya senarai langkah untuk memperbaiki perkhidmatan di hospital kerajaan.

Saya bukan menyatakan bahawa tidak perlu untuk menaik taraf, membina struktur yang baik bagi kemudahan orang ramai tetapi yang kita tengok sekarang walaupun indah, bangunan besar, tetapi ia juga tidak selamat digunakan seperti hospital di Johor dan baru-baru ini hospital di Alor Setar. Soalan saya adalah apakah Yang Berhormat Menteri menyedari masalah-masalah yang paling asas yang dihadapi oleh orang ramai. Ada orang kata kalau tidak ada duit dan tidak ada wang jangan jatuh sakit. Kalau jatuh sakit kena masuk hospital lagi sakit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Cik Fong Po Kuan: Sebab kalau mereka dimasukkan ke hospital, mereka kena tunggu lama di hospital kerajaan, kena tunggu lama dan juga dibagi puasa kerana esok akan menjalani pembedahan dan hari ini puasa tetapi bila sampai hari keesokan kata bilik pembedahan itu sudah penuh dan tidak jadi dijalankan pembedahan dan tunggu lagi dan diminta supaya puasa sehingga dua minggu pun pembedahan tidak dijalankan.

Apakah Yang Berhormat Menteri menyedari ini perkara yang paling asas pun tidak dapat dijalankan dengan baik dan dielakkan daripada berlaku?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya faham dengan sikap Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sebenarnya soalan itu yang

dipanjangkan menunjukkan Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak sedar apa yang berlaku dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Sebenarnya perkhidmatan kesihatan di negara ini merupakan yang boleh dikatakan termudah di dunia dengan bayaran RM1 boleh dapat segala-galanya termasuklah hak untuk membuat aduan dan rintihan.

Yang kedua, dia mudah diperolehi kerana kita mempunyai rangkaian hospital sebanyak 130 buah dan 4,000 poliklinik dan klinik desa hingga ia mudah diperolehi dengan bayaran yang minimum dan dengan kualiti perkhidmatan yang boleh dikatakan kian meningkat.

Kalau kita mengambil contoh hospital yang berlaku kulat seperti di Johor dan di Alor Setar, ia merupakan segelintir daripada *totality* yang berlaku di negara ini. Suka tak suka kita kena menerima hakikat. Pada tahun yang lepas hospital kerajaan telah memberi perkhidmatan kepada 48 juta rakyat sebagai *out-patient* dan *in-patient* 1.7 juta. Ini menunjukkan rakyat yakin dengan perkhidmatan hospital kerajaan.

Kalau mereka tidak yakin, takkan sebegitu ramai iaitu 48 juta *out-patient* dan 1.7 juta *in-patient* pada tahun yang lepas. Jumlahnya hampir 50 juta. Ini bermakna rakyat yakin dengan perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, pihak kami sedar adalah kelemahan-kelemahan yang wujud dari semasa ke semasa dan apabila kita mengisytiharkan dan mengarahkan hospital itu ditutup kerana kerajaan peka dengan soal keselamatan pesakit.

Sebab itu kita akui ada kelemahan, kita tutup supaya segala kelemahan itu dapat ditangani dan sebaik sahaja ia ditangani, kita buka semula. Dengan bayaran RM1 sahaja kita boleh dapat perkhidmatan. Tak ada satu tempat di dunia, saya yakin dengan RM1 kita boleh dapat kemudahan, rawatan dan ubat-ubatan. Kita juga sedang berusaha supaya masa menunggu dapat dikurangkan dan dengan itu kita mengatakan Pengarah Hospital juga kena menjalankan kerja klinikal selain kerja harian.

Ini adalah usaha untuk mengurangkan kekurangan sumber manusia supaya kita sentiasa meningkatkan perkhidmatan hospital kerajaan. Pada tahun ini dan pada tahun yang akan datang, kita yakin lebih ramai rakyat kita yang sakit akan terus pergi ke hospital kerajaan kerana yakin dengan hospital kerajaan. Saya percaya juga banyak anggota Wakil Rakyat baik dari daripada kerajaan mahu pun daripada parti pembangkang apabila sakit mereka akan terus pergi ke hospital kerajaan kerana yakin dengan perkhidmatan dan kualiti yang diberikan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut apa yang saya baca, tahap penyelenggaraan kesihatan Malaysia hampir setanding dengan Jepun, Kanada, Amerika dan England tetapi jauh lebih murah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, kalau kita pandang di negara-negara lain, pihak yang terlibat dengan pengurusan hospital juga diberikan latihan *Management and Hospitality* untuk memperkukuhkan lagi *management skill* iaitu satu *skill* yang tidak dipelajari oleh pihak doktor di peringkat universiti semasa mereka memasuki universiti.

Skill Managemant ini adalah satu *specialised skill* yang patut diketahui juga bagi pihak pengurus. Dalam keadaan yang sedemikian adakah dalam keadaan kekurangan doktor sekarang ini yang membuatkan *clinical undertaking* ..... *[Disampuk]* ya, soalan, soalan. Adakah kerajaan bercadang supaya tiap-tiap hospital ditubuhkan satu *Hospital Management* yang di luar dari orang klinikal, orang doktor yang bukan *specialist* dalam *medical* tetapi hanya *specialist* dalam *management* supaya tidak membuangkan masa pihak yang mempunyai *skill* yang tertentu menjalankan kerja klinikal dan pengurusan dibuat oleh orang yang mempunyai kelulusan dalam soalan pentadbiran. Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan soal yang paling pokok ialah adakah doktor yang terlatih dalam perubatan membazirkan masa kerana menjalankan kerja-kerja *administrative.* Dalam konteks ini boleh dikatakan pentadbiran dan pengurusan di hospital baik di peringkat negeri mahu pun di peringkat kebangsaan, ia merupakan satu kerja yang lebih spesifik kerana kalau kita hanya melantik seseorang yang tidak terdedah dan tidak mempunyai pengalaman berkaitan dengan selok-belok yang berlaku di hospital maka dia akan dikatakan tidak dapat mentadbir hospital dengan sebaik-baiknya.

Pada masa kini, kita menggunakan doktor sebagai Pengarah Hospital baik di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri kerana kita sedar dalam pengurusan hospital dan pentadbiran hospital dia seharusnya mempunyai kefahaman berkaitan dengan sedikit sebanyak soal perubatan kerana tiap-tiap hospital kena mewujudkan apa yang dikatakan *review committee* berkaitan dengan kematian, *infant mortality rate*.

Tiap-tiap hospital diwajibkan untuk mengadakan *review* dari semasa ke semasa untuk memahami segala-galanya maka seseorang yang terlatih dengan latar belakang perubatan merupakan satu kelebihan dan mereka juga boleh dihantar dari semasa ke semasa untuk mengadakan kursus pentadbiran. Dia dikatakan pendek kata *the best of both world* bermakna dia faham soal perubatan dan dia juga terdedah kepada soal pentadbiran.

Apabila dia dilantik sebagai pengarah di hospital dan dengan latar belakang tersebut, maka dia dapat faham segala selok-belok yang berlaku di hospital dan bukan hanya seorang yang terlatih dalam pentadbiran dan tidak ada pengalaman dan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan perubatan. Ia lebih lengkap kalau dia mempunyai asas perubatan.

5. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah pihaknya tidak bercadang untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap syarikat-syarikat konsesi pembinaan lebuh raya di seluruh negara yang gagal menyempurnakan projek-projek pembinaan lebuh raya dengan sempurna sehingga menimbulkan kesusahan pihak kerajaan dan orang ramai amnya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuh Raya Malaysia sentiasa memantau kemajuan kerja-kerja pembinaan lebuh raya-lebuh raya di bawah pengawasannya dengan memastikan setiap pembinaan yang dilaksanakan mengikut reka bentuk dan piawaian yang ditetapkan.

Pemantauan ini dibuat melalui penelitian dan kajian-kajian di tapak projek. Sekiranya berlaku sebarang penyelewengan dan tidak mematuhi reka bentuk dan piawaian yang ditetapkan, pihak syarikat konsesi akan diarah membina semula lebuh raya yang terlibat. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati syarikat konsesi tidak mengambil tindakan sewajarnya, Sijil Kesempurnaan Pembinaan Lebuh Raya tidak akan dikeluarkan dan lebuh raya tidak dapat dibuka kepada pengguna dan pihak syarikat konsesi tidak akan dibenarkan mengutip tol. Tindakan akhir yang akan diambil oleh kerajaan adalah menamatkan konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum mana-mana lebuh raya dibuka, pengauditan dari segi pembinaan dan keselamatan akan juga diadakan dan dijalankan oleh perunding bebas yang dilantik dan sebarang teguran perunding perlu diperbaiki oleh syarikat konsesi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hati banyak besar kerana Menteri datang menjawab. Soalan tambahan, Datuk Menteri jangan terperanjat, jangan marah, sedikit mahu sabar hati, pagi-pagi – pagi-pagi mahu tenang.

Ini apa cerita Datuk. Tol mahu 10%. Apa cerita? 10% bagi rakyat – besar. Apakah tiap-tiap tiga tahun hendak naik, tiga tahun hendak naik. Kereta sudah banyak. Takkanlah yang mengendalikan tol ini rugi, makin banyak dan lebuh raya hari ini sudah tidak macam lebuh raya. Saya hendak balik ke Johor selama empat jam lebih, jam. Kena bayar, jam lagi. Lepas itu hendak kena bayar 10% lagi.

Rakyat menolak, Datuk, rakyat tidak suka. Tetapi agaknya macam mana JKR – Menteri hendak kenakan bayaran ini. Apakah tak boleh dibatalkan hasrat hendak naikkan 10% itu? Rakyat memang sokong supaya tidak naik. Biarlah, biarlah beberapa tahun. Ini tiap-tiap tiga tahun hendak naik, rakyat teruk. Soalannya, rakyat menolak kenaikan 10% tol ini, menolak. Menolak, Datuk dan kerajaan kena terima, saya mewakili rakyat seluruh negara seramai 25 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Soalan tak ada, cuma cadangan sahaja. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak, ini beritahu kepada Menteri hasrat rakyat. Kita wakil rakyat, semua Ahli Parlimen ini baik pembangkang pun sokong saya ingat. Ini 10% mesti dibatalkan, rakyat yang di luar Parlimen ini Datuk semua menyokong saya. Menteri kena peka rakyat punya kehendak. 10% ini tolak, kita tidak mahu bayar 10% ini. Tangguhkanlah, agak lima tahun lagi baru disemak balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah soalan? Sama ada Yang Berhormat hendak bertanya sama ada Menteri bersetuju atau tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mesti kena bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kena bersetuju tolak 10% sebab dia pun daripada rakyat. Dia wakil rakyat, tanya pengundi dia di Sungai Siput pun tidak mahu naik 10% ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukupkah Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri faham saya ingat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia faham. Dia faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Banyak terima kasih Datuk Menteri. Jangan marah. Jangan kecil hati. Selamat pagi. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan asal tidak ada kaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, di atas penghormatan tinggi saya kepada Ahli Yang Berhormat saya jawablah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk menaikkan tol itu telah dibuat bukan oleh menteri tetapi dibuat oleh kerajaan. Kerajaan yang bertanggungjawab sekarang ialah Kerajaan Barisan Nasional di mana Ahli Yang Berhormat pun daripada Barisan Nasional juga.

Pada awalnya iaitu pada tahun 80-an, masa itu kadar tol adalah lebih tinggi daripada apa yang kita bayar sekarang. Pada masa itu jikalau kita mengikut dengan bayaran kadar yang lama mungkin hari ini dikenakan sekurang-kurangnya 18 sen, bukannya 13.4 sen. Ini telah ditimbang dan dibincang oleh kerajaan iaitu Kementerian Kewangan telah mengadakan rundingan terus dengan PLUS untuk mengurangkan tol dan juga memberikan kepada mereka konsesi yang lebih sedikit daripada apa yang ditetapkan pada masa dahulu.

Jikalau rakyat menolak juga kenaikan kadar tol ini, saya tidak boleh berbuat apa-apalah, tetapi saya boleh menyampaikan mesej daripada Parlimen ini kepada Jemaah Menteri esok.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sokong. Pihak pembangkang di sini menyokong pendirian yang dibuat tadi. Saya harap bagi pihak semua Ahli Parlimen Barisan Nasional yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading dan sungguhpun *concession* ini disetujui oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, bolehkah Yang Berhormat bawakan ke Kabinet esok bahawa Parlimen yang dipilih pada 21 Mac 2004, di mana 92% Ahli-ahli Barisan Nasional tidak bersetuju dengan kenaikan 10% dan mahu ia diberhentikan dan bolehkah satu kajian dibuat untuk:

(i) membekukan kenaikan tol 10% bermula 1 Januari;

(ii) bukankah benar bahawa *concession* di sini, PLUS pun tidak menunaikan syarat-syarat supaya, dengan izin, ada satu perjalanan yang selesa, selamat dan licin oleh kerana *'traffic jam'* yang begitu rumit. Bukankah ini satu syarat di mana untuk memaksa *concession* itu untuk mengulang kaji terma-terma di dalam *concession* dan adakah Yang Berhormat Menteri sedia untuk mengadakan satu perjumpaan dengan

satu jawatankuasa Parlimen semua parti untuk mengkaji dengan mendalam mengenai *concession* ini ….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...sama ada mengenai ciri-ciri yang tidak adil supaya *a full review* boleh diadakan, bukan sekarang untuk memanjangkan terma daripada 30 tahun kepada 42 tahun ….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat**.** Cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Lebih daripada dua generasi digadaikan!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, lebuh raya yang sedia ada telah direka bentuk untuk mengambil kira jumlah kenderaan sebanyak 160,000 sahaja bagi sehari tetapi sekarang ini sebanyak 1.2 juta kenderaan menggunakan lebuh raya yang sedia ada. Jadi, ada *jam* atau tidak? Mesti ada jam oleh kerana semua dengan sekali gus menggunakan lebuh raya yang sedia ada!

Jadi, kita sedang menjalankan kerja-kerja untuk membaiki jalan persekutuan di mana pengguna-pengguna jalan boleh mendapat pilihan yang lain – tidak payah menggunakan jalan lebuh raya yang sedia ada.

Berkenaan dengan pengurangan tol atau tidak atau batal, semuanya bukan di dalam tangan saya. Seperti apa yang saya katakan tadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga usul meminta kerajaan untuk menukar syarat-syarat yang telah ditetapkan dan telah ditandatangani, saya boleh jugalah menyampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Insya-Allah, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju, kita tunggulah.

6. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota] minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan:-

(a) jumlah usahawan bumiputera dan syarikat koperasi milik bumiputera di dalam industri berteknologi tinggi seperti petrokimia dan automobil; dan

(b) apakah masalah-masalah yang dihadapi Kementerian di dalam membantu usahawan-usahawan ini membangun di dalam sektor-sektor industri yang telah dinyatakan, apakah pula sambutan dan sokongan yang didapati daripada sektor swasta terhadap usaha Kerajaan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsyiah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sentiasa berusaha menggalakkan penyertaan usahawan bumiputera dalam bidang teknologi Tinggi. Bagi industri petrokimia sebanyak 39 buah bumiputera sedang berkecimpung dalam sektor tersebut di mana secara keseluruhannya syarikat-syarikat berkenaan membekalkan produk dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di Malaysia.

Bagi bidang automobil terdapat sebanyak 346 buah syarikat yang mengeluarkan pelbagai komponen elektrik, elektronik, plastik dan sebagainya terlibat dalam industri ini. Hampir separuh daripadanya adalah terdiri daripada usahawan bumiputera. Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi juga terlibat secara langsung membantu dan membangunkan usahawan bumiputera dalam sektor automotif. Sehingga kini sebanyak 57 buah syarikat IKS bumiputera sedang dibangunkan dalam sektor automatif. Walau bagaimanapun, belum ada koperasi di bawah penyeliaan kementerian yang terlibat dalam industri, petrokimia dan automobil.

Tuan Yang di-Pertua, di antara masalah yang dihadapi dalam membantu usahawan bumiputera membangun dalam sektor berkenaan ialah:-

(i) Peluang pasaran – Usahawan bumiputera kini terpaksa berhadapan dengan persaingan pasaran yang hebat sama ada di pasaran terbuka tempatan mahu pun global. Faktor

kekurangan daya saing dari segi harga, kualiti dan penghantaran menyebabkan mereka tidak berupaya melawan cabaran globalisasi;

(ii) Faktor pembiayaan – Usahawan menghadapi masalah pembiayaan terutama modal kerja terhadap pembelian mesin dan peralatan walaupun terdapat pelbagai bentuk pembiayaan yang disediakan oleh bank dan institusi kewangan tetapi usahawan IKS sukar memperolehnya kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak bank dan institusi kewangan;

(iii) Sikap pengurusan syarikat sendiri – Antara masalah yang sering dihadapi oleh kementerian ialah sikap pihak pengurusan syarikat IKS yang tidak memaklumkan masalah yang dihadapi di peringkat awal. Keadaan ini menyukarkan kementerian untuk membantunya.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sektor swasta sememangnya memberi sokongan dan merupakan pemangkin utama dalam menjayakan program-program kementerian khususnya program pembangunan vendor Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam bidang automotif. Kementerian telah berjaya mendapat sokongan padu dan kerjasama dari Proton, Produa, Naza Automotive Manufacturing dan Modenas.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, dalam kita membantu usahawan bumiputera, pertamanya saya ingin mengalu-alukan tindakan kerajaan menyediakan apa yang dipanggil Skim Modal Teroka Berteknologi Tinggi. Soalan tambahan saya, dalam kita mengukur kejayaan membantu bumiputera seperti yang disebut 39 buah syarikat, 146 buah syarikat dan 57 buah syarikat yang terlibat dalam bidang berteknologi tinggi, adakah kita membantu usahawan kita sehingga peringkat mengetengahkan mereka ke negara luar? Maknanya gandingan usaha sama di antara syarikat bumiputera Malaysia dengan negara luar. Berapa banyakkah negara luar dan berapa banyakkah syarikat-syarikat ini yang telah berjaya mempatenkan produk-produk mereka dalam kita mengukur kemampuan dan kejayaan syarikat bumiputera ini? Terima kasih.

Dato' Khamsyiah binti Yeop: Sebenarnya usaha itu sedang dijalankan oleh kementerian. Oleh sebab angka yang spesifik yang dipohon oleh Yang Berhormat saya memerlukan notis untuk memberikan jawapan. Terima kasih.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah ataupun pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi di negara kita ini? Terima kasih.

Dato' Khamsyiah binti Yeop: Dalam usaha ini kita sememangnya memberi banyak pembiayaan dalam kementerian sendiri dan institusi bank yang ada pada kita iaitu Bank Pembangunan dan juga kita juga bekerjasama dengan pihak MIDA sendiri. Terima kasih.

7. Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapakah pelanggan diminta layan diri di stesen-stesen minyak sedangkan mereka telah dikenakan caj perkhidmatan tersebut oleh pengusaha stesen minyak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, sistem khidmat layan diri di stesen-stesen minyak telah diperkenalkan sejak Januari 1997 dan sehingga kini pelaksanaannya telah diperluaskan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tujuan pelaksanaannya ialah:-

(i) mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja kurang mahir dan tenaga buruh asing;

(ii) mengurangkan kos operasi pengusaha-pengusaha stesen minyak yang mana dianggarkan kos tenaga kerja

merupakan 30% daripada kos operasi di stesen-stesen minyak;

(iii) merupakan satu pendekatan memodenkan perusahaan stesen-stesen minyak di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, kelonggaran telah diberikan kepada golongan warga tua, wanita mengandung dan orang-orang cacat dalam pelaksanaan sistem khidmat layan diri ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pengusaha-pengusaha stesen-stesen minyak tidak mengenakan sebarang caj perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan yang membeli minyak dan barangan keperluan yang lain di stesen-stesen minyak. Sekian, Terima kasih.

***[Soalan No.8** – YB Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] tidak hadir]*

9. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan yang diambil oleh kepimpinan baru Khazanah Nasional Berhad bagi melonjakkan prestasi GLC di dalam dan di luar negara dan bagaimanakah pakej emolumen yang ditawarkan kepada mereka sebagai insentif bekerja keras.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Khazanah Nasional Berhad telah mengambil langkah perlu yang terperinci bagi memastikan mandat kepimpinan barunya yang ditetapkan oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya ialah menstrukturkan semula tanggungjawab utama Khazanah Nasional Berhad di mana ia bertindak untuk mengurus pelaburan sedia ada, menjana proses untuk melonjakkan prestasi GLC, menjana pelaburan baru dan membantu mengurus sumber modal manusia bagi negara.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai terutamanya dalam melonjakkan prestasi GLC, Khazanah Nasional Berhad akan memperkenalkan usaha-usaha berikut:-

(i) memastikan keberkesanan polisi *key performance indicators* (KPI) dan *performance link compensation* (PLC). Itulah yang ditekankan oleh kerajaan dan diterima pakai oleh GLC;

(ii) menetapkan rangka pengurusan mikro bagi GLC di bawah Khazanah Nasional Berhad yang merangkumi aspek peneraju syarikat dan penetapan strategik yang efektif. Memastikan tahap kawalan dan sistem yang cekap, membantu dalam penstrukturan sektor industri yang cekap dan menyelia serta memantau pelaburan sedia ada;

(iii) mempertingkatkan keberkesanan khazanah sendiri yang memerlukan pembaharuan dari segi penyusunan organisasi khazanah. Penambahan sumber manusia yang lebih dinamik dan profesional, peningkatan sistem maklumat pengurusan dan sistem kawalan pengurusan, dan penyediaan rancangan kewangan jangka panjang yang berkesan.

(iv) menekankan kepada pelaksanaan objektif yang efektif ataupun *execution focus*.

Dalam pada itu Khazanah Nasional Berhad kini sedang melaksanakan penstrukturan semula pakej emolumen bagi pekerja-pekerjanya yang berteraskan dokumen Guiding Principles Implementation of PLC and GLC, 14 Mei 2004 yang disediakan oleh Jawatankuasa Induk PLC, Kementerian Kewangan.

Pakej emolumen yang akan ditawarkan kelak akan setanding dengan sektor-sektor swasta yang lain serta mengambil kira pelan insentif jangka pendek melalui pemberian insentif bonus tunai dan pelan insentif jangka panjang melalui skim *option* saham.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selain langkah-langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, apakah faktor-faktor yang lain boleh melonjakkan GLC baik di dalam pasaran negeri atau di luar negeri dan sejauh mana ia telah mempengaruhi peningkatan aliran modal dan pelaburan asing di dalam Malaysia. Bagaimanakah prestasi GLC sekarang berbanding dengan syarikat-syarikat Malaysia bukan GLC dalam membantu menjana ekonomi negara. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak awal untuk saya menjawab kerana pentadbiran GLC baru sahaja bermula pada tahun ini dan kesannya saya kira belum lagi kita lihat dengan jelas. Ini mengambil masa sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan perubahan dalam khazanah negara dan melonjakkan prestasi GLC. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa kadang-kadang syarikat-syarikat GLC ini bersaing dengan syarikat-syarikat tempatan. Kemudian saya tidak dapat lihat yang syarikat ini kadang-kadang mengadakan konsep payung untuk membantu industri-industri tempatan. Apa salahnya perniagaan-perniagaan dalam negara ini kita beri kepada syarikat-syarikat tempatan kemudian GLC *lead* di peringkat antarabangsa. Ini lebih menguntungkan. Kalau sekarang ini GLC juga hendak bersaing, kadang-kadang kita masuk ke dalam satu-satu tawaran, syarikat kerajaan pun ada di situ, sudah tentu keutamaan akan diberikan kepada syarikat kerajaan. Walaupun kita lihat banyak syarikat kerajaan dan anak-anak syarikat kerajaan mengalami kerugian. Apakah dalam untuk melonjakkan dan tindakan untuk menyusun semula khazanah negara ini, apa yang saya cadangkan dan sarankan ini diambil kira untuk pertumbuhan ekonomi keseluruhan di dalam negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, syarikat GLC ini banyak. Ada yang memang sudah pergi ke peringkat antarabangsa dan ada banyak lagi yang masih di peringkat dalam negeri. Saya beri contoh Petronas memang sudah ke luar negara lebih ke 30 buah negara dan Petronas memang boleh bersaing dengan syarikat-syarikat minyak antarabangsa. TNB contohnya Tuan Yang di-Pertua, memang sudah di dalam negara dan di luar negara. Sudah pergi ke Pakistan dan sebagainya. Saya beri contoh di mana TNB juga membantu menjana syarikat-syarikat kecil dalam negara. TNB membangunkan banyak vendor dan bukan sahaja membangunkan vendor tetapi juga TNB terlibat secara langsung dalam pembuatan *manufacturing items* ataupun produk-produk yang hendak digunakan dalam bidang jana kuasa elektrik. Jadi, bukan semua syarikat GLC bersaing. Yang bersaing ini bolehlah kita ambil perhatian. Boleh kerajaan mengambil perhatian pendapat Yang Berhormat Jerai itu.

10. Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sistem pendidikan yang ada sekarang perlu diubah serta ditukar kepada sistem pendidikan yang lama yang sudah lama terbukti telah menghasilkan pelajar-pelajar yang berkualiti tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengubah sistem pendidikan yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa berusaha untuk menambah baikkan sistem yang sedia ada. Untuk memastikan pelajar-pelajar yang berkualiti tinggi dapat dihasilkan sesuai dengan keperluan negara masa kini, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Khas Mengenai Pendidikan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa induk untuk menyemak semula sistem pendidikan khususnya mengenai peranan sekolah kebangsaan sebagai institusi utama dalam arus perdana sistem pendidikan negara. Antara tugas-tugas utama jawatankuasa ini ialah meneliti aspek-aspek berikut iaitu kesesuaian kurikulum, pentadbiran sekolah, latihan guru, penempatan guru dari komposisi kaum, sistem

pengambilan guru mengikut komposisi kaum dan akhirnya permuafakatan semangat perpaduan. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *English* dikatakan sebagai satu faktor yang menyebabkan graduan tiada mendapat pekerjaan di pihak swasta. Kita melihat bahawa *English* merupakan bahasa yang sedang di *concentrate* oleh kementerian di peringkat sekolah rendah dan menengah. Soalan tambahan, saya ingin tahu sejauh manakah pencapaian penuntut-penuntut di peringkat sekolah rendah dan menengah dalam penguasaan bahasa ini terutama dan di kalangan penuntut-penuntut bumiputera. Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa dalam era globalisasi bahasa antarabangsa iaitu bahasa Inggeris adalah amat penting dari segi memberi keupayaan kepada rakyat Malaysia terutamanya generasi muda yang akan datang untuk memberi keutamaan dari segi keupayaan berdaya saing. Jadi, untuk merealisasikan hasrat memberi kemahiran dan kefasihan dalam bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar, kementerian telah memperkenalkan Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Walaupun program ini masih baru lagi, mengikut kajian kami dan juga *feedback* kami ada *response* yang positif yang baik yang menunjukkan bahawa keupayaan kebolehan pelajar-pelajar kami menguasai bahasa Inggeris adalah lebih baik dengan memperkenalkan subjek Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Ini akan dikaji dari masa ke semasa dan sistem ini akan ditambahbaikkan. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita maklum bahawa kualiti adalah sesuatu yang subjektif atau boleh kita katakan sebagai sesuatu yang menepati cita rasa ini. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, wujudnya Jawatankuasa Khas tadi ialah untuk melihat dan mengkaji secara terperinci sistem-sistem proses-proses serta prosedur-prosedur yang menghasilkan pelajar-pelajar yang berkualiti tinggi yang menepati keperluan masa kini. Apakah komen Yang Berhormat tentang siswazah menganggur yang begitu ramai pada hari ini, adakah mereka ini tidak berkualiti disebabkan sistem pendidikan kita pada hari ini yang mungkin perlu juga kita lihat kalau perlu dikaji rawat semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, keperluan pengajian sama ada pendidikan sama ada di peringkat sekolah ataupun pengajian tinggi adalah satu keperluan yang dinamik, bukan statistik. Ini perlu dikemaskinikan mengikut keperluan-keperluan semasa. Berkenaan dengan graduan-graduan yang menganggur saya rasa ini adalah satu fenomena yang berlaku dari masa ke semasa dan bukanlah tetap. Ada kemungkinan bidang yang mereka pelajari tidak sesuai ataupun dari segi ciri personaliti *applicants* itu tidak sesuai dengan keperluan majikan dan juga kefasihan dalam bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini supaya menyesuaikan sistem pendidikan kepada keperluan semasa adalah seperti mengadakan sekolah wawasan, sekolah bestari dan memperkasakan sekolah kebangsaan. Di samping itu, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri pada hari Ahad bersamaan 12 Disember 2004, kami akan menjalankan satu kajian yang menyeluruh sistem pendidikan pada tahun hadapan, pada tahun 2005 di mana ada kemungkinan bahawa sistem yang sedia ada tidak semata-mata hanya berorientasikan kepada peperiksaan tetapi juga memberi penekanan kepada kokurikulum. Jadi, kami juga akan memberi penekanan bukan sahaja pembangunan dari segi akademik tetapi juga dari segi yang bukan akademik dari segi sahsiah dan juga pembinaan personaliti dan juga akhlak supaya pelajar-pelajar yang akan keluar dari sistem pendidikan kami dapat keyakinan dan dapat menerima keyakinan daripada majikan-majikan. Terima kasih.

11. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

(a) bilakah Falun Dafa Organization, Kuala Lumpur didaftarkan dan diluluskan dan apakah jenis perniagaan yang dijalankan; dan

(b) sama ada sedarkah kementerian bahawa organisasi ini pernah membuat bantahan terhadap Kerajaan China melalui tindakan ahli-ahli Falun Gong di China. Jika sedar, apakah tindakan yang diambil terhadap organisasi ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang terdapat dalam daftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun SSM adalah Falun Dafa Research Centre Berhad. Syarikat tersebut didaftarkan pada 2 Mei 2003 dan aktiviti atau jenis perniagaan yang dijalankan oleh syarikat tersebut adalah menjalankan penyelidikan kesenian. Memang benar pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menerima surat aduan dari Kedutaan Republik Rakyat China pada 22 Jun 2004. Kedutaan Republik Rakyat China telah mengadu bahawa Badan Falun Gong telah menggunakan syarikat Falun Dafa Research Centre Berhad sebagai platform untuk membuat bantahan terhadap Kerajaan China dan juga meminta pihak kementerian untuk membatalkan pendaftaran syarikat tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM berkuasa di bawah seksyen 217(1), Akta Syarikat 1965 membuat permohonan kepada mahkamah untuk menggulung sesebuah syarikat yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sekiranya ia didapati digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 218 (M)(N) Akta Syarikat 1965 iaitu ia digunakan untuk tujuan yang tidak sah, memudaratkan dan bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan dan ketenteraman awam.

Sehubungan dengan itu, SSM telah menghubungi dan juga mengadakan perjumpaan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang dijalankan oleh Falun Dafa supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh SSM. Buat masa kini, perkara ini masih dalam pertimbangan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat memberi dalam penjelasan berkaitan dengan syarikat Falun Gong. Dengan adanya pengarah-pengarah syarikat tersebut menggunakan badan niaga untuk tujuan politik untuk menjejaskan hubungan antara negeri China dengan Malaysia. Ini sangat-sangat serius. Maka dengan demikian, sepatutnya pihak kementerian ambil dengan tulus kerana dipandang dari Kedutaan Negeri China ini membuktikan bahawa sebaran surat-surat kepada orang ramai. Ini telah membuktikan bahawa syarikat perniagaan yang didaftar di bawah kementerian ini telah melanggar undang-undang maka sehingga kini masih diteruskan siasatan tetapi ini betullah. Sepatutnya kerajaan tegas mengambil tindakan dengan membatalkan sehingga biarkan syarikat tersebut merayukan ataupun bolehkah buat demikian?

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, SSM tidak dapat menolak segala permohonan pendaftaran perniagaan kecuali kita boleh menggunakan seksyen 16(8) Akta Syarikat cuma boleh menolak pendaftaran memorandum syarikat sekiranya terdapat pengarah-pengarah yang terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang tetapi selepas mereka mendaftar sebagai satu syarikat dan juga pada asalnya syarikat itu cuma menjalankan penyelidikan kesenian. Kita faham tentang aduan yang dibuat oleh Kedutaan Republik Rakyat China dan kita telah pun sebagai apa yang saya katakan tadi kita sudah pun berhubung dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, sekiranya ada bukti yang lebih jelas dapat kita menggunakan seksyen 217(1), 218 (M) dan (N) untuk menggulungkan syarikat.

SSM telah pun menyedari tentang masalah yang timbul pada hari ini iaitu pada 1 Julai 2004, SSM telah pun menubuhkan satu unit yang baru iaitu dengan unit yang demikian dapat kita semak dengan teliti dan juga ditapis dengan senarai pertubuhan yang telah ditolak oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan. Erti kata kalau akan datang

segala pertubuhan yang ditolak oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, dapat kementerian melalui SSM menolak pendaftaran perniagaan yang didaftarkan kepada SSM. Buat masa sekarang tentang Falun Dafa Research Centre Berhad ini, kementerian akan terus berhubung dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sekiranya dapat bukti yang jelas, SSM akan mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk soal jawab dan di sini ingin saya maklumkan Yang Berhormat kita ada seorang tetamu Speaker daripada Sri Langka, bersama-sama dengan kita di Dewan yang mulia ini *[Tepuk].* Maka bagi pihak keseluruhan Yang Berhormat saya mengucapkan selamat datang kepada beliau.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 20 ialah mengenai 12 laporan Ketua Audit Negara mengenai dua buah kerajaan negeri dan saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 20 yang saya baca :

> *"20 (1) Risalah-risalah mesyuarat hendaklah di bawa ke dalam Mesyuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau pengerusi Jawatankuasa dana hendaklah dihantar kepada Setiausaha;*
>
> *(2) Tiap-tiap risalah mesyuarat yang telah diterima salinannya oleh Setiausaha, hendaklah disifatkan telah di bawa ke dalam Majlis Mesyuarat dan diperintahkan supaya terbentang di atas Meja Mesyuarat atau dengan izin, dalam bahasa Inggeris, every paper copy of which is so received by the Setiausaha shall be deemed to have been presented to the House and ordered to lie upon the table."*

Dan saya merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Perkara 106 mengenai kuasa dan kewajipan Juruaudit Negara

i) Akaun-akaun bagi Persekutuan dan bagi Negeri-negeri…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh ke kita bincangkan perkara …

Tuan Lim Kit Siang: Bersama, bersama, itu bersangkut paut ada *bering directly* mengenai perjalanan perkara *Standing Order* 20, biarlah, biarlah saya rujuk mengenai Ketua Audit Negara, kuasa dan kewajipan Juruaudit Negara,

i) Akaun-akaun bagi Persekutuan dan bagi negeri-negeri hendaklah diaudit oleh Juruaudit Negara dan laporan dibuat olehnya;

ii) Juruaudit Negara hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan berhubung dengan akaun-akaun Persekutuan dan akaun-akaun negeri-negeri dan berhubung dengan akaun-akaun pihak berkuasa pihak berkuasa awam lain dan akaun-akaun badan-badan ditentukan dengan perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

107, itulah mustahak laporan-laporan Juruaudit Negara 107(1), Juruaudit Negeri hendaklah menghantar laporan-laporan kepada Yang di-Pertua Agong, yang akan mengarahkan laporan-laporan itu dibentangkan di dalam Dewan Rakyat, dibentangkan dan diarahkan, perintah Yang di-Pertuan Agong bahawa di bentang dalam Dewan.

107(2) satu naskhah mana-mana laporan itu mengenai akaun-akaun sesuatu negeri atau mengenai akaun-akaun mana-mana pihak berkuasa awam dan menjalankan kuasa yang diberi oleh undang-undang negeri hendaklah dihantar kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu yang akan mengarahkan laporan dibentangkan dalam Dewan Negeri itu. Ini bererti bahawa apabila Yang Berbahagia

Setiausaha Parlimen, menerima laporan-laporan Ketua Audit Negeri, yang pertama atas perintah Yang di-Pertuan Agong dan kedua apabila diterima, *it is already tabled..*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap dan yang ketiga, lepas itu satu salinan dibuat itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biar saya buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Biar habiskan perenggan itu. Itulah, itulah laporan induk, sebab satu salinan dibuat kepada tiap-tiap negeri dan sebagai contohnya laporan Ketua Audit Negara untuk negeri Melaka dibentang dalam Dewan Undangan Negeri pada bulan Oktober..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jika saya benarkan bincang…

Tuan Lim Kit Siang: Bukan bincang, bukan bincang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh ..

Tuan Lim Kit Siang: …butir-butir risalat 21(11), *copy* sudah dibentang, *main copy* belum ada di sini. Saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu *ruling* bahawa 12 laporan-laporan Ketua Audit Negara mengenai 12 negeri, dianggap sebagai sudah dibentang dan oleh kerana itu..

Seorang Ahli: *[Menyampuk].*

Tuan Lim Kit Siang: ….hormat kepada Yang di-Pertuan Agong mengikut undang-undang ..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ini bahaskah apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Dan oleh kerana semua *copies* sudah sedia ada bahawa Ahli-ahli Parlimen, bila keluar boleh ambil satu *copy,* itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini sebenar..

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan, tidak apa, Yang Berhormat cukup, cukup, cukup. Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini sebenarnya telah kita bangkitkan dan yang Menteri dari di Jabatan Perdana Menteri telah meminta maaf dalam perkara ini. Jadi, saya fikir tidak perlu kita bangkitkan semula.

Sebagaimana yang saya tegaskan semalam, saya mengaku ini kerja dijalankan oleh Setiausaha mengikut Peraturan Mesyuarat 22, apabila menerima risalah dan beliau akan membentangkan atas meja mesyuarat akan tetapi juga saya ingin memutuskan segala risalat ataupun dokumen yang dihantar oleh pihak-pihak yang tertentu tidak mengikut prosedur yang tertentu, tidak mengikut Peraturan Mesyuarat tertentu maka saya fikir Peraturan Mesyuarat 23 ini tidak terpakailah. Jadi kita berhentikan perkara inilah, cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 14. *[Disampuk]* Ada lagi, banyak lagi! Apa ada lagi, banyak lagi. Peraturan Mesyuarat yang berlainan, yang berlainan.

Sebelum kita masuk kepada perkara ialah *first reading* ialah dalam 14(1)(m) dan satu 14(1)(i) - *Ministerial Statements*, kenapa ada dua Menteri Jabatan Perdana Menteri di sini, kenapa tidak ada *Ministerial statements* mengenai bencana di Kelantan, di East Coast, 13 orang telah korban nyawa, janganlah orang kata bahawa kalau dua orang mati di KL, *national disaster,* 13 orang mati di East Coast bukan *national disaster!….*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: …. harap ada kenyataan menteri dibuat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan giliran Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu tanya. Kenapa itu tidak ada *ministerial statement?* Bolehkah satu penjelasan *ministerial statement* patut dibuat - bencana di East Coast...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat … ..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya pun mahu kalau ini macam! *[Ketawa]……*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kita nak bangkitkan masalah berkaitan peraturan mesyuarat, kita terpaksa mengikut peraturan mesyuarat. Setiausaha teruskan urusan kita.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.* Oleh kerana mengikut peraturan dan Perlembagaan, satu pindaan kepada Perlembagaan yang akan meminda *state list* perlulah *request* daripada *State Assembly* dan saya tidak lihat apa-apa *State Assembly* adalah dibuat permintaan supaya meminda Perlembagaan. Adakah permintaan dibuat oleh Dewan-dewan Undangan Negeri supaya meminda Perlembagaan bersabit dengan *state list* dan adakah *Conference of Rulers* sudah memberi *consent* mengenai pindaan itu?

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak ada kena-mengena dengan pindaan yang akan dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada kena-mengena? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

RANG UNDANG-UNDANG

KAWALAN PERTUKARAN WANG (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" ***[13 Disember 2004]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hanya dapat membenarkan dua orang Ahli Yang Berhormat berucap….

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: …sebelum pihak Menteri diminta menjawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dua sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua sahaja, dua sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, silakan.

11.14 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong pindaan Akta ini tetapi sebelum itu, saya amat berbesar hati dan ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pertanian yang mengetuai dan mengepalai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, kerana membawa pindaan kepada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 kepada Akta Perlembagaan Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004.

Pindaan ini menjelaskan mengenai akta yang dipinda iaitu Akta 141 - Akta FAMA. Dengan pindaan ini akan menjelaskan dengan terang supaya jelas objektif Lembaga itu ditubuhkan oleh kerajaan dengan memasukkan tanggungjawab bagi mengawal di samping memperbaiki dan menyediakan kemudahan pasaran keluaran pertanian termasuk yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pengimportan dan pengeksportan. Ini akan membawa perubahan besar kepada FAMA.

Satu yang sangat menonjol, yang sangat sesuai dengan peredaran masa dan sesuai dengan kehendak kegiatan rakyat supaya FAMA ini berdaya saing dan mempunyai kebebasan sebagai badan yang menguruskan perniagaan, dan sesuai dengan cara-cara membuat dasar-dasar berkaitan dengan sektor pertanian ialah berkenaan menggantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong" kepada perkataan "Menteri". Dengan kuasa yang diberikan kepada Menteri, saya rasa FAMA akan bergerak dengan lebih bebas dan boleh membawa kepada perubahan-perubahan yang lebih menguntungkan kepada petani-petani.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya rasa semua rintihan, pandangan dan juga kritikan yang dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab oleh rakan-rakan, yang mengambil bahagian dalam perbahasan akta ini akan dapat diambil tindakan oleh FAMA dengan penggantian perkataan "Menteri" ini supaya Menteri selaku orang yang diberikan kuasa akan dapat membawa perubahan-perubahan. Saya rasa FAMA selepas pindaan ini ia akan berubah kepada yang lebih berdaya saing, yang lebih memenuhi nanti apa yang disuarakan oleh rakyat. Ini perubahan yang sangat besar. Daripada tahun 1965, hampir 40 tahun; 1965 sampai 2004, hampir 40 tahun, kalau betul kiraan saya ini. Jadi, dipinda kepada Menteri dan ini memberikan kebebasan kepada Menteri. Sebagai Menteri yang diberikan kuasa dan tentulah Menteri lebih peka kepada kehendak rakyat terutama petani-petani, beliau akan dapat melakukan sesuatu yang lebih menguntungkan.

Mungkin agaknya selepas ini FAMA boleh membuat pasar borong, agak sayalah. Dia boleh membuat sesuatu yang luar biasa, yang lain dari yang lain.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Kalabakan, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kalabakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah, hebat sahabat saya ini, sila.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita nampak Sri Gading ini hebat, cuma saya keliru, saya tidak faham, saya meminta mungkin Yang Berhormat bagi Sri Gading atau kementerian boleh memberi penjelasan nanti kerana saya tidak mengerti apa itu FAMA? Ia dikatakan satu agensi yang boleh memberikan keistimewaan kepada rakyat. Kami di Sabah, dengar nama FAMA, kami tidak tahu apa tanggungjawabnya di Sabah? Banyak agensi yang kami tidak tahu. Kami di Sabah, menyertai Malaysia pada tahun 1963, tetapi kami dengar sahaja keistimewaan-keistimewaan yang ada tetapi tidak sampai, dengar sahaja.

Ini bermasalah, kita dengar suara tetapi kita tidak tahu dari mana datangnya suara itu. Jadi mintalah kalau boleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau tidak boleh, mungkin kementerian bagi penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang lebih baik memberi penjelasan ialah kementerian, yang lebih baik. FAMA ini adalah Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) Tugasnya memasarkan pertanian. Kalau agak terasing orang Sabah, selepas ini mungkin agaknya rintihan Yang Berhormat bagi Kalabakan ini akan diambil tindakan, saya rasalah, Menteri sudah berikan kuasa ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran bangun pula Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuaran? Sabah juga? Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa FAMA di Sabah, setelah berada di sana lebih 28 tahun, jumlah kakitangan FAMA di Sabah hanyalah 70 orang termasuk yang kerja sambilan; lapan daerah sahaja, satu daerah hanya empat orang kakitangan dan ada permohonan FAMA mahu mengadakan pasar borong macam Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi tetapi peruntukan tidak ada, tidak boleh dijalankan. Adakah Yang Berhormat sedar dan adakah Yang Berhormat juga mahu cadangkan kepada kerajaan, kenapa ini berlaku? Setelah 28 tahun masih 70 orang sahaja kakitangannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya harap kementerian akan mengambil tindakan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, itu sahajalah saya punya peranan. *[Ketawa]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Aman pula, okay, Sarawak? Dijemput.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat bagi Sri Aman?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya joli sedikitlah.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih kawan baik dari Sri Gading, saya dari Sarawak dan ini bukan hendak menunjuk Yang Berhormat, tetapi setiap pagi, pukul 5.30 saya sudah bangun baca surat khabar dari Sarawak, Sarawak Tribune, Borneo Post, pukul 10 datang juga New Straits Times dan selainnya, tengok internet. Tetapi nama FAMA ini tidak di *register* di kepala saya. Jadi tidak masuk di dalam skrin saya, jadi nampaknya di Sarawak pun kita tidak tahu apakah kejayaan yang telah didapati oleh FAMA, apa cadangan Yang Berhormat yang prihatin terhadap orang Sabah dan Sarawak untuk FAMA ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tanda keprihatinan saya, saya harap pihak kementerian ambil tindakan, itu sahajalah. Apa yang Sri Aman nyatakan supaya selepas ini akan terakamlah dalam kepala Sri Aman, mudah-mudahanlah. Kalau tidak terakam juga, wallahualamlah, mungkin ada benda lain yang terakam.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi inilah….

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allah! Sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Salah satu masalah yang serius dan yang perlu dilihat oleh FAMA adalah peranan percaturan rakus oleh golongan orang tengah yang menjadi dalang antara pengeluar dan pembeli. Dalam konteks itu, kemampuan dan keberkesanan FAMA untuk buat pemasaran bergantung pada pelbagai teknik baru menangani masalah ini. Apakah cadangan Yang Berhormat daripada Sri Gading yang sentiasa berseri ini, mengenai konsep *auction market* yang dipopularkan di Barat dan juga beberapa negara-negara maju supaya diperluaskan secara lebih berkesan di seluruh negara demi menangani masalah kerakusan yang diperkatakan tadi. Apa cadangan Yang Berhormat Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal orang tengah ini, sebenarnya sama tua dengan dunia ini. Orang tengah memang tidak dapat kita elakkan, pedagang dari India datang ke Melaka peranannya orang tengah. Bawa rempah ratus dari Melaka, bawa hasil sutera dari India, orang tengah. Cuma peranan orang tengah yang memeras dan yang lintah darat, itu yang dipertikaikan, orang tengah tidak dapat kita elak. Kita pun sentiasa hidup dengan orang tengah, you beli asam belacan, semua sekali melalui orang tengah. Tidak akan dapat barang kalau tidak melalui orang tengah, cuma macam mana peranan orang tengah. FAMA saya rasa akan selepas ini mengambil contoh-contoh yang terbaik daripada kegiatan-kegiatan pemasaran, soal-soal hasil pertanian. Seluruh dunia agaknya yang kena ambil yang baik, orang Malaysia ini sebenarnya satu bangsa yang suka meniru dan yang meniru kebaikan, termasuklah juga meniru yang tidak baik. Jadi saya rasa FAMA yang tidak baik, akan mencari contoh-contoh dan model-model yang baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya ini abang Sri Gading, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tertarik tadi, kita pinjam teknologi daripada luar untuk FAMA, *why not* kita import teknologi yang canggih-canggih untuk FAMA, sebab saya yakin bahawa semua Ahli Yang Berhormat bersetuju negara kita sedang menuju ke arah industri pertanian. Dahulu *second class,* sekarang kita letak *first class*, betul atau tidak? Yang keduanya pula kita hendak bukan sahaja pemasaran

tetapi ia sebagai pembeli dan pemasar tetapi dia hendaklah membuat satu pengurusan yang canggih, setuju atau tidak? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Pasir Puteh. Mentaliti kita, ini yang FAMA saya harap apa yang Pasir Puteh kata tadi saya setujulah. FAMA cuba lihat ini balik. Masalah kita yang dihadapi oleh petani ialah kerana mentaliti kita terikat dengan budaya lama. Kita hanya memikirkan bagaimana hendak menjual. Harap fahami apa yang saya hendak maksudkan, orang Thailand dia sudah tidak fikir jual, dia sudah fikir pemasaran, itu berbeza. Sebab itu durian orang Thailand yang masih dipokok, putik itu sudah dijual di Jerman, sudah dijual di Jepun, dia sudah sediakan pemasaran. Kita tidak pula, sudah gugur buah durian macam mana hendak menjual? Ini masalah kita kerana mentaliti kita hanya hendak menjual, jadi sudah gugur durian, maka durian pula gugur merata-rata maka durian kita akan jadi tempoyak dan apabila kita tidak laku kerana budaya kita hanya hendak menjual kerana kita tidak ada ilmu pemasaran, ini yang menjadi masalah. FAMA harus mengorak langkah supaya budaya menjual ini ditukar kepada bagaimana hendak memasarkan. Sudah merah pokok rambutan saya, sudah petik selepas itu saya kata macam mana hendak jual? So, *[Ketawa]* ini masalah kita…

Beberapa Ahli: Ooh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ooh! Ini masalah kita sebab itu di Thailand…

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri lagi Jerai, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta maaf jerai, ada orang Jerai datang lagi? Belum lagi ya? Nanti sekejap, saya akan bagi, biar saya habiskan dahulu supaya kita faham sama-sama. Bagaimana budaya menjual dengan budaya memasarkan? Pegawai FAMA, mungkin ramai pegawai FAMA, tolong ambil apa yang saya hasratkan atau yang tersirat…

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti dahulu Cameron Highlands, patutnya Jerai punya giliran, tetapi nanti dahulu, saya hendak selesaikan ini. Sebab itu D24 Thailand Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh lawan kita punya durian Tuan Yang di-Pertua, tetapi durian itu baru berputik di pokok di Thailand, pasarannya sudah ada di Singapura, ini masalah kita, kita sudah gugur melambak, "Tan macam mana Tan, durian kita ini? Sudah gugur, hendak jual ke mana? Balik-balik pasar tani.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap, saya akan beri Jerai, Jerai ini sahabat saya, cuma dia menang saya kalah sahaja. Allahai! Ya, sila Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat pagi ini naik angin sangat fasal apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak!

Beberapa Ahli: *[ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Slow* sedikit Yang Berhormat, slow sedikit, ini faktor umur sama ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma satu sahaja, kita pun kena faham dari segi masalah-masalah yang dihadapi, macam tadi Yang Berhormat bercakap tentang pemasaran kita ke Singapura. Jadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa peraturan-peraturan yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan Singapura begitu ketat untuk kita hendak *penetrate* kan barang-barang buah-buahan kita, bukan setakat buah. Barang-barang lain pun menjadi masalah, Cosway pun menjadi masalah bagi

kita untuk memasuki ke negara tersebut. Jadi adakah kita bercadang untuk supaya antara Kerajaan Singapura dengan Kerajaan Malaysia supaya diadakan macam menteri *senior, minister* yang datang baru ini, kita ada berunding dengan secara elok supaya kita dapat memasarkan buah-buah kita ke Singapura dan juga ke negara-negara lain, kerana adakah Yang Berhormat sedar juga bahawa Penerbangan Malaysia juga telah mengenakan bayaran untuk kita terbangkan buah-buah kita ini dengan kadar sewa yang saya kira agak tinggi. Jadi ini menyebabkan masalah bagi kita untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa, jadi apakah juga ini faktor-faktor yang harus kita ambil kira untuk menyelesaikan masalah-masalah ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Untuk makluman Yang Berhormat, terima kasih Jerai. Kalau suara saya tinggi, tidak bermakna saya marah, tetapi kalau saya suara rendah tidak bermakna saya manja…

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi kalau Yang Berhormat tepuk-tepuk itu apa maknanya?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Semua negara ada hak. Jerai, semua negara ada hak, dia hendak rakyatnya makan benda-benda dan barang-barang yang berkualiti. So, kita kena penuhi kehendak dia, bukan salah dia, ambil contoh di Jepun. Buah pisang kita berbintik sikit dia buang dalam tong sampah. Tetapi penuntut kita yang di Jepun pandai ambil buah pisang yang orang Jepun tidak hendak ini, bawa balik ke rumah dia, dia ramas-ramas dengan tepung, dia goreng jadi jemput-jemput, Jepun makan. *[Sambil ketuk meja]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payah pecahkan meja itu. Perlahan sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Susah saya Tuan Yang di-Pertua. Ini yang payah bercakap ini, kadang-kadang terlupa Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat dalam Mesyuarat UMNO. Tetapi oleh sebab pandainya penuntut kita, pisang yang dibuang dalam tong sampah, yang Jepun konon tidak hendak, pasal kualiti pisang ini kononnya tidak mengikut *standard* yang dikehendaki, dia ambil ramas dengan tepung di rumah, dia goreng jadi jemput-jemput, dia jual lebih mahal pula.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi kita jangan marah negara-negara yang tidak hendak terima barang kita. Saya dahulu seorang pengawal ….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highland bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat saya ingat sudah sampai dan saya hendak minta Yang Berhormat gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Seorang pengawal abang kepada Tan Sri Musa Hitam iaitu Yaacob Hitam. Apabila dia bercerita tentang Buku Merah waktu itu, dia bercerita dengan petani, macam mana dia mendidik. Kita selalunya menjual barang menunggu, menunggu, menunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam perempuan menunggu pinangan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ini gulunglah. Masuk dalam gulungan itu. Dia kata kalau kita menjual barang dengan menunggu pelanggan tidak datang *why not* kita pergi keluar. Kita yang mencari pasaran. Cara macam mana mendidik, ini 35 tahun dahulu dididik, sudah ramai yang mengambil ilmu ini

Alhamdulillah berjaya. Jadi FAMA sebuah badan yang telah dikemaskinikan dengan pindaan ini, saya berharap, saya tidak hendak kritiklah FAMA kerana selama ini memang terkongkong dengan akta yang ada kepada mereka Akta 141 ini, yang dahulu yang dibuat tahun 1965 terkongkong, saya tidak dapat hendak menyalahkan FAMA.

Tuan Liow Tiong Lai: Minta jalan sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Almaklum, pegawai kerajaan. Sekejap ya. Pegawai kerajaan tertakluk kepada perkara-perkara yang mesti dipatuhi oleh mereka, tetapi dengan pindaan ini saya rasa, tepuk dada tanya selera. Sila Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Sri Gading yang kita perlu pentingkan pemasaran. Kita juga tahu tadi Yang Berhormat bagi Jerai katakan banyak negara-negara di rantau ASEAN juga mengadakan sekatan-sekatan yang begitu kuat untuk memasuki pasaran mereka, Singapura termasuk Thailand juga. Cili kita sudah masuk Thailand, dia menggunakan harga yang begitu tinggi hendak kenakan takrif.

Apakah cadangan Yang Berhormat bahawa kalau kita letakkan tanggungjawab ini kepada FAMA sahaja, saya rasa tidak jadi. Kita minta Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri atau Menteri bawalah rombongan pergi ke Thailand atau ke Singapura, carilah mana pasaran yang ada, minta tolong pasarkan buah-buahan kita dan hasil tani kita. Jangan kita bagi tanggungjawab kepada FAMA sahaja. Tidak jadi kalau kementerian ataupun Menteri tidak tolong ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya bersetuju dengan Bentong tetapi kita kena faham, orang Thailand hendak melindungi petani-petani mereka yang menanam lada. Dia mesti sekat lada daripada negara lain supaya lada petani dia laku. Macam kita juga sekat kemasukan besi kerana kilang besi kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini gulunglah Tuan Yang di-Pertua. Yalah, apa hendak buat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya saya hendak menggulung tadi Tuan Yang di-Pertua. Hendak menggulung apabila semua Ahli Parlimen sudah habis bercakap, saya bercakap sebelum Setiausaha Parlimen menjawab. Jadi dalam keadaan sedemikian tidak dapat lagi kerana Tuan Yang di-Pertua sudah bagi *ruling* tinggal Sri Gading dan seorang lagi.

Jadi saya mendengar hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Sri Gading dan saya amat bersetuju. Tetapi satu perkara yang saya hendak tanya dengan Sri Gading, apabila pihak Thailand dianggap sebagai sebuah negeri yang maju sekali dalam soal pemasaran buah-buahan dan produk pertanian mereka di luar negara. Apabila siapa sahaja yang keluar tidak kisah daripada kementerian, MITI ataupun mana-mana kementerian, ataupun pegawai yang ke luar negara mana-mana pegawai, tidak kisah daripada Kementerian Pertanian atau mana-mana kementerian, bila dia ke luar negara dia bawa *brochure*, dia tunjuk produk, macam-macam sahaja yang dia buat.

Bahkan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak tunjuk diri bukan hendak tayang, saya baru balik Pakistan, lima naskhah yang dibawa oleh Ahli Parlimen daripada Thailand disebarkan kepada semua Ahli Parlimen 32 negara, menunjukkan buahnya, resepinya, kebaikan buah-buah dan produk keluaran daripada Thailand. Tetapi apakah kerjasama yang telah dibuat oleh pihak kementerian supaya perkara ini juga boleh dibuat supaya jangan orang yang melawat ke luar negara itu termasuk Ahli-ahli Parlimen itu sendiri membuat pemasaran secara terperinci, strategik dan menyeluruh, semua orang terlibat. Dalam keadaan yang kritikal ini kita kena menyeluruh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading setuju tidak ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup. Sri Gading menjawab, lepas itu habiskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawapan saya mana yang baik kita tiru, selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, satu lagi yang penghabisan Tuan Yang di-Pertua, pemasaran keluar soal pokok, itu satu soal. Tetapi pemasaran dalam ini juga harus dikemaskan. Kadangkala kita kompelin FAMA, kompelin itu, kompelin ini tetapi sikap kita macam yang di katakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat semalam, kalau melawat orang sakit bawa epal, bawa anggur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat, fahamlah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi kita pun tidak menolong. Anak kita pun kita beri epal tidak bagi manggis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi kita pun tidak membantu, kita jangan menyalahkan sesiapa, rakyat Malaysia harus membantu, sebab itu…..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: …kita hendak utamakan barangan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran, selepas ini Menteri jawab. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat bercakap dapat mencelah bila sampai tajuk yang berkenaan nanti. Saya minta maaflah.

11.37 pagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng: Tidak diberi peluang…..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup.

Puan Chong Eng: …kerana ada satu isu yang *urgent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh usulkan isu itu semasa mencelah.

Puan Chong Eng: Lima minit, lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak. Saya sudah membuat keputusan.

Puan Chong Eng: Pohonlah lima minit. Lima minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Itu satu isu yang *urgent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup.

Puan Chong Eng: Yang tidak dapat celah kerana isu ini tidak pernah dibawa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh mencelah nanti.

Puan Chong Eng: Isu ini kalau tidak dibawa mana boleh mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (Pindaan) 2004. Pindaan ini amat penting sebab ia akan memberi kuasa kepada Menteri dan beberapa pindaan lain khusus untuk memperkasakan FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, pemasaran ini adalah salah satu *instrument* yang amat penting dalam proses transformasi pertanian daripada pertanian sara diri kepada pertanian komersial, daripada pertanian komersial kepada pertanian pemprosesan dan pembuatan. Tetapi dalam proses ini yang amat penting di negara kita inilah peranan yang telah diamanahkan kepada FAMA. Malang sekali seperti mana yang dinyatakan oleh dua orang rakan yang bertanya tadi, seorang daripada Kalabakan dan seorang lagi daripada Sri Aman yang tidak tahu apa ini FAMA.

FAMA telah berada di negeri Sabah selama 28 tahun dan seperti mana yang saya nyatakan kepada Sri Gading tadi jumlah kakitangan hanya 70 orang. Yang 10 orang pekerja sambilan, yang pekerja tetap hanya 60 orang. Pada masa ini FAMA di negeri Sabah memerlukan sekurang-kurangnya 50 kakitangan tambahan, tetapi tidak ada bajet, tidak diberi. FAMA beroperasi hanya di lapan daerah di seluruh negeri Sabah, setiap satu daerah empat kakitangan sahaja. Di Papar seorang sahaja kakitangannya untuk menjalankan semua program FAMA.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Apa sudah FAMA buat dalam masa 28 tahun? Ya, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat bagi Tuaran, kasihan dia pandang ke belakang. Apabila FAMA ditubuhkan pada tahun 1965 dahulu peringkat pemberian berhubung dengan infrastruktur prasarana dan sebagainya dilaksanakan di Semenanjung tetapi tidak di Sarawak dan Sabah.

Jadi akhirnya Sarawak dan Sabah tidak mempunyai prasarana yang mencukupi pada ketika itu. Apabila sampai tahun 1970-an lima tahun selepas itu peringkat pelaksanaan. Apabila peringkat pelaksanaan telah tiba, peringkat pelaksanaan infrastruktur ataupun prasarana tidak dibuat lagi di negeri Sabah dan Sarawak apabila FAMA diperkenalkan di Sarawak dan Sabah. Jadi akhirnya Sarawak dan Sabah menjadi ketinggalan dalam soal prasarana.

Dalam keadaan sedemikian, apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan meminta pihak Kementerian Kewangan melihat semula persoalan peruntukan untuk memperkukuhkan prasarana di Sabah dan Sarawak supaya Sabah dan Sarawak dapat mempunyai prasarana yang mencukupi sebagaimana yang telah dibuat di Semenanjung. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya amat bersetuju dan inilah sebenarnya fokus perbahasan saya pada hari ini. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian ini supaya memberi peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan tujuh perkara penting untuk FAMA negeri Sabah.

(i) menyediakan infrastruktur pemasaran;

Di Sabah kita tidak ada kompleks bilik sejuk, sebagai contoh. Ini *distribution c*enter. Kita perlukan yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi pasar borong kekal. Kita perlukan terminal makanan negeri yang dipanggil 'TEMAN'. Saya tidak tahu di negeri lain sudah diwujudkan tetapi di negeri Sabah belum ada. Ini soal tanah dan sebagainya saya difahamkan kerajaan negeri bersedia untuk membantu, tetapi yang diperlukan peruntukan, bajet.

(ii) soal penubuhan ladang kontrak antara FAMA dengan petani;

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah berusaha untuk membuat satu rangkaian di antara FAMA dengan koperasi-koperasi. Pada 28 Disember ini Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan datang ke kawasan saya untuk tujuan merasmikan satu koperasi, kita membuat rangkaian dengan FAMA.

Yang pentingnya di sini ialah pihak FAMA perlu diperkasakan diberi peruntukan supaya FAMA dapat berfungsi menjalankan program-program untuk menjalankan ladang kontrak dengan pengusaha-pengusaha.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar ya. Saya akan berikan peluang. Jadi, kita perlukan tetapi kalau tidak ada peruntukan, tidak ada bajet bagaimana? Kalau kakitangan tidak cukup bagaimana hendak menjalankan *contract farming* ini. Ini amat penting sebab kita bercerita tentang kualiti produk-produk kita yang boleh diterima oleh pasaran, tetapi jika sekiranya pasaran tetap itu, katakan kilang tidak ada, tidak tetap, petani tidak akan mengeluarkan. Tetapi kalau ada *contract farming* sudah ada pasaran yang tetap, petani akan mengeluarkan secukup yang diperlukan oleh kilang, sebagai contoh. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. FAMA telah ditubuhkan dan beroperasi 39 tahun yang lalu. Satu perjalanan yang cukup jauh dan hari ini rakyat dan juga kerajaan menaruh harapan yang cukup tinggi khususnya petani, penternak dan nelayan untuk memastikan bahawa hasil-hasil pengeluaran mereka dapat dipasarkan di dalam negeri dan di peringkat global. Adakah Yang Berhormat bagi Tuaran bersetuju dengan saya, bukan sekadar FAMA itu harus diperkasakan dengan melakukan pindaan-pindaan pada Akta 49 Parlimen, tetapi juga saya fikir kerajaan atau Kementerian Pertanian membuat kajian kemungkinan FAMA ini boleh dikorporatkan kerana misi FAMA hari ini mahu menjadi badan pemasaran yang bertaraf dunia.

Kita tidak mahu FAMA bernafsu besar tetapi tenaganya tidak ada. Oleh itu langkah-langkah harus dilaksanakan seperti menambah kakitangan dan kekurangan yang secukupnya agar tangan FAMA tidak diikat, tidak dikekang agar matlamat dan hasrat petani, penternak dan nelayan juga golongan usahawan dapat disempurnakan. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya bersetuju sahajalah, ini satu cadangan yang baik dan ini pun perkara yang kita mahu utarakan. Tuan Yang di-Pertua,

(iii) soal pembangunan produk IKS –

Saya telah berbincang dengan beberapa kakitangan FAMA di negeri Sabah. Cili padi sebagai contoh, tetapi sekali lagi dalam bajet, sekali lagi dengan kakitangan. Kita boleh buat misalnya, dalam pembangunan produk IKS kita memerlukan promosi. Kita perlu membangunkan produk itu, dalam pemasaran yang dipanggil empat 'P' – *product development, promotion, placement, pricing* dan sebagai. Semua fungsi pemasaran ini memerlukan peruntukan, perlukan orang yang berkemahiran, orang yang mempunyai kelulusan yang tertentu dalam bidang pemasaran seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, yang perlu membezakan di antara menjual dengan memasarkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengangkutan. Sekali lagi dalam soal pengangkutan di negeri Sabah ini luas dan kita memerlukan pengangkutan hasil tani daripada tempat pengeluaran petani ke pusat-pusat bandar, sebagai contoh. Ini memerlukan kenderaan, sekali lagi kita memerlukan bajet. Saya difahamkan bahawa FAMA di negeri Sabah tidak mempunyai bajet untuk membeli kenderaan-kenderaan yang diperlukan. Kita sedang berusaha bersama FAMA untuk mengeluarkan halia, untuk dieksport ke Semenanjung, ke sini, dianggarkan setiap bulan sembilan metrik tan dan kita boleh bekerjasama dengan petani untuk mengeluarkan hasil-hasil ini. Dari tempat pengeluaran ke Kota Kinabalu memerlukan kenderaan, sekali lagi memerlukan bajet, sekali lagi memerlukan kakitangan tambahan.

Seterusnya dalam pembangunan gred kualiti, kita sudah menyatakan bahawa yang diperlukan oleh pasaran adalah produk-produk yang berkualiti. Tidak ada gunanya kita menanam, mengeluarkan hasil dan akhirnya kita tidak diperlukan oleh pasaran, tidak memenuhi kualiti. Dalam hal ini para petani kita perlu dilatih, perlu

diajar, perlu diberikan kursus. Kita ambil contoh sebagai misalnya halia, kita gredkan, gred satu, gred dua, gred tiga dan sebagainya, perlu diberikan kursus. Sekali lagi memerlukan bajet, diperlukan perbelanjaan…..

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis bangun Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Jadi, kalau kita melihat pindaan yang dibuat tadi bagi saya apa pun pindaan yang kita buat ini, kita berharap FAMA ini dia dapat menaiktarafkan pemasaran bahan-bahan petani terutama bagi petani kecil-kecilan yang berada di luar bandar.

Jadi, bersetuju tidak Yang Berhormat dengan saya kalau kita minta FAMA menambah pegawai-pegawai pemasaran dan mereka ini dilatih juga dengan izin *Integrated Marketing Communication (IMC)* supaya mereka dapat mengkomersialkan pemasaran ini dengan baik dan kita memberi insentif kepada pegawai-pegawai pemasaran ini, kalau mereka dapat memasarkan barangan ataupun hasil petani terutama dari luar bandar sebab kita kadang-kadang mungkin hendak menghasilkan bahan-bahan yang sudah *established.*

Macam FAMA saya pernah minum kopinya, walaupun sukar hendak jumpa tetapi kita minum kopinya, kopinya memang sedap bagi saya. Tetapi sayangnya tidak dipasarkan secara meluas dan produk kopi itu tidak diiklankan secara meluas, dengan itu kita sukar untuk mendapatkannya. Jadi, setuju tidak kalau kita kata tadi, kita berikan insentif, kita melatih pegawai-pegawai pemasaran ini supaya mereka dapat memasarkan hasil-hasil pertanian terutamanya daripada petani di luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya bersetuju, baru-baru ini saya sendiri telah berdialog dengan pegawai-pegawai kanan FAMA di negeri Sabah. Satu persatu memberikan penjelasan apa tugas mereka. Saya amat hairan, saya cakap saya minta penjelasan sebab di Dewan Rakyat Yang Berhormat bagi Kinabatangan dia hentam. Kami tidak tahu apa ini FAMA, rupanya banyak perkara-perkara yang mereka buat tetapi kita tidak tahu dan pegawai-pegawai sendiri tidak memberi maklumat ini kepada para petani.

Saya bersetuju diberikan insentif, kalau pegawai-pegawai ini diberi insentif untuk memberi maklumat, membuat pemasaran, saya bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey. Ini yang terakhir. Saya juga mencadangkan supaya ditubuhkan satu pusat latihan pemasaran FAMA di negeri Sabah dan berilah peruntukan. Tidak ada guna ini 28 tahun kalau latihan ini tidak diwujudkan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kita kena faham apa yang dikatakan pemasaran, kita perlukan latihan yang diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, sudah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan manusia ini saya mohonlah…..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya mohonlah supaya kakitangan FAMA di negeri Sabah itu ditambah pada masa yang diperlukan sekurang-kurang 50 orang, 50 orang diperlukan di Sabah cuma untuk beroperasi, supaya semua program tadi yang saya nyatakan itu dapat dijalankan. Saya mohonlah. Buat apa kita beri kuasa kepada Menteri lepas itu tidak ada perubahan. Peruntukan tidak cukup. Jadi, itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

11.51 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang FAMA ini, yang insya-Allah telah dinanti-nantikan selama 7 tahun. Jadi, sebenarnya di sebelah pihak FAMA dan kementerian memang penantian itu juga menyeksakan. Memang lama sudah menunggu tujuh tahun dan alhamdulillah hari ini kita sampai kepada kemuncaknya di mana terima kasihlah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah membahas dan juga menyokong pindaan-pindaan yang telah diutarakan atau dipaparkan supaya kita dapat memastikan bahawa segala yang disebut-sebut Yang Berhormat itu akan menjadi kenyataan, insya-Allah.

Saya ingin merakamkan di sini setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Yang Berhormat bagi Dungun, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Tuaran dan juga celahan-celahan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Kalabakan, Yang Berhormat bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Bentong, Yang Berhormat bagi Selangau, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Yang Berhormat bagi Lipis.

Seperti yang telah saya maklumkan di dalam ucapan pembentangan semalam bahawa pindaan rang undang-undang ini *[Disampuk]* adalah perlu dan tepat pada masanya bagi menjelas, meluas dan memperkukuhkan peranan FAMA sebagai badan berkuasa pemasaran pertanian kerajaan yang sangat penting pada masa ini dan juga pada masa hadapan dalam membantu petani-petani kecil tradisional untuk mentransformasikan kegiatan mereka ke sektor pertanian yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing melalui pembaikan sistem pemasaran yang lebih cekap dan berkesan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah sama-sama menyokong atas beberapa pindaan yang penting-penting. Saya petikkan sini pindaan yang sangat penting seperti:

(i) seksyen 1A di mana kita menggantikan perkataan 'Yang di-Pertuan Agong' kepada perkataan 'Menteri', iaitu supaya kita memberi kepada Menteri di mana kuasa harus diberikan kepada Menteri supaya ia lebih sesuai selaras dengan tanggungjawabnya dalam menentukan sesuatu dasar yang berkaitan dengan sektor pertanian dapat dijalankan dan licin dan lancar;

(ii) iaitu untuk menggantikan perkataan '*packing'* kepada perkataan '*packaging'* dan '*labelling'*, di mana di sini supaya Lembaga dapat melaksanakan pembaikan yang menyeluruh bagi setiap peringkat dalam sistem pemasaran keluaran pertanian di negara ini termasuk mengenai isu *translatability*.

(iii) Di bawah seksyen 32(d) menggantikan perkataan iaitu untuk memasukkan perkataan 'teman' atau untuk '*construct'*, dengan izin,

"(d) *construct, establish, equip, maintain, let, lease, manage or operate markets or market premises for purposes of facilitating and regulating the purchase and sale of any agricultural produce."*

Pindaan ini adalah bertujuan untuk menggalak dan mengatur beberapa aktiviti belian dan jualan keluaran pertanian dengan lebih berkesan. Ini termasuklah supaya Lembaga

membolehkan Lembaga mewujudkan suatu sistem pemasaran borong yang moden, tadi dikenalkan sebagai 'teman'. Melalui ini juga Lembaga berharap dapat menyusun semula aktiviti pemasaran, borong, di pasar-pasar borong di seluruh negara, iaitu selaras dengan usaha untuk mentransformasikan dan memodenkan sektor pemasaran keluaran pertanian di negara ini; dan

(iv) iaitu untuk membolehkan di bawah seksyen 12, untuk membolehkan Lembaga menetap dan mengenakan kompaun ke atas mana-mana pihak yang melakukan kesalahan yang boleh di kompaun di bawah Akta FAMA dan peraturan-peraturan yang digubal di bawahnya supaya tindakan segera dapat diambil, tidak perlu menunggu ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khasnya teguran daripada Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. FAMA adalah sebuah badan kerajaan, bukannya swasta atau telah dikorporatkan. Mengikut seksyen 2 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Akta 141, FAMA adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Walaupun FAMA adalah sebuah entiti yang mempunyai fungsi khusus yang bertindak secara tersendiri, namun begitu FAMA masih terikat untuk mengemukakan laporan tahunan dan kewangan kepada Parlimen, di mana kerajaan berkuasa memantau perjalanan FAMA melalui Jemaah Menteri dan Parlimen.

Namun demikian, mengenai persoalan agar supaya FAMA ini dikorporatkan, kita sampai ke satu tahap delima iaitu *on the one hand*, dengan izin, Ahli-ahli Yang Berhormat meminta FAMA dikorporatkan supaya dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran dengan lebih bebas, tidak ada kongkongan di bawah sebagai badan kerajaan, tetapi pada masa yang sama tadi Ahli Yang Berhormat juga mengatakan supaya soal menaikkan taraf hidup petani di luar bandar juga diberi perhatian. Jadi, inilah delimanya. Jadi, oleh yang demikian, buat masa ini, pada masa ini, kita memikirkan lebih kepada soal *social obligation* kita, dengan izin, kepada petani-petani di luar bandar. Biarlah kita aturkan dahulu, pindaan ini pun baru hendak diluluskan sekarang, insya-Allah. Jadi, biarlah kita menumpukan juga perhatian kepada petani-petani kita di luar bandar.

Tadi, Yang Berhormat bagi Lipis telah memberitahu supaya diberi latihan IMC, supaya pegawai-pegawai FAMA ini juga lebih prihatin kepada pengeluaran-pengeluaran di luar bandar. Jadi, oleh yang demikian kita tahanlah soal korporat-mengkorporatkan dahulu. Eloklah kita menjalankan dahulu dari segi pindaan-pindaan yang telah kita cadangkan ini.

Tuan Mohd. Daud bin Terihep: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya! Yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Siapa? Yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Terihep: Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau belum masanya untuk FAMA dikorporatkan, dan bagi menunaikan tanggungjawab sosial pada golongan sasar, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan satu tabung pusingan, *revolving fund*, supaya sejumlah kewangan yang banyak dapat digunakan untuk membeli hasil-hasil pertanian, khususnya untuk mengatasi masalah lambakan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat isu atau masalah lambakan itu memang ada beberapa strategi-strategi yang telah digubalkan oleh FAMA dan mungkin termasuklah wang pusingan untuk kita membeli dan sebagainya, tetapi memang ada beberapa strategi yang telah diolah oleh FAMA untuk mengatasi masalah lambakan yang selalu disoalkan di dalam Parlimen ini.

Tetapi tidak apa, Yang Berhormat, itu kita akan pastikan, kita selitkan juga di dalam fungsi FAMA yang lebih menyerlah setelah pindaan ini diluluskan. Insya-Allah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ahli Lembaga Pengarah FAMA….

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen, saya cukup sokonglah kalau kita hendak korporatkan FAMA ataupun agensi-agensi di dalam kementerian ini, tetapi tidak guna kalau kita korporatkan, tetapi cara mentadbir itu belum dikorporatkan. Otak itu, sistem itu sama juga, tidak guna kalau kita korporatkan nama tetapi cara pentadbirannya dan melaksanakan tugas-tugas itu tidak semacam dikorporatkan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Itulah tadi saya memang begitu tertarik hatilah dengan hujah-hujah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi telah menerangkan segala-galanya dan itulah sebenarnya, nampaknya yang kita hendak katakan. Kita ini ada satu delima di mana hasrat dan juga sosial obligasi kita memang kadang-kadang kita hendak buat keputusan itu memang menghadapi delima.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Itulah yang cuba kita ketengahkan. Iaitu korporat ini bukan sahaja mengkorporatkan badan, tetapi sebenarnya termasuk dengan manusianya sekali. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini mengenai Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah FAMA boleh dianggotai oleh pihak swasta. Di bawah subseksyen 2(3)(i) Akta FAMA, Yang Berhormat Menteri boleh melantik tidak lebih daripada lima orang lagi di kalangan profesional atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam pengeluaran pertanian, pemasaran kewangan dan pentadbiran. Sebab semalam ini telah diisukan, boleh atau tidak. Jadi memang Yang Berhormat Menteri berkuasa untuk melantik lima orang lagi di dalam Ahli Lembaga FAMA ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands juga ada menunjukkan keraguan, beliau menyebutkan jika pelepasan kakitangan FAMA daripada sebarang tindakan perundangan boleh mengundangkan penyelewengan. Sebenarnya Maksud di bawah subseksyen baru 2(7) adalah untuk melindungi semua penjawat awam FAMA daripada tindakan perundangan oleh mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mereka.

Akibat dari keputusan dan tindakan yang dibuat oleh anggota FAMA mengikut peruntukan fungsi dan kuasa di bawah Akta FAMA. Ini kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh salah laku mereka secara peribadi mereka tetap boleh diambil tindakan undang-undang. Ini sebenarnya macam…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran bangun Yang Berhormat.

Tuan Wildred Madius Tangau: Saya hendak balik sedikit tadi soal pelantikan Ahli Lembaga Pengarah. Ada yang menyatakan, saya mengambil contoh daripada Sabah. Selepas 28 tahun, dalam tempoh itu hanya dalam masa lebih kurang 4 atau 6 tahun ada wakil daripada Sabah dalam FAMA ini. Barangkali itu salah satu daripada sebab kenapa orang Sabah itu tidak tahu benda-benda yang saya sebut tadi. Jadi bolehkah dipertimbangkan sekurang-kurangnya ada wakil dari sana dan saya juga ingin mencadangkan dalam Ahli Lembaga Pengarah ini ada wakil orang-orang pengeluar daripada persatuan-persatuan ternak, persatuan pertanian dan sebagainya dalam Ahli Lembaga Pengarah FAMA. Minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai Ahli Lembaga Pengarah itu, kita akan ajukan cadangan ini kepada Yang Berhormat Menteri iaitu khasnya wakil dari Sabah. Sarawak saya tahu ada juga di masuk di dalam Ahli Lembaga Pengarah, dan mungkin sebab saya kurang pasti dari segi anggota dari Sabah, tetapi saya akan membawa perkara ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri.

Mengenai ahli-ahli Yang Berhormat telah pun banyak menyampaikan rintihan, keluhan, keprihatinan terhadap prestasi FAMA selama ini dan seterusnya. Mereka menyarankan pelbagai pandangan yang sangat bernas bagi memastikan FAMA

berfungsi sebagai badan berkuasa pemasaran kerajaan yang benar-benar berwibawa, mampu memperkasakan kehidupan rakyat di luar bandar yang selama ini ditindas dan tidak memperolehi hasil yang berpatutan daripada usaha mereka dalam bidang pengeluaran pertanian dan makanan di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah pendirian FAMA tentang isu pengimportan kubis yang menyebabkan bekalan berlambak dan ini merupakan satu penindasan kepada penanam kubis di Cameron Highlands. Apakah pendirian dan adakah statistik yang dibekalkan oleh pihak FAMA tersebut tidak tepat menyebabkan kesengsaraan di kalangan penanam sayur kubis. Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bersabar sedikit sebab saya ada di dalam ini saya akan sampai ke tahap itu, tetapi Yang Berhormat bersabar dan mungkin Yang Berhormat nanti akan mendengar ulasan-ulasan mengenai AP kubis. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sangat menyedari hakikat ini iaitu termasuk Yang Berhormat kata penindasan penanam kubis dan sebagainya dan tidak mahu pusingan ganas, *vicious cycle* terus menghantui para petani tradisional sehingga melemahkan usaha kerajaan membangunkan sektor pertanian yang telah dimartabatkan semula sebagai sektor utama dalam pembangunan ekonomi negara di bawah kepimpinan kerajaan sekarang.

Dalam perbahasan rang undang-undang ini, ramai ahli Yang Berhormat yang menyarankan supaya FAMA diperkukuh dan diperluaskan lagi peranannya supaya mampu menangani masalah kejatuhan harga barangan pertanian yang mudah rosak dan bermusim seperti buah-buahan, sayur-sayuran bunga-bungaan dan tanaman jangka pendek yang lain. Seperti *roselle* dan sebagainya. FAMA sepatutnya membantu petani kecil dengan membeli semua hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani supaya mereka tidak berputus asa dan berupaya meneruskan usaha mereka dalam pengeluaran pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin dan juga Tangga Batu contohnya kurang berpuas hati kerana FAMA lebih mementingkan keuntungan dan tidak membeli mangga Melaka Delight yang dikeluarkan oleh petani, ini sebagai contoh. Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat sebenarnya FAMA bersedia membeli mangga Melaka Delight dengan harga kontrak pemasaran iaitu RM2.65 sekilogram untuk gred A. FAMA buat permulaannya telah menawarkan untuk membeli sejumlah 1 tan seminggu mangga Melaka Delight ini. Walau bagaimanapun, petani tidak dapat memenuhi kerana kebanyakan mutu hasil adalah di bawah gred B dan C yang kurang mendapat pasaran untuk *supermarket* dan *hypermarket*. Sebenarnya FAMA boleh membeli semua hasil yang berkualiti terutamanya untuk pasaran dalam negeri dan juga untuk dieksport. Jadi di sinilah kita harus ada *synergy* di antara pemasar dan juga pengeluar.

Datuk Ismail Sabri bin Yaacob: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya terpanggil apabila mendengar kenyataan Yang Berhormat menyatakan bahawa FAMA mampu membeli semua hasil dengan syarat ia menepati kualiti. Jadi kita harus menyedari bahawa kebanyakan hasil dari luar bandar ini memang kalau kita bicara soal kualiti memang mungkin tidak begitu menepati sasaran dan untuk memastikan mereka berkualiti, ini tugas Kementerian Pertanian untuk memberi ilmu kepada mereka bagaimana boleh menghasilkan buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya yang berkualiti. Tetapi, kalau tidak ada bahan-bahan ilmu yang diterapkan oleh kementerian macam mana kita mahu meminta petani-petani luar bandar ini menghasilkan tanaman-tanaman yang berkualiti. Jadi di sinilah punca

masalah kita hadapi di mana kebanyakan bahan yang mereka keluarkan ini tidak dapat dipasarkan dan cuma bergantung kepada pasaran mereka sendiri.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Jadi apakah usaha kerajaan ke arah memastikan bahawa petani-petani kita ini dahulu saya sudah banyak kali cakap, dalam setahun - okay saya mahu tanya kementerian, tahun 2005 apakah kementerian mempunyai hasrat untuk memartabatkan petani-petani luar bandar ini iaitu mengkomersialkan mereka daripada bertani berpuluh-puluh tahun dalam kehidupan cara tradisional kenapa tidak kita buat satu program.

Ini tahun 2005 kementerian mencadangkan satu negeri untuk memerdekakan petani-petani luar bandar ini, 50 orang ke 100 orang ke barulah kita menuju ke arah pertanian yang lebih berevolusi. Tetapi kalau inilah hakikat dia, sampai kiamat dunia pun petani-petani kita tidak akan dapat menghasilkan bahan-bahan mereka. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya rasa saya menjawab di dalam Dewan yang mulia ini pelbagai program yang telah dijuruskan oleh kementerian ini untuk memastikan bahawa petani-petani ini dibekalkan dengan ilmu-ilmu supaya mengeluarkan produk yang berkualiti, yang bukan sahaja diterima di pasaran luar negara tetapi juga di pasaran domestik. Yang Berhormat, ini yang saya selalu sebut, taman kekal pengeluaran makanan yang saya sebut "Malaysia's Best" dan bermacam-macam lagi. Inilah sebenarnya tetapi oleh kerana …

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh saya tanya, kalau inilah dasarnya, berapa banyak sudah yang telah dapat kita revolusikan? Kita mahu statistik mulai tahun yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu statistik yang menunjukkan tiap-tiap negeri, tiap-tiap daerah bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah berusaha berlandaskan dasarnya, dasar yang telah dikategorikan, iaitu memastikan bahawa petani-petani kita terbela untung nasib mereka.

Tahun ini, contohnya di kawasan Parlimen Yang Berhormatlah, kita mahu tahu berapa ramai sudah petani yang sudah dinaiktarafkan daripada petani tradisional kepada petani komersial yang mempunyai tahap keuntungan seperti peladang-peladang yang besar. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya sebenarnya tadi bila saya menjawab saya tersekat disebabkan Yang Berhormat berdiri untuk mencelah. Sebenarnya saya sambungkan lagi *sentence* saya, Yang Berhormat.

Bagi mengatasi masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan juga *sentence* saya yang setengah-setengah tergantung itu, jadi di sini kita mohon jasa baik peranan tuan Pegawai Daerah. Macam masalah yang disebutkan tadi tentang "Melaka Delight" itu, sebagai contoh, "Melaka Delight" itu, kita mohon peranan Pegawai Daerah Jasin, yang mana telah melantik FAMA untuk mengetuai jawatankuasa bagi meningkatkan mutu hasil petani supaya petani dapat mengikuti segala panduan pengeluaran dan amalan baik pertanian dan seterusnya mencapai tahap penggredan "Malaysia's Best" yang membawa bersama makna mutu dan keselamatan makanan jenama nasional negara yang dibanggakan, dan insya-Allah Yang Berhormat, seperti tadi …

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: … nanti sekejap, Yang Berhormat tadi kata hendak minta statistik mengikut negeri dan sebagainya, kita akan usahakan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalaulah kementerian ini bergantung kepada Pegawai Daerah untuk memastikan masalah ini selesai, di sinilah kita akan tergendala sebab Pegawai Daerah sibuk dengan pembangunan kampungnya, dengan pembangunan daerahnya. Mana dia ada masa nak tinjau petani-petani di luar bandar ini? Tidak ada! Jadi, kementerian kena menambah kakitangan. FAMA di Sabah, rakan saya Yang Berhormat bagi Tuaran telah membangkitkan, sejak berpuluh-puluh tahun; di Sandakan ada tujuh daerah, empat orang sahaja pegawai dan kakitangannya. Jadi di mana kita mahu menghidupkan hasil-mahsul pertanian kita? Kalau inilah, apakah masalah kerajaan …

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: …. tidak boleh menambah kakitangan supaya memastikan petani-petani kita di luar bandar terbela untung nasib mereka?

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen, sila terus jawab.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini Yang Berhormat mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa kita akan mengambil 3,000 pegawai-pegawai profesional untuk ditambah di dalam kementerian untuk menjalankan segala program kita …

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: … sebab kita …

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: … sekejap.

…. kita juga mengakui bahawa kita kekurangan kakitangan profesional. Oleh yang demikian, kita mohon daripada kerajaan untuk meluluskan 3,000 pegawai profesional baru untuk membantu kita menjalankan *delivery mechanism* supaya hasrat kita itu akan tercapai. Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Oh, Yang Berhormat bagi Bera dulu, Yang Berhormat bagi Bera dulu, dia sudah berdiri lama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera dulu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, dari segi FAMA sebagai pembeli dan memasarkan bahan-bahan yang dibeli daripada petani-petani, cara sekarang ialah FAMA beli daripada petani dan akan memasarkan barangan yang dibeli. Saya difahamkan bahawa masalah yang dihadapi oleh FAMA di mana kadang-kadang barangan yang dibeli tidak mampu dipasarkan balik, tidak mampu dijualkan balik. Sebab itulah, kadang-kadang FAMA bukan tidak berminat, tidak ingin membeli hasil pertanian daripada petani-petani kerana mereka sendiri tidak mempunyai pasaran.

Soalan saya setakat ini, Yang Berhormat, adakah pihak FAMA mempunyai *anchor clients* yang tetap bagi menjamin hasil yang dibeli daripada petani boleh dipasarkan? Yang kedua, setakat ini adakah FAMA telah berjaya menembusi pasar raya-pasar raya tempatan? Kalau ada, pasar raya manakah yang membeli barangan hasil produk FAMA ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa macam itu jugalah, saya rasa baru-baru ini memang ada, biarlah supaya Yang Berhormat sampai kepada jawapan saya nanti dari segi *clients* yang tetap dan juga pasar raya-pasar raya yang memang sudah ada satu kontrak dengan FAMA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Seperti yang kita tahu, FAMA menjaga pemasaran iaitu *marketing arm* – hanya memasarkan. Masalah mungkin juga kita hadapi apabila tidak ada bekalan yang konsisten, terutama sekali buah-buahan kita mengikut musim. Itu satu.

Yang keduanya, saya difahamkan FAMA tidak terlibat dari segi penanaman tanaman dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang pasaran itu ada tetapi bekalan itu tidak mencukupi. Adakah pihak kementerian akan menyelesaikan masalah-masalah ini? Kadang-kadang saya difahamkan permintaan di peringkat antarabangsa berdasarkan kepada kontena dan begitu besar sekali, tetapi malangnya kita tidak mampu membekal disebabkan oleh pengeluaran kita terhad.

Jadi, apakah kita juga akan memberi ataupun meminda undang-undang ataupun pihak kementerian melihat supaya antara pertanian ataupun tanaman dan juga pemasaran ini seimbang supaya kalau FAMA memasarkan buah-buahan itu, bila kita balik kita berkehendakkan buah itu, bekalannya ada di dalam negara kita. Jika tidak, bekalannya akan terputus dan ini akan menghilangkan kepercayaan pembeli terhadap pemasaran kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, itulah satu daripada kekangan yang dihadapi oleh FAMA, iaitu bila mereka mendapat kontrak dengan *hypermarkets* atau *supermarkets* yang besar-besar dan seperti saya katakan tadi, sebagai contoh, "Melaka Delight", kita memerlukan satu tan seminggu tetapi petani tidak dapat menghasilkan jenis gred A sebab *supermarkets* ini ada gred-grednya. Jadi, inilah masalahnya. Tetapi sekarang ini melalui beberapa sinergi kita dengan agensi di dalam kementerian, kita cuba mengatasi di mana kita akan menentukan kepada mereka apa yang diperlukan oleh *hypermarkets* atau *supermarkets* ini dan menentukan bahawa kita ada ladang kontrak yang khusus untuk membekalkan produk-produk yang diperlukan oleh *hypermarkets* yang saya katakan tadi.

Peranan FAMA juga adalah sebagai pengurus kepada jenama "Malaysia's Best", iaitu FAMA telah meletakkan buah-buahan Malaysia berbeza dengan buah-buahan tropika yang lain ke tahap istimewa yang lebih berkualiti tinggi, selamat dimakan dan boleh disemak *(traceability*) iaitu siapa pengeluar dan pengendali pemasarannya.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi yang bangun. Yang mana?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Sabak Bernam ingin berkongsi beberapa pengalaman kejayaan, khususnya yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri di mana terdapat usahawan contoh dari kalangan nelayan, daripada kalangan petani dan penternak. Saya hanya hendak menyebut dua perkara.

Yang pertama, saya bersetuju dengan teman saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya disediakan sebuah buku panduan di mana usahawan contoh ini dapat berkongsi pengalaman mereka dengan semua pihak, khususnya Ahli-ahli Parlimen supaya kita boleh, umpamanya kalau ada di antara petani atau penternak kita yang hendakkan projek contoh yang berjaya, dia boleh bawa ke tempat itu.

Yang kedua, ini pengalaman minggu lepas, Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman kepegawaian. Saya telah meminta untuk dibawa ke satu projek contoh ibu tunggal di Sabak Bernam iaitu membela ikan keli secara dalam kanvas, ada tujuh petak begitu. Apabila saya sampai ke tempat itu nampaknya pegawai itu menyarankan kepada saya supaya pergi ke tempat lain yang lebih berjaya. Saya ingat dia akan bawa saya kepada projek ikan, rupa-rupanya dia bawa saya kepada projek ibu tunggal juga, IKS - kuih bahulu gulung.

Tetapi yang penting di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan bahawa dari segi kepegawaian ini, sebab saya nampak tadi ada hendak ditambah sampai 3,000 atau 5,000. Saya hendak menyatakan bahawa macam di Sabak Bernam, saya tengok masalahnya bukan kekurangan pegawai, tetapi komitmen dan kemahiran pegawai. Ibu tunggal yang buat kuih ini, bahulu gulung, saya tengok pendapatan dia sebulan sudah RM3,000 dan dia baru sahaja tiga hari dapat bantuan RM10,000 subsidi mesin yang tidak digunakan tetapi pendapatan dia sudah RM3,000.

Manakala esoknya saya pergi juga ke tempat yang ada ikan itu, memang ibu tunggal itu menghadapi masalah kerana sebenarnya dia tidak dibantu apabila mengalami pelbagai kerosakan. Oleh kerana itu, saranan saya ialah pegawai-pegawai pertanian ini sewajarnya diberikan satu kemahiran, motivasi dan seumpamanya pada tempat tertentu daripada ditambah dengan bilangan yang begitu ramai. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani bin Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai mengagihkan *directory* usahawan-usahawan berjaya atau projek-projek berjaya, memang ini kita agihkan tetapi mungkin tidak di dalam Dewan yang mulia ini. Kita agihkan semasa MAHA, kita agihkan semasa Konvensyen Peladang, Nelayan dan Petani. Jadi, mungkin kita akan memperluaskan agihan *directory* ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai pegawai yang perlu komitmen, terima kasih Yang Berhormat, inilah yang memang kita selalu sarankan supaya pegawai ini mempunyai komitmen untuk membantu kita, bukan sahaja dari segi makan gaji tetapi sebenarnya ikhlas di dalam membantu petani atau sasaran kita.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Hajah Rohani bin Haji Abdul Karim: Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang lambakan "*Melaka Delight*" yang tidak mencapai spesifikasi yang ditetapkan oleh FAMA dan mungkin juga pelanggan-pelanggan kepada produk pertanian kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, di sini ingin saya bertanya kepada pihak Setiausaha Parlimen, adakah kemungkinan kepelbagaian peranan dan tanggungjawab pegawai-pegawai FAMA ini telah menyebabkan sedikit sebanyak mereka melencong daripada peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pegawai pemasaran kepada produk-produk pertanian kerana saya percaya di dalam sistem pengeluaran pemasaran produk pertanian di negara kita ini, kita mempunyai satu lagi *arm* iaitu *market, service, recovery* – pemulihan kepada kegagalan yang telah terhasil daripada sistem pemasaran kita yang membawa balik *feedback* atau maklum balas daripada pelanggan-pelanggan ke pangkal jalan, ke huluan supaya sistem pengeluaran tadi dapat diubah dan dapat dipulihkan, kemudian mengeluarkan produk pertanian menepati cita rasa pelanggan dan ini adalah menjadi peranan utama FAMA bagi mengekalkan kekonsistenan produk pertanian negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman, saya faham bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai banyak minat mengenai perkara ini, tetapi pada hari ini Dewan ini mempunyai urusan untuk dihabiskan, tiga lagi rang undang-undang dan enam usul untuk diselesaikan hari ini juga. Oleh itu saya minta Yang Berhormat beri kerjasama jika dapat disegerakan jawapan.

Datuk Hajah Rohani bin Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebab itulah tadi saya memberitahu bahawa kita telah mohon jasa baik pegawai daerah supaya mewujudkan satu jawatankuasa yang akan diketuai oleh pegawai FAMA untuk menyelesaikan beberapa masalah dari segi mutu pengeluaran dan sebagainya. Itu adalah satu daripada cadangan yang kita telah berikan kepada pegawai daerah Jasin. Bukan pegawai daerah itu mengetuai, bukan, dia melantik pegawai FAMA untuk melihat dari segi masalah-masalah – dari segi *demand*, ada, tetapi bila pengeluaran itu, ia turun kepada gred yang tidak diperlukan oleh pasaran. Jadi ditubuhkan jawatankuasa khas.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar di dalam Dewan ini bahawa ramai petani yang memerlukan pertolongan atau bantuan daripada pihak kementerian, tetapi ada juga segolongan petani yang sudah berjaya dan tidak perlu menerima subsidi ataupun bantuan daripada Lembaga Pemasaran. Mereka dianggap sudah berjaya dan seramai 30 orang petani ini bekerja di atas 600 hektar tanah dan pengeluaran sehari adalah melebihi 80 tan. Dalam kiraan wang ringgitnya ialah RM800,000 sehari.

Tetapi petani-petani ini akan hilang rezeki mereka, menjadi petani yang miskin kalau tanah mereka diambil balik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk projek perumahan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang serius dan penting kalau kita

benar-benar ingin mengutamakan sektor pertanian sebagai satu sektor utama ekonomi dan juga dalam erti kata *food sells sufficiency* dan juga *food security*.

Jadi saya minta supaya kementerian campur tangan dan menasihatkan Kerajaan Negeri Selangor supaya jangan menukarkan tanah di Mukim Ulu Yam untuk membina lebih banyak rumah. Sebenarnya di dalam negeri Selangor ada banyak unit perumahan yang telah siap dibina tetapi tidak dapat dijual.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Puan Chong Eng: Jadi saya memohon supaya pihak kementerian akan membantu petani-petani seperti ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani bin Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan cuba usahakanlah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Lebih-lebih lagi memang tanah itu, tempat itu telah mengeluarkan hasil dengan begitu lumayan sekali. Itu mungkin peranan kami boleh masuk. Kita cuba mendapat kerjasama sebab tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, Yang Berhormat ya. Tetapi terima kasihlah Yang Berhormat membawa kepada kami mengenai hal ini. Jadi saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Syarat ini sangat diperlukan oleh pembeli besar seperti *supermarket*, dan *hypermarket*, terutamanya di negara Eropah yang telah menguatkuasakan peraturan Euro Gap dan Codex Alimentarius, ini adalah standard. *Supermarkets* yang menjadi klien tetap kita yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Bera, adalah Carrefour, Tesco dan Giant dan mereka ini, kita boleh memasarkan hasil barangan kita yang memenuhi segala standard ini bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga dibawa kepada rangkaian-rangkaian mereka di mana-mana *supermarket* atau *hypermarket* mereka ini berada. Jadi, ini adalah satu *breakthrough* kepada kita dari segi untuk menghasilkan barang-barang pertanian yang dikeluarkan dari Malaysia.

Berasaskan kepada perkembangan dasar dan syarat pemasaran pertanian dan makanan yang semakin ketat ini, adalah wajar mulai dari sekarang petani kita mestilah berusaha mengamalkan pertanian ladang yang baik dan kementerian ini melalui Jabatan Pertanian telah pun memperkenalkan Skim Akreditasi Ladang, iaitu SALM untuk menjamin mutu pengeluaran buah-buahan yang berkualiti, yang selamat dimakan.

Sehubungan dengan ini, Akta FAMA yang dipinda telah memasukkan perkataan "*labeling*" selepas "*packaging*" di bawah subseksyen 2(c) supaya berkuasa untuk melaksanakan *traceability* produk keluaran pertanian sama ada segar atau yang diproses. Ramai Ahli Yang Berhormat juga mahukan FAMA disusun semula supaya mempunyai hala tuju yang jelas, berwibawa, bukan sahaja sebagai jaguh kampung tetapi juga sebagai juara pemasar global. Untuk tujuan ini, Unit Perancang Ekonomi telah pun melantik juru perunding *Innovation Associates* untuk melaksanakan kajian, dengan izin *remodeling of agriculture marketing for FAMA* yang dijangka siap pada awal tahun hadapan, insya-Allah. Kajian ini akan meletakkan FAMA ke peranan yang lebih sesuai sebagai pemasar yang berwibawa untuk membangun….

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *Last* ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, *at last* kerana bagi jalan, ini mustahak Yang Berhormat, ini melibatkan negeri Sarawak juga. Saya minta penjelasan sedikit dan untuk makluman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini penting kerana ini melibatkan sayur-sayuran yang dieksportkan ke negara Brunei dan Sarawak juga. Saya minta ambil, kena rekodlah, peranan yang dimainkan oleh FAMA yang memantau keadaan sayur-sayuran yang selalu dieksportkan ke negara Brunei Darussalam yang pada seketikanya selalu kena *banned* sayur-sayuran yang dijual kepada negara Brunei dan Sarawak juga.

Banyak antara penghantar sayur-sayuran ini mendapat kerugian yang banyak akibat *authority* daripada negara Brunei Darussalam. Perkara yang kedua yang saya ingin timbulkan di sini Yang Berhormat, berkenaan dengan peranan FAMA di Kundasang yang mana terdapat lebih daripada 80% pengusaha sayur-sayuran di kawasan itu terdiri daripada orang-orang negara jiran kita, dari Indonesia. Cara mereka

mengusahakan perkebunan sayur-sayuran ini tidak ada *check point*, tidak ada pemantauan, tidak ada *monitoring*. Jadi, *pesticide* yang digunakan itu mungkin berlebihan. Jadi, begitulah keadaan yang didedahkan dari Brunei Darussalam, sayur-sayuran yang dieksport tidak dipantau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tidak ada peranan FAMA di tempat itu. Itu, saya minta penjelasan, kalau tindakan ini dapat disegerakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan memaklumkan bersama kepada FAMA, tetapi, bukan sahaja FAMA ini ya. Mengenai *check point* ini, ia termasuk juga Jabatan Pertanian dan Kesihatan, ya. Ini adalah peranan bersama untuk memastikan dan seperti saya katakan tadi, memang negara-negara ini menetapkan syarat kemasukan yang ketat. Jadi, mungkin ini kita harus mendidiklah petani-petani kita khasnya di Sabah dan Sarawak supaya mengikuti syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh jiran kita yang terdekat iaitu Brunei Darussalam.

Mengenai peranan FAMA juga di Kundasang, untuk makluman Yang Berhormat, FAMA telah mewujudkan beberapa *collection centres*, pusat pengumpulan hasil-hasil ternakan di Kundasang di mana sekarang ini sudah beroperasi. Kalau tidak salah saya, saya telah diberi taklimat ada tiga buah di Kundasang. Bermakna sekarang ini lebih teratur dari segi *collection centres* dan bukan bersepah-sepah di atas jalan dan sebagainya, *unhygienic*. Jadi, sekarang ini kita telah tetapkan dan dalam pendidikan kita kepada petani-petani.

Jadi, berbalik kepada kajian tadi, kajian ini akan meletakkan FAMA ke peranan yang lebih sesuai sebagai pemasar yang berwibawa untuk membangunkan sektor pertanian ke arah pemasaran global sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama makanan dunia menjelang tahun 2010.

Kementerian juga telah mencadangkan kepada kerajaan untuk membuka pejabat attache Pertanian dan pelaburan di enam buah negara yang mempunyai hubungan perniagaan pertanian dan makanan utama dengan negara kita, di mana FAMA akan memainkan peranan utama untuk menerokai dan menembusi pasaran antarabangsa ini. Sebagai pemasar bertaraf global dan pengurus jenama nasional *Malaysia's Best*, FAMA perlu berwibawa dan *competent* untuk melaksanakan peranan yang mencabar dalam persaingan sengit ini. Dalam usaha mempromosi, memaju jenama *Malaysia's Best*, kawalan dan jaminan mutu sangat perlu bagi memastikan imej Malaysia tidak rosak di mata dunia.

Kita tidak mahu dengan sebab "nila setitik, rosak susu sebelanga". Dengan sebab satu hantaran buah-buahan yang kurang bermutu atau mempunyai kadar sisa baki racun yang tinggi contohnya, akan menjejaskan pasaran buah-buahan kita di luar negara. Inilah yang kita khuatiri dan dengan sebab itulah, FAMA perlu diberi kuasa untuk melaksanakan penggredan, pelabelan dan pembungkusan bagi memenuhi kehendak pasaran dunia. Saya yakin dan percaya, jika pengeluar mampu mengikuti peraturan amalan pengeluaran pertanian dan makanan yang baik, sudah tentu kita mudah menembusi pasaran antarabangsa. Pada masa ini pun, negara kita mampu menjadi pengeksport utama bagi buah betik, belimbing dan tembikai ke pasaran Singapura, Hong Kong dan khasnya betik dan belimbing ke pasaran Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jasin dan Cameron Highlands juga mencadangkan supaya pegawai FAMA ditambah dan ditingkatkan kemahirannya supaya dapat memberikan perkhidmatan yang baik, sejajar dengan pembangunan pertanian pada masa ini. Begitu juga dengan kemudahan pemasaran yang disediakan oleh FAMA sangat tidak mencukupi dan dalam keadaan serba kekurangan seperti di Cameron Highlands. Kementerian memang menyedari hakikat ini dan telah mencadangkan supaya pegawai-pegawai FAMA ditambah dan dinaikgredkan memandangkan semua pegawai FAMA di peringkat daerah adalah di bawah Kumpulan Sokongan atau Gred B dan C.

Cadangan untuk menaikkan taraf jawatan ini akan dipohon ke Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun hadapan sejajar dengan penyusunan semula FAMA. Pada masa ini, FAMA mempunyai anggota seramai 1,515 orang yang kebanyakannya

di peringkat pegawai sokongan iaitu seramai 1,410 orang, manakala hanya 105 jawatan pengurusan dan profesional. Bagi menyediakan kemudahan prasarana pemasaran dan khidmat sokongan pemasaran, FAMA telah diberikan peruntukan sejumlah RM169,071,935 dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Peruntukan pada tahun ini adalah berjumlah RM23,805,100 dan pada tahun 2005 adalah berjumlah RM50,522,444. Peruntukan ini sebenarnya tidak mencukupi untuk FAMA memodenkan dan mentransformasikan sistem pemborongan di negara ini.

Mengikut kajian, sebuah Terminal Makanan Negara (TEMAN) yang akan dibina dengan keluasan 50 ekar bagi keperluan 500,000 penduduk, memerlukan RM80 juta sebuah TEMAN. Mengikut perancangan FAMA, akan membina lapan buah TEMAN di seluruh negara. Oleh kerana itu, FAMA perlu diberikan peruntukan yang lebih besar untuk melaksanakan peranan yang akan menjadi lebih berkesan. Ahli Yang Berhormat bagi Jasin dan Dungun juga meminta supaya FAMA jangan mementingkan keuntungan semasa memberikan khidmat pemasaran kepada petani kecil. Sebenarnya, khidmat pemasaran FAMA bukanlah berorientasikan keuntungan.

Walau bagaimanapun, FAMA perlu berhemat untuk memastikan peruntukan urus niaga tidak susut cepat. Sejak 39 tahun yang lalu, FAMA menggunakan wang pusingan perniagaan berjumlah RM53,073,077 untuk melaksanakan pelbagai operasi menyelamat, menjamin pasaran, menerokai pasaran baru, meningkatkan persaingan pasaran dan operasi urus niaga biasa. Dalam keadaan biasa atau pasaran yang telah maju, di mana petani tiada masalah besar memasarkan hasil pertanian mereka dan atau para peniaga telah dapat memainkan peranan yang cekap dan bersaing, FAMA tidak perlu memasuki pasaran seperti tersebut untuk hasil ternakan, bunga-bungaan dan ikan hiasan.

Langkah ini dapat memberi peluang kepada FAMA untuk menumpukan segala sumber terhadnya kepada perkhidmatan pemasaran barangan lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman jangka pendek lain yang sering menghadapi banyak masalah pemasaran. Adalah menjadi strategi FAMA melatih sebahagian petani menjadi usahawan pemasar selain daripada usahawan pengeluar melalui program pasar tani seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Dungun. Ini bertujuan supaya petani berdikari dalam pemasaran dan boleh mengambil alih peranan penjualan hasil pertanian yang selama ini dilaksanakan oleh FAMA. Oleh kerana itu, FAMA akan menggiatkan latihan keusahawanan pemasar seperti melahirkan lebih ramai pengumpul, pemborong, peruncit, pemproses, pembekal dan pengeksport.

FAMA akan terus menggalakkan penubuhan pasar tani di seluruh negara memandangkan projek ini boleh memberi ruang tambahan kepada petani untuk meningkatkan kuasa tawar menawar, memberikan latihan perniagaan, meningkatkan maklumat mengenai hasil yang diperlukan oleh pengguna dari segi harga, kualiti dan sebagainya. FAMA juga akan membina rangkaian pemasaran yang lebih luas sama ada melalui gerai jualan hasil pertanian, pusat pengedaran atau melaksanakan *strategic alliance* dengan pihak pasar raya dan *hypermarket* di dalam dan di luar negara.

Untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, pada masa ini FAMA menguruskan 233 buah pasar tani di seluruh negara dengan penyertaan seramai 18,632 orang peserta termasuk pembantu. Walaupun ada pasar tani yang ditutup, tetapi sebenarnya adalah dipindahkan ke lokasi lain, sama ada kerana tapak tersebut akan digunakan untuk pembangunan atau dipindahkan ke lokasi yang lebih strategik. Penumpuan pasar tani adalah sekadar "tutup payung" dan "dibuka payung" di tempat lain, tidak menjejaskan para petani. Pasar tani juga boleh bersaing dengan *hypermarket* seperti di Pasar Tani Shah Alam yang dinaikkan taraf ke Pasar Tani Mega adalah terletak di tengah-tengah antara *Hypermarket* MAKRO dan Giant.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang saya ingin bangkitkan di sini dan minta sedikit penjelasan ialah berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat antarabangsa khususnya, syarikat-syarikat yang membuka pasar raya-pasar raya yang besar di negara kita.

Kalau kita dapat melihat bahawa terdapat banyak pasar raya yang dibenarkan untuk beroperasi di negara kita seperti TESCO dan juga syarikat-syarikat yang lain dan

saya mahu mengetahui apakah peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat yang kita benarkan ini, yang membuka gedung-gedung yang besar di negara kita dan kita berikan mereka lesen, kita berikan mereka peluang untuk mengaut keuntungan di negara ini dan apakah peranan mereka di dalam usaha untuk membantu petani-petani kita dan juga memasarkan hasil-hasil pertanian kita.

Adakah kerajaan telah mengenakan syarat kepada syarikat-syarikat yang diberikan peluang untuk beroperasi ini untuk memberikan syarat kepada mereka, supaya membenarkan kesemua ataupun sebahagian daripada hasil-hasil pertanian kita dibantu oleh mereka untuk dipasarkan di pasar raya-pasar raya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab. Berapa lama lagi Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya rasa tidak lama lagi, dalam 10 minit insya-Allah. Untuk makluman Yang Berhormat, memang ini adalah syarat-syarat kita dan saya tadi memberitahu bahawa bukan sahaja mereka ini kita akan gunakan untuk memasarkan hasil kita di dalam negara, tetapi sebenarnya mereka akan membawa segala keluaran kita ke luar negara, ke semua rangkaian-rangkaian mereka di luar negara.

Jadi, Kementerian Hal Ehwal Pengguna juga maklum dari segi ini dan mereka juga sama-sama memainkan peranan untuk membantu supaya FAMA betul-betul mendapat yang terbaik daripada *synergy* dengan *hypermarket* yang besar ini. FAMA sedang merancang untuk memperkenalkan lebih banyak Pasar Tani Mega pada tahun hadapan terutama di bandar-bandar utama di negara ini. Saya berharap penjelasan ini akan memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Dungun dan Bukit Bintang yang sangat prihatin terhadap pembangunan pasar tani yang diuruskan oleh FAMA.

Yang Berhormat bagi Beluran mengatakan FAMA kurang mengadakan *strategic alliance* dengan jabatan, agensi lain di dalam kementerian. Itu adalah tidak benar. FAMA menganggotai Jawatankuasa MOA *Incorporated* di semua peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat di mana semua projek dilaksanakan mengikut pendekatan pemasaran.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut Pasar Tani Mega tadi, saya tertarik oleh kerana walaupun PAS pun ada sebut abang adik, UMNO ini abang, PAS itu adik, tapi Kelantan hakikat sebenarnya Ku (Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah) Yang Berhormat Abang kita ada di sini.

Kita masih lagi diperintah oleh parti pembangkang. Apakah hasrat kementerian hendak buat juga Pasar Tani Mega ini di Kelantan ataupun kita hendak jadikan bahawa FAMA *(Federal Marketing Authority)* sistem pemasaran pertanian di negeri Kelantan kerana saya tahu Kelantan bukan saya rasa tidak maju, dia akan maju, kalau kita tengok kepada Islam Hadhari mengikut terminologi ialah kita hendak supaya *integreted* antara abang adik ini supaya berusaha mewujudkan pasar tani secara mega. Setuju atau tidak? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Bersetuju Yang Berhormat, mana yang baik, kita setuju. Pasar Tani Mega di Kelantan, Yang Berhormat. Tak apa Yang Berhormat. Kita sambung dahulu.

FAMA memberikan maklumat mengenai apa yang perlu ditanam, bila masa yang sesuai, anggaran keperluan pasaran dan spesifikasi produk mengikut gred dan jangkaan harga. FAMA juga mengadakan kontrak pemasaran dengan menawarkan harga yang berpatutan kepada pengeluar mengikut spesifikasi yang diperlukan oleh pasaran.

Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mempersoalkan mengenai AP kubis yang dikeluarkan oleh FAMA adalah berlebihan sehingga menyebabkan harga kubis di Cameron Highlands rendah. Sebenarnya kuota yang dikeluarkan mengikut formula anggaran penggunaan dan pengeluaran dengan mengambil kira baki stok dan eksport. Jika berlaku kejatuhan harga adalah disebabkan kemasukan secara seludup dan

keadaan ini telah dikawal oleh pihak Jabatan Kastam dan FAMA di pintu masuk. Selain itu adalah disebabkan pertukaran cita rasa penggunaan pada musim tertentu seperti musim perayaan, puasa dan musim cuti sekolah.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sama AP ini dipegang oleh satu pihak tertentu, keadaan ini adalah tidak benar. AP dikeluarkan kepada pemegang yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Mentadbir Lesen Kementerian Pertanian. Kebanyakan daripadanya adalah terdiri daripada .....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sekejap, Yang Berhormat.

.....syarikat dan orang perseorangan yang bergabung dalam konsortium. Sebahagian daripadanya mungkin ada yang kurang aktif dan FAMA boleh mengkaji dan mengambil balik semula AP daripada pemilik yang tidak mengimport sendiri atau mungkin Yang Berhormat ada nama-nama yang boleh diberikan kepada kami.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya hendak tanya dari segi pasar tani. Adakah Yang Berhormat fikir bahawa FAMA perlu memfokuskan kepada pemasaran, membeli barangan daripada petani dan memasarkannya dan FAMA patut *involve,* terlibat kepada yang lebih besar daripada itu daripada segi *packaging*, dari segi memasarkan secara global dan sebagai seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Dari segi pasar tani, Majlis Daerah juga terlibat dengan pekan-pekan seharinya. Kalau di Felda, JKKR terlibat dengan pekan seharinya, JKKK terlibat dengan pekan seharinya, adakah Yang Berhormat bercadang, maknanya FAMA jangan terlibat dengan soal-soal kecil seperti pasar tani dan sebagainya? FAMA hendaklah terlibat dengan cara yang lebih besar. Kalau hendak pergi global terlibat dengan yang lebih besar seperti *packaging*, cari pasaran baru dan sebagainya. Jangan terlibat dengan soal-soal pasar tani dan sebagainya. Bagi orang lain, bagi Majlis Daerah, bagi JKKR dan sebagainya.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Itu kita akan fikirkan bersama di dalam hala tuju baru FAMA sebab seperti yang saya telah katakan dari mula tadi, pasar tani ini memulakan untuk kita memberi satu latihan kepada petani-petani. Ini dari segi menjadi usahawan-usahawan dan juga dari segi berinteraksi sesama mereka dan ini telah dibimbing oleh FAMA, tetapi insya-Allah dengan adanya cadangan yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, kita akan memikirkan semula peranan kita di dalam pasar tani, tetapi nampaknya sebenarnya dari pasar tani itulah kita telah mengeluarkan beberapa usahawan yang akan meningkat ke taraf yang lebih tinggi.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah menjelaskan dengan begitu teliti berhubungan dengan pemasaran kubis. Kita menggunakan AP yang matlamatnya adalah untuk mengawal harga dan mengawal lambakan kubis di negara kita. Tetapi penggunaan AP yang kita gunakan pada hari ini nampaknya tidak berkesan kerana lambakan kubis daripada negara-negara luar masih berleluasa.

Barangkali perjalanan ataupun keberkesanan AP ini telah disalahgunakan oleh orang-orang yang berkenaan. Boleh atau tidak kementerian mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk memastikan kestabilan harga kubis ini kerana apabila harga kubis boleh distabilkan maka kita menggalakkan petani-petani di negara kita untuk menanam kubis. Sekarang mereka tidak ada minat langsung kerana harga kubis sekarang hanya 10 sen se kilogram ataupun kurang daripada itu.

Saya rasa ini tidak mendatangkan faedah yang banyak kepada negara kita. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sedikit ya, saya hendak menjelaskan mengenai pengeluaran AP atau kuota kubis ini. Pengeluaran kuota kubis oleh FAMA adalah pada setiap bulan. Dia berdasarkan kepada formula permintaan dan pengeluaran. Maklumat pengeluaran adalah diperolehi daripada ketiga-tiga iaitu Persatuan Kubis di Cameron Highlands, Persatuan Penanam Kubis Melayu, India dan Cina.

Selain daripada itu, FAMA juga membuat kajian berdasarkan kepada kepadatan tanaman bagi sesuatu kawasan tanaman yang dipilih yang dipanggil *crop-*

cutting survey untuk mengesan kawasan tanaman kubis di Cameron Highlands. FAMA juga menggunakan kaedah *global positioning system*. Saya ingin memaklumkan bahawa kita profesional dari segi menentukan jumlah kubis ini.

Kita akan membawakan cadangan-cadangan Yang Berhormat ini ke Jawatankuasa Mentadbir Lesen, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani supaya kita sama-sama mencari jalan yang terbaik untuk kita memastikan bahawa penanam kubis itu akan diberikan satu perhatian yang khusus.

Mengenai jualan gula-gula hacks dan rokok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin yang dijualkan di rangkaian Segaria FAMA, adalah sebagai sampingan sahaja kepada produk IKS yang lain. Ini bukan bertujuan untuk mengetepikan produk utama FAMA atau mencari keuntungan. Usaha akan terus dilaksanakan oleh MARDI untuk membangunkan produk-produk baru IKS yang berpotensi dan FAMA akan membantu dari segi pembaikan pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan menggunakan jenama nasional oleh MAS dan AGROMAS.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu mempersoalkan kenapa terdapat produk FAMA yang telah pecah, rosak dan berbau macam agak lama. Berkemungkinan Yang Berhormat, itu adalah produk yang telah luput tarikh dan ini merupakan kes terpencil, namun demikian mungkin Yang Berhormat ingin memberikan maklumat terperinci kepada kami, sebab kami mengambil kompelin ini sebagai serius. Kami tidak mahu dengan satu dua yang didapati tidak elok itu akan merosakkan segala-gala hasil FAMA yang lain.

Mengenai import kelapa daripada Indonesia yang dilaporkan bahawa FAMA tidak meneruskan pembelian selepas penghantaran ketiga adalah disebabkan kualiti hantaran yang kurang baik dan tidak diterima oleh pasaran. FAMA dan kementerian sentiasa berusaha mencari jalan bagi mengusahakan projek baru yang boleh meningkatkan pendapatan petani melalui Jawatankuasa Peningkatan Pendapatan Petani.

Bagi petani yang bertuah dapat mengeluarkan hasil pertanian yang baru dan berpotensi dan mendapat harga yang baik seperti petani di Jelai (Pahang) yang dapat mengeluarkan buah salak yang dijual dengan harga RM8 hingga RM10 sekilogram, pihak FAMA tidak perlu membantu lagi untuk memasarkannya. Ini adalah kerana harga tersebut adalah baik dan menggalakkan petani untuk memasarkan sendiri hasil pertanian tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya yang datang daripada Sabah dan Sarawak, kita telah mewujudkan satu Jawatankuasa Khas yang dinamakan Jawatankuasa Pemantauan Segala Program Pelaksanaan Projek di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan ini akan dijalankan setiap dua bulan sekali. Kita memantau sebab kita rasakan bahawa Sabah dan Sarawak ini memerlukan pemantauan yang lebih khusus dan perhatian yang lebih khusus dan saya berharap dengan adanya jawatankuasa ini, kita akan dapat merapatkan jurang yang dirasakan ada sedikit jauh. Oleh yang demikian, mungkin daripada sini permulaannya adalah mungkin memberi taklimat-taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai peranan semua agensi yang ada di bahawa Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Kementerian sangat menghargai segala pandangan dan sokongan Ahli Yang Berhormat dan kementerian telah menunggu seperti saya katakan tujuh tahun untuk Rang Undang-undang ini diluluskan.

Saya percaya dan yakin bahawa pindaan ini akan memberi peluang kepada FAMA dan Kementerian Pertanian untuk meluaskan lagi peranan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada pengurusan pemasaran yang lebih cekap di peringkat tempatan dan juga di luar negara.

Segala keraguan atau pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat telah saya cuba jelaskan. Walau bagaimanapun, pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya berikan ulasan, saya memohon maaf dan insya-Allah FAMA dan Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Tani akan menghalusi pandangan tersebut dan disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dikemukakan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.57 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Suatu Akta Untuk Meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) ini telah berkuat kuasa semenjak tahun 1955 telah pun beberapa kali dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan yang berlaku di Pelabuhan Pulau Pinang. Kali terakhir Akta ini dipinda ialah pada tahun 1999.

Cadangan untuk meminda Akta SPPP pada kali ini adalah sejajar dengan kehendak dan perkembangan semasa dalam usaha SPPP untuk membangunkan semula kompleks pelabuhan terbakar pada tahun 2001 dan ia tidak lagi dapat digunakan. Di samping itu juga cadangan untuk meminda Akta SPPP ini bertujuan untuk membolehkan SPPP melaksanakan semua aktiviti khususnya aktiviti bercorak komersial yang perlu, bermanfaat dan bersesuaian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Memandangkan terdapat halangan dari segi perundangan yang tidak membenarkan sesuatu projek pembangunan dilaksanakan serta diperuntukkan undang-undang, dianggap tidak sesuai maka pindaan perlulah dilakukan. Kemudahan yang sedia ada ini dimiliki oleh SPPP dan dipajakkan kepada Penang Port Sdn Bhd (PPSB) iaitu syarikat pengendali Pelabuhan Pulau Pinang di bawah perjanjian penswastaan.

Fakta keadaan bangunan struktur terminal bas ini yang tidak boleh digunakan dan ditambahkan lagi dengan rungutan serta ketidakpuasan masyarakat Pulau Pinang terhadap ketidakadaan pembangunan semula ke atas pembangunan struktur berkenaan untuk sekian lama. Maka PPSB telah mengemukakan cadangan kepada SPP untuk membangunkan semula kawasan terlibat.

Pembangunan semula yang dicadangkan oleh PPSB ini melibatkan pembinaan satu bangunan bertingkat yang akan menempatkan kembali terminal bas dan teksi, medan selera, kedai, pasar raya, ruang niaga dan kaunter jualan tiket bas. Selain daripada kemudahan asal yang telah dibina, kemudahan-kemudahan tambahan lain yang akan disediakan termasuklah ruang pameran, panggung wayang, pusat bowling, snuker dan pusat pendidikan.

Usaha ini adalah bertujuan untuk menyuntik *life to the hub,* dengan izin, bagi pembangunan Butterworth khususnya dan Pelabuhan Pulau Pinang amnya. Dalam Akta SPPP 1955 yang sedia ada, tidak terdapat peruntukan khusus atau sebutan mengenai pembangunan komersial, sebaliknya perkara yang terkandung di dalam akta tersebut iaitu seksyen 58(A) hanyalah menyentuh aspek *port-related activities,* dengan izin, yang mana aktiviti tersebut hanya boleh dilakukan di luar kawasan pelabuhan sahaja iaitu yang meliputi pergudangan, *yard containers* dan sebagainya yang berkaitan dengan aktiviti pelabuhan.

Dengan itu berdasarkan kepada takrifan ini maka pembinaan yang bercorak komersial selain dari aktiviti pelabuhan dan yang berkaitan dengan pelabuhan ternyata projek-projek pembangunan komersial ini tidak boleh dilaksanakan sama sekali.

Oleh kerana itu pindaan Akta SPPP 1955 ini adalah wajar dilakukan. Seksyen yang dicadangkan untuk dipinda ialah dengan memasukkan satu peruntukan seksyen baru selepas seksyen 59(b) iaitu seksyen 59(c). Dengan demikian peruntukan ini akan memberi kuasa kepada SPPP untuk melaksanakan semua pembangunan komersial tertakluk kepada kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum saya membuka Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan, ingin saya memaklumkan keputusan pemilihan CPA dan IPU sebentar tadi. Bagi keputusan CPA yang menang ialah :-

Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]

Yang Berhormat Datuk Dr. Yusuf bin Yacob [Sipitang]

Yang Berhormat Datuk Lim Si Cheng [Kulai]

Yang Berhormat Dato' Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]

Yang Berhormat Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]

Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]

Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]

Bagi IPU pula ialah:-

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]

Yang Berhormat Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]

Yang Berhormat Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]

Yang Berhormat Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]

Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]

Yang Berhormat Puan Chew Mei Fun [PJ Utara]

Tahniah diucapkan kepada mereka termasuklah saya sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah saya mencadangkan setiap orang 10 minit? Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong.

2.34 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus masuk untuk membahaskan Rang Undang-Undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai badan kawal selia Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) kepada Pelabuhan Pulau Pinang, saya amat berharap SPPP ini selepas diberi kuasa untuk menjalankan kegiatan yang lebih luas termasuk yang berbentuk komersial ini, saya amat berharap SPPP ini dapat memastikan Pelabuhan Pulau Pinang dan juga Penang Port Sdn. Bhd. akan terus mewujudkan dan memelihara satu *commercially responsive environment* untuk khidmat pelanggan-pelanggan yang menggunakan pelabuhan Pulau Pinang ini secara efektif dan berkesan.

Saya mengambil kesempatan ini memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberitahu iaitu setelah penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang apakah SPPP berpuas hati dengan prestasi selama ini oleh Penang Port Sdn. Bhd. dalam mengendalikan Pelabuhan Pulau Pinang? Sejauh manakah Penang Port Sdn. Bhd. ini telah mengambil langkah-langkah untuk menggunakan teknologi informasi untuk menghadapi peningkatan dalam menguruskan data-data dan informasi semasa mengendalikan Pelabuhan Pulau Pinang? Apakah SPPP dapat memastikan Penang Port Sdn. Bhd. ini ada menggunakan sistem-sistem komputer yang moden digunakan untuk menghadapi *workload* dan juga peningkatan jumlah kargo yang melalui pelabuhan ini pada masa kini dan juga untuk memenuhi permintaan yang bertambah pada masa-masa yang akan datang.

Di samping itu, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini sama ada Penang Port Sdn. Bhd. menggunakan *comprehensive container terminal management solution* pada masa ini dan apakah ia memadai untuk menguruskan Pelabuhan Pulau Pinang dan juga Teluk Burau di Pulau Langkawi yang juga di bawah kawal selia SPPP ini.

Saya juga memohon Timbalan Menteri untuk memberitahu Dewan ini, apakah perkembangan terbaru berhubung dengan dasar penswastaan di mana saham-saham dalam Penang Port Sdn. Bhd ini dikatakan akan dijual kepada pihak swasta apabila sudah sampai masanya. Saya ingin tahu apakah perkembangan terkini mengenai perkara ini dan melalui pindaan akta ini, selain daripada untuk membina semula bangunan di Butterworth, apakah jenis-jenis aktiviti komersial yang akan dilaksanakan ataupun dicadangkan di Pulau Pinang dan juga di Pulau Langkawi.

Sehubungan dengan ini, saya amat mengalu-alukan pindaan ini untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membina semula bangunan di Butterworth dan kami, wakil daripada Pulau Pinang amat berharap bahawa rancangan komersial ini akan memperlihatkan kawasan itu dijadikan satu *public transportation hub*, khususnya terminal yang canggih untuk bas-bas persiaran bagi wilayah utara.

Saya rasa termasuknya perkara ini dalam bangunan dalam kawasan itu amatlah diperlukan memandangkan sistem pengangkutan awam di sebelah utara termasuk negeri Pulau Pinang dan juga memandangkan masalah kesesakan lalu lintas di jambatan Pulau Pinang, saya rasa tempat dan tapak itu haruslah dibangunkan sebagai satu *public transportation hub* yang boleh memenuhi kehendak pada masa kini dan juga masa hadapan. Saya menyeru SPPP dan juga Penang Port Sendirian Berhad untuk bekerjasama erat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan juga melalui Kementerian Pengangkutan dari segi pelesenan dan sebagainya untuk merealisasikan satu *public transportation hub* di tapak yang sedia ada.

Saya juga mengambil kesempatan, Tuan Yang di-Pertua untuk menyentuh tentang perkhidmatan feri yang selama ini dikendalikan oleh pihak-pihak lain dan sekarang oleh Penang Port Sdn. Bhd. yang juga di bawah kawal selia SPPP ini, di mana kita mendapat tahu bahawa Penang Port Sdn. Bhd. telah membuat beberapa kenyataan berhubung dengan perkhidmatan feri, di mana perkhidmatan feri dan feri sendiri sudah menjadi satu warisan yang amat penting bagi negeri Pulau Pinang bukan sahaja sebagai satu corak pengangkutan awam yang amat penting untuk menghubungkan Pulau dengan Seberang Perai, tetapi juga menjadi satu *icon* menarik pelancong dalam dan luar negeri datang ke negeri Pulau Pinang.

Saya amat berharap bahawa SPPP dan juga Penang Port Sdn. Bhd. mempertingkatkan perkhidmatan feri yang sudah memberi khidmat selama 100 tahun antara Pulau dan Seberang Perai. Memandangkan khidmat feri ini amat diperlukan sebab projek-projek untuk melebarkan *penang bridge* belum dapat kepastian dari Kementerian Kerja Raya dan juga projek *second link* yang akan menghubungkan kawasan Batu Kawan dengan Pulau Pinang ini belum dapat kepastian juga.

Saya berharap khidmat feri akan dipertingkatkan pada masa rakyat dan kerajaan menunggu siapnya projek pelebaran *penang bridge* yang sedia dan juga pembinaan *second link* di bahagian selatan Seberang Perai dengan Pulau Pinang. Saya amat berharap….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, sedikit lagi. Penang Port dapatlah menambah bilangan feri yang akan memberi perkhidmatan ini. Akhirnya saya berharaplah sebab Penang Port Sendirian Berhad telah memberi alasan bahawa perkhidmatan feri adalah satu *venture* yang merugikan, tetapi pada keseluruhannya Penang Port Sdn. Bhd. mendapat keuntungan yang amat besar. Jadi, kalau khidmat feri ini tidak mendatangkan hasil yang mencukupi, saya amat berharap pihak kementerian dengan SPPP memastikan pengurusan khidmat feri ini dapatlah di*revamp* supaya perkhidmatan feri ini akan dapat memenuhi dan mengatasi masalah-masalah yang kini dihadapi oleh rakyat negeri Pulau Pinang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam. Keputusan di sini mana boleh soal……

2.47 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada beberapa maklumat yang saya perlu pengesahan dari pihak kementerian. Tetapi sebelum itu saya juga berharap dengan pindaan akta ini dan membenarkan SPPP untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Saya rasa jangan Penang Port Sdn. Bhd. ini menaikkan tambang feri, kerana baru-baru ini ataupun beberapa tahun kebelakangan ini Penang Port Sdn. Bhd. telah melobi untuk menaikkan tambang feri daripada 60 sen sekarang kepada RM2 setiap kali. Ada ramai yang menggunakan feri termasuk pelajar-pelajar dan mereka yang bekerja. Jadi janganlah kementerian membenarkan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) ini untuk menaikkan tambang, kerana PPSB ini menggunakan alasan bahawa operasi feri ini dalam kerugian.

Saya rasa dalam penswastaan Penang Port Sdn. Bhd. memang tahu, bahawa ini adalah satu perkhidmatan kepada rakyat Pulau Pinang dan juga rakyat Malaysia dan dia bukan untuk membuat keuntungan. Selain daripada itu, Penang Port Sdn. Bhd. telah pun membuat keuntungan yang besar dari perniagaan yang lain ataupun perkhidmatan yang lain. Selain dari itu saya mendapat maklumat bahawa Penang Port Sdn. Bhd. telah membuat beberapa keputusan dan juga tindakan yang tidak mengutamakan kepentingan PPSB sendiri, tetapi dilihat seolah-olahnya dia telah memberi keuntungan besar kepada syarikat-syarikat yang tertentu.

Saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian, yang pertama sama ada benarkah bahawa PPSB ini telah membelanjakan RM750,000 untuk memasangkan CCTV untuk mengawal atau *monitor revenue collection?* Jika ia benar, selepas memasang CCTV ini, adakah *collection*nya atau pulangannya atau kutipannya telah meningkat? Apakah perlunya dan adakah harga ini *reasonable?*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum bulan Jun 2004, Northern Butterworth Container Terminal membeli diesel pada harga 72 sen per liter daripada sebuah syarikat bernama Petronas Dagang, tetapi sejak 1hb Julai 2004, kontrak membekal diesel itu telah diberi kepada Shell dan melalui Koperasi Tanjong Berhad dengan harga RM1.47 sen per liter iaitu berlipat ganda. Saya hendak tahu, adakah ini benar dan jika benar apakah sebabnya dia perlu membeli melalui orang tengah iaitu Koperasi Tanjong dan kita tahu siapa yang di dalam Koperasi Tanjong ini. Mereka adalah ahli politik dari UMNO. Kedua,….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. Apakah orang politik tidak boleh berniaga?

Puan Chong Eng: Itu bukan soalnya. Soalnya ialah mengapa melalui satu syarikat tengah dan harganya ialah melebihi dua kali ganda, itu adalah soalannya.

Yang keduanya ialah Koperasi Tanjong juga mendapat kerja untuk *pleating work,* untuk feri Pulau Talang Talang dan untuk *renovation work*…….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini semua berkaitan dengan pindaan?

Puan Chong Eng: Ada, kerana dia mendakwa bahawa perkhidmatan feri ini beroperasi dalam kerugian. Oleh sebab itu dia mesti meningkatkan tambangnya. Saya rasa kerugian itu adalah kerana sebab-sebab yang lain. Kalau ini telah di atasi jadi saya rasa feri itu boleh, tambang feri itu boleh kekal di enam puluh sen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Jadi saya juga ingin tahu di sini saya difahamkan ada feri yang baru dibeli tetapi *toilet*nya di*renovate* dengan harga satu *toilet* RM152,700 ke atas feri yang baru dan *toilet* yang baru. Saya tidak mahu membuat dakwaan di sini, tetapi saya meminta bahawa kementerian membuat siasatan. Dan juga ada dikatakan bahawa kerja ke atas feri, *repair work* ke atas feri diberi kepada satu syarikat tetapi yang membuat *repair* itu dan juga barang-barang gantian ialah daripada Penang Port Sendirian Berhad.

Jadi, seolah-olahnya syarikat yang mendapat kerja ini dia dapat untung lebih kerana Penang Port Sendirian Berhad yang membekal tenaga dan juga barang-barang gantian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi ya, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ada satu yang terakhir ialah selama ini *Shell* yang membekal diesel dan *lubricant* kepada Bagan Dalam Dockyard dengan *discount* 20%. Tetapi sekarang kontrak ini telah diberi kepada satu syarikat yang baru iaitu Ceria Kenari dan tidak ada *discount.* Dengan 20% *discount* ini bermakna RM500,000 satu tahun.

Jadi kalau kita boleh mengemaskan semua ini saya rasa perkhidmatan feri ini tidak akan beroperasi dalam kerugian dan ia boleh mengekalkan tambang enam puluh sen satu kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng: Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan. Lepas Bagan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, saya hendak masuk juga dalam perbahasan itu. Saya tengok tiga-tiga DAP, Barisan Nasional pun ada hak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dan selepas itu saya benarkan seorang lagi dan Menteri jawab. Yang Berhormat, siapa hendak cakap kena bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sayalah.

Tuan Lim Hock Seng: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah..

2.58 ptg.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan Penang Port Commission Act 1955. Sebenarnya ia perlu dipinda bertahun-tahun awal lagi kerana birokrasi dan sikap acuh tidak acuh pihak kementerian maka pihak SPPP mungkin telah mengalami kerugian besar dari segi memungut sewa dan *revenue* operasi kompleks pelabuhan yang terbakar sejak lagi pada tahun 2001.

Saya masih teringat beberapa tahun dahulu Kementerian Pengangkutan pernah membentangkan suatu pindaan kepada Akta Kereta Api Tanah Melayu (KTM) supaya tujuan kegunaan tanah milik KTM boleh dikomersialkan. Pada masa sekarang tanah milik KTM di Prai, Pulau Pinang telah dimajukan menjadi satu taman perumahan dan perdagangan yang dinamakan Prima Prai dan pihak KTM dan kerajaan dapat keuntungan besar dari segi kewangan dan juga meringankan bebas penyelenggaraan tanah yang begitu besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham tujuan kerajaan hendak meminda Akta PPC ini kerana hendak menselari dan menyesuaikan pembinaan semula PPC yang terbakar pada 2001 Mei lalu. Tanah terlibat adalah Lot 237, 2627, 236, 235 dan 233 Seksyen 4, Butterworth iaitu di kawasan saya. Keluasan tanahnya ialah lebih kurang empat ekar. Dalam soalan jawapan lisan pada Mac 2003 dalam Dewan yang mulia ini, saya diberitahu bahawa pada tahun 2002 pihak swasta Konsortium PLB *Engineering* Bhd. dan Talian Selasih *Development* Sdn. Bhd. telah mengemukakan satu cadangan pembinaan semula di mana ia mengandungi perhentian bas yang moden, ruang niaga dan opis, ruang makanan dan minuman, hotel, dewan pameran dan juga tempat letak kereta bertingkat dan lain-lain lagi.

Projek ini dianggarkan menelan perbelanjaan RM80 juta ringgit. Saya sokong cadangan ini dan berdoa supaya cita-cita ini dapat direalisasikan dengan seawal mungkin demi keselesaan penumpang-penumpang dan juga membawa imej yang kepada pelancong-pelancong asing dan tempatan.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menanya beberapa soalan? Tempoh pajakan tanah kepada pemaju berapa lama? Pulangan kepada kerajaan atau kepada SPPP iaitu berapa keuntungan atau premium yang boleh di perolehi dari projek ini atau ada apa-apa bentuk kerjasama atau dimaksudkan *joint venture* dalam projek ini. Selain dari tanah dari di Pengkalan Sultan Abdul Halim iaitu Kompleks PPC yang saya maksudkan tadi di mana atau masih adakah tanah-tanah dimiliki oleh SPPP dan adakah sebarang rancangan untuk dimajukan tanah milik SPPP ini?

Saya difahamkan di Pulau Pinang iaitu di Port Swettenham ia ada gudang-gudang, pejabat-pejabat dan bangunan-bangunan yang usang, adakah ia akan diroboh dan dibangunkan untuk tujuan komersial selepas pemindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menanya selepas kompleks baru dibina apakah langkah-langkah diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan feri Butterworth Pulau Pinang ini. Pada masa dahulu ia berjalan berlayar 24 jam tetapi sekarang sampai tengah malam sahaja. Bolehkah ia disambung semula berkhidmat 24 jam. Bilakah jeti atau terminal feri yang telah runtuh pada tahun

1987 di mana ia membawa maut lebih kurang 24 orang lagi akan dibina semula dan juga diura-urakan bahawa SPPP akan mengenalkan *express boat service* untuk dipakai mengangkut penumpang-penumpang berjalan kaki supaya feri-feri yang sedia ada digunakan untuk membawa kenderaan-kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pembinaan semula dijalankan kerja-kerja merobohkan bangunan Kompleks PPC perlu dijalankan dan kerja ini sedang dijalankan dengan lancarnya sejak dua bulan yang lalu. Saya difahamkan bahawa kos meroboh dan membersihkan bangunan yang terbakar adalah RM400,000. Sebenarnya ada kontraktor-kontraktor memberi tahu saya, mereka sedia membayar RM250,000 kepada PPC dan bukan PPC membayar RM400,000 kepada kontraktor untuk meroboh dan membersihkan tapak itu. Saya pun tanya kepada mereka kenapa mereka boleh membayar kepada PPC dan PPC bukan membayarkan kepada mereka dan ada alasannya untuk berbuat demikian.

Oleh kerana pada masa sekarang harga pasaran *scrap iron* besi lusuh adalah mahal dan berharga. Yang terpenting sekali ialah ada timbunan-timbunan berpuluh-puluh ribu tan *tantalum* atau dipanggil oleh orang China emas hitam di bawah tanah yang bernilai berjuta-juta ringgit. Saya ingin menanya *tantalum* inilah amat menarik minat para-para kontraktor dunia. Saya ingin menanya dalam surat perjanjian kontrak adakah sebarang butiran berkenaan dengan hasil galian di bawah tanah? Adakah kontraktor-kontraktor dibenarkan mengali *tantalum* ini, bagaimana pembahagian faedah galian ini sama ada ia 100% milik kontraktor atau kontraktor dilarang sama sekali untuk..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: ....mengalikan *tantalum* ini.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, gulung. Bukankah dalam Kanun Tanah Negara ada menerangkan sebarang penemuan galian dan barang antik atau barang purba adalah milik kerajaan? Sekiranya begitu, adakah kerajaan akan mengawal dan mengawasi supaya kontraktor-kontraktor hanya merobohkan dan membersihkan tapak dan bukan dibenarkan untuk menggali titanium. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

3.00 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membahaskan Akta Penang Port ini, saya ingin mengalu-alukan kedatangan sahabat-sahabat, pemimpin-pemimpin dari kawasan Parlimen Jerai *[Tepuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ahli Parlimen dia ada tidak di dalam?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Untuk makluman pemimpin-pemimpin …

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah tujuan ini Yang Berhormat bangun untuk mohon berucap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak. Ini di samping ucap tahniah Datuk menang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab tadi Yang Berhormat tidak ada bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mukadimah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi ini mukadimah. Untuk makluman pemimpin-pemimpin dari Parlimen Jerai, Ahli Parlimen Jerai ini memang hebat dalam Parlimen ini. Tahniah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lima minit sahaja. Masa berucap lima minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bolehlah terus menyokong dia. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil, saya melihat rakan-rakan dari DAP membahaskan ini, tidak ada dari Barisan Nasional, jadi saya ambil bahagian untuk menutup sejarah ini dengan cantik….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pelabuhan Pulau Pinang, apa Yang Berhormat tahu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tahu, *[Ketawa]* banyak tahu. Pelabuhan Pulau Pinang antara pelabuhan yang terkenal di Malaya dahulu, selain dari negara Singapura, Pelabuhan Pulau Pinang ialah pintu masuk kepada Malaya sebelum merdeka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, apakah pindaan yang kita bincangkan ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya menyokong! Saya menyokong pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah pindaan yang telah dicadangkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pindaan-pindaan yang telah pun dinyatakan oleh Timbalan Menteri *[Ketawa]* saya menyokong, saya hendak ambil catatan sejarah ini, saya menyokong Datuk, tidak ada apa-apa masalah, sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, duduklah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya sokong…..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya menyokong saranan tadi untuk hendak membangunkan semula terminal bas yang terbengkalai….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan, kena kepada perkara yang dinyatakan oleh Sri Gading sebentar tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, apakah penjelasan ….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya terminal baru yang akan dibina itu ……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tidak tahu apa pindaan yang kita bentangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Tahu, tahu, Datuk jangan salah sangka, tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading bersetuju…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, sebenarnya Pelabuhan Pulau Pinang, dengan pindaan ini lebih memberi kuasa….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya orang Kedah, jadi saya berhak, saya berhak…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan kedai kopi, siapa tidak bercakap, duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya berhak kerana Pulau Pinang adalah hak Kedah satu ketika dahulu. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak minta supaya bangunan baru itu dinamakan Bangunan Tuanku Sultan Abdul Halim kerana mengambil sempena dengan bangunan itu, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setuju!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, Yang Berhormat sokong, betul? Sokong pindaan yang dibuat, betul?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, duduk, duduk, Timbalan Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dan sebelum ini, oleh kerana ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 2004, Rang Undang-Undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004 yang tertera di No. 2 hingga 4 serta usul-usul di No. 5 hingga 11 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dibahaskan dan diputuskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai rang undang-undang yang kita bincangkan pada petang ini termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Yang pertama Yang Berhormat bagi Tanjong ada memberi beberapa pandangan, jadi ada juga pandangan ini kita akan ambil perhatian, dan ada juga pandangan ini kita akan jawab di sini. Beliau meminta bahawa SPPP memastikan bahawa segala usaha ke arah memberi perkhidmatan dan hasil dari wujudnya bil ini, kita akan meningkatkan *effectiveness* PPSB, ini memang kita ambil perhatian dan kita harap itulah tujuan yang sebenarnya.

Yang kedua, beliau bertanyakan sama ada PPSB ada mengawasi prestasi PPSB. Memang SPP mengawasi termasuk kementerian kita memastikan dan kita berpuas hati dengan pencapaian yang dibuat kerana angka-angka menunjukkan misalnya dalam tahun 2003, Penang Port ada mengendalikan 634,000….

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan kenyataan Yang Berhormat tadi, untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Pelabuhan Pulau Pinang sebagaimana yang dijerit-jeritkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi kerana depa ada masalah juga di Bagan. Apakah kakitangan akan ditambah dan juga feri-feri yang ada akan diganti dengan feri-feri yang lebih baik? Kerana walaupun ada Jambatan Pulau Pinang tetapi masih lagi orang-orang dari Utara terutama dari Jerai, mungkin dari Kedah masih lagi menggunakan feri untuk ke pulau. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, memang dalam usaha Penang Port untuk meningkatkan kemampuan yang memberi perkhidmatan yang lebih baik dari masa ke semasa, ini memang kita timbangkan sama ada perlu untuk menambahkan kakitangan, bukan hanya menambah tetapi kita juga melatih kakitangan supaya mereka ini mahir mengenai teknologi yang terkini. Inilah satu pendekatan yang diberi oleh PPSB dan juga selalu diawasi oleh kementerian. Mengenai feri-feri tadi, kita akan ada soalan mengenai feri, nanti saya akan jawab bila tiba kepada tajuk itu.

Jadi berbalik kepada prestasi Penang Port tadi, prestasi menunjukkan dari tahun 2002, TEUs meningkat kepada 688,000 TEUs pada tahun 2003, pada tahun 2004 sehingga Oktober sekarang, sudah 642,000, jadi kita yakin mungkin 700,000 TEUs dapat kita capai. Ini adalah satu bukti menunjukkan bahawa Penang Port telah dapat meningkatkan prestasinya. Itulah sebabnya kita berasa berpuas hati dengan pencapaian Penang Port.

Dari semasa ke semasa, mereka memang mengamalkan kaedah-kaedah pentadbiran yang baik dan juga menggunakan teknologi-teknologi yang terkini dalam semua sudut kerana inilah satu cabaran kepada sesuatu *port* iaitu mereka mesti meningkatkan kebolehannya dan meningkatkan produktivitinya kerana sekarang port kita bukan hanya bersaing untuk port dalam negara kita sahaja, tetapi bersaing di seluruh rantau ini.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan. Tujuan utama untuk meminda rang undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa yang lebih luas terutama kepada aktiviti yang berbentuk komersial untuk Penang Port ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah rancangan ataupun aktiviti komersial yang mungkin akan dijalankan oleh Penang Port ini selaras dengan pindaan-pindaan yang akan dilakukan nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir perkara ini telah dimaklumkan….

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, masalahnya kerana Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini, kita telah menggariskan, membentangkan …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan usul ini, telah menerangkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Jadi, saya telah jelaskan apa-apa aktiviti, tetapi nanti kerana Yang Berhormat bagi Tanjong juga ada menanyakan apa aktiviti-aktiviti komersial yang lain, kita juga akan beritahu kepada Yang Berhormat. Okay?

Perkara yang ketiga sama ada Penang Port ada menggunakan sistem yang terkini. Seperti saya sebutkan tadi, tindakan memang sentiasa diambil untuk menggunakan teknologi yang terkini termasuk ICT supaya dia dapat lebih kompetitif dengan *ports* yang lain. Mengenai soalan di mana saham PSB akan dijual, itu adalah bukan dalam bidang kuasa kementerian ini. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh tanya kepada Kementerian Kewangan.

Jenis-jenis aktiviti komersial yang akan diadakan adalah seperti yang disebut dalam huraian saya tadi. Yang pertama pembangunan-pembangunan yang lain yang kita hendak jalankan di Pulau Pinang adalah di *port.* Yang pertama adalah projek pembangunan semula jeti Swettenham di mana dermaga akan dibuat untuk 60 meter

lagi ke arah laut supaya mendapat kedalaman 16 meter dan panjang dermaga juga akan dipanjangkan kepada 450 meter. *Terminal* penumpang empat tingkat bertaraf antarabangsa dan juga kemudahan CIQ akan dibina sama. Bagi….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan ya, penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri, saya difahamkan Pelabuhan Pulau Pinang ini adalah pelabuhan yang cukup lama dan saya telah difahamkan bahawa pelabuhan ini juga akan diswastakan. Jadi sejauh manakah penswastaan ke atas Penang Port ini berjalan ataupun ia tidak lagi dikaji ataupun kerajaan mungkin tidak menswastakan? Jadi kalau hendak diswastakan adakah segala pindaan dan peruntukan diperlukan sedangkan kita bercadang untuk swastakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini telah dibangkitkan dan saya yakin Yang Berhormat akan menjawab juga.

Datuk Douglas Uggah Embas: SPPP adalah badan mengawal selia. Jadi sama ada soalan itu tadi mengenai saham PPSP tadi. Itu yang ditanya oleh Yang Berhormat daripada Tanjong, ke mana hendak menjual saham PPSP itu, itulah terpulang kepada kementerian lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, Timbalan Menteri, maksud saya penswastaan, sama ada hendak diswastakan atau pun tidak. Itu sahaja pertanyaan saya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Projek komersial akan dijalankan oleh Penang Port ini. Kerajaan telah membuat keputusan bagaimana kaedahnya untuk melaksanakan pelbagai projek ini selepas Penang Port memberi kuasa untuk menjalankan komersial aktiviti, selepas itu kerajaan akan menimbang apakah kaedah yang terbaik untuk melaksanakan berbagai-bagai program komersial yang akan dijalankan di beberapa kawasan di sini.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman*: [Bangun]* Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, Yang Berhormat Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat-Timbalan Menteri ada menyebut tentang pembinaan terminal empat tingkat. Jadi saya hendak tahu sama ada di dalam terminal itu termasuk perhentian bas atau pun teksi kerana kita tidak mahu perhentian bas ataupun teksi macam yang ada di Pudu Raya, ia sungguh mencemarkan alam sekitar dan juga menyesakkan nafas apabila kita masuk di dalam terminal bas di Pudu Raya tersebut. Jadi saya harap dalam pembinaan terminal ini mengambil kira tentang perkara-perkara tersebut.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang dalam segala perancangan yang kita ada di sini di dalam kita membangunkan terminal baru, kita mengambil kira unjuran-unjuran jumlah penumpang-penumpang yang akan menggunakannya pada masa-masa yang akan datang. Maka dengan adanya projek komersial ini memang itulah matlamatnya supaya tempat-tempat ini akan lebih selesa dan lebih menarik lagi, bukan hanya untuk penduduk tempatan tetapi juga untuk pelancong-pelancong.

Yang Berhormat dari Tanjong juga bertanyakan kerjasama antara kerajaan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang kementerian mengarahkan SPPP kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana ini adalah penting dan kerana banyak kelulusan juga perlu diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga diminta memberi pandangan untuk bagaimanakah projek komersial itu akan dijalankan kerana tempat ini adalah di Pulau Pinang dan ia diharapkan dapat menyumbang kepada projek pelancongan di Pulau Pinang.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menyoalkan mengenai masalah kenaikkan tambang feri. Sekarang ini kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenai tambang feri ini. Kita menimbang dan kita ambil perhatian semua pandangan-pandangan dari Yang Berhormat itu tadi. Ada beberapa perkara yang

disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita akan ambil perhatian kerana itu adalah banyak perkara-perkara terperinci. Dalam pandangan saya Yang Berhormat cuba hendak memberi hujah-hujah untuk menekankan bahawa kenaikkan tambah feri tidak patut dinaikkan. Jadi ada beberapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kita akan ambil perhatian dan kita akan teliti di atas perkara-perkara yang disentuh tadi.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya sebutkan itu bukan hanya ingin mendapat perhatian tetapi saya juga berpendapat bahawa kementerian perlu telus dalam semua urusan ini. Jadi saya ada mengeluarkan perkara-perkara ini ialah untuk perhatian dan juga harap kalau dijalankan siasatan saya ingin mendapat *report* ataupun laporan mengenai perkara-perkara ini. Bolehkah saya diberi jawapan kalau bukan hari ini secara bertulis, mungkin dalam dua minggu atau tiga minggu? Bolehkah? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang pertama Yang Berhormat menyebut tadi mengenai koperasi Tanjong. Jadi tidak ada sebab mengapa koperasi ini tidak boleh terlibat dalam perniagaan. Jadi itulah nampaknya mungkin Yang Berhormat ada tujuan atau muslihat sendiri tetapi kalau Yang Berhormat memerlukan perkara-perkara ini dipanjangkan kepada Yang Berhormat, selepas penelitian saya minta Yang Berhormat majukan surat kepada saya dan kita akan kerjasama dengan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tidak puas hati dengan sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri Ini. Perkara ini telah dibawa di forum yang tertinggi di dalam negara ini, di Parlimen, dan beliau meminta saya dan mengemukakan surat lagi. Apakah tujuan Dewan ini? Bukankah kita buang masa? Buat apa hendak datang ke sini? Apa tujuannya …

Datuk Douglas Uggah Embas: ….tujuan saya…..

Puan Chong Eng: Timbalan Menteri datang ke sini? Nanti, saya belum habis, saya belum habis!

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat !

Datuk Douglas Uggah Embas: Duduk, duduk! Cukup, cukup!

Puan Chong Eng: Yang saya rasa, Timbalan Menteri juga kurang faham apa maksudnya, dia hanya ingat ini Koperasi Tanjong kerana kawan dia. Soalnya ialah mengapa beri orang tengah melalui Koperasi Tanjong?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okay, Okay..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Puan Chong Eng: Apakah sebabnya? Mengapa tidak boleh membuat perniagaan terus sahaja? Mengapa perlunya? Itu soalan saya!

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, Yang Berhormat *I think….*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, Menteri sudah jawab!

Datuk Douglas Uggah Embas: Masa yang diberi sudah lebih!

Puan Chong Eng: Selalunya, selalunya itulah sikapnya kementerian seperti ini. Oleh sebab itulah ada banyak perkara yang tidak sepatutnya berlaku!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat, jawapan sudah diberi!

Datuk Douglas Uggah Embas: Jawapan sudah diberi, jadi kalau Yang Berhormat hendak tahu, kita akan panjangkan urusan ini kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan akan diberikan kepada Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, Yang Berhormat!

Puan Chong Eng: Bila?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas ini.

Datuk Douglas Uggah Embas: Selepas kita siasat!

Puan Chong Eng: Satu tahun?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terpulanglah, satu tahun, dua tahun.

Puan Chong Eng: Terpulanglah? Mungkin 10 tahun kut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak akan 10 tahun!

Datuk Douglas Uggah Embas: 10 tahun Yang Berhormat tidak ada dalam…..

Puan Chong Eng: Saya rasa dia ini tidak mahu buat satu komitmen di sini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, 10 tahun mungkin kita pun tidak ada di sini. Tidak apalah, tidak sampai 10 tahun. Cukuplah!

Puan Chong Eng: Itulah, itu yang saya khuatir!

Datuk Douglas Uggah Embas: Okay, kita …..Yang Berhormat, Yang Berhormat…

Puan Chong Eng: Seratus tahun pun kita mungkin tidak ada di sini. Mana tahu esok apa yang akan berlaku?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu. Apabila kita ada…..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat, beri tempoh masa yang munasabahlah. Yang Berhormat, cukuplah!

Datuk Douglas Uggah Embas: Bukan, apabila ada …saya…

Puan Chong Eng: Bila akan beri? Satu bulankah, dua bulan atau satu minggu, dua minggu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak dapat berjanji waktunya tapi…..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: …Yang Berhormat tahu apabila kita…

Puan Chong Eng: Sekurang-kurangnya satu *time frame*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tempoh masa yang munasabah.

Puan Chong Eng: Haa.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tempoh masa yang munasabah.

Puan Chong Eng: Iaitu? Iaitu? Tuan Yang di-Pertua, jangan hendak menolong Timbalan Menteri untuk menjalankan ……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tolong awak juga Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: …mengelakkan tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya pun tolong awak.

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau dua minggu sudah dapat. Bolehkah saya dapat jawapan dalam dua minggu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Satu bulan.

Puan Chong Eng: Satu bulan? Okay satu bulan.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Datuk Douglas Uggah Embas: Mengapa Bukit Mertajam begitu garang hari ini ya? Okay, Yang Berhormat bagi Bagan tadi juga ada beberapa perkara yang

disentuh. Beliau juga bersetuju bahawa projek ini haruslah dijalankan dan saya akan memberi keyakinan kepada beliau, bahawa kita seperti mereka juga menginginkan projek-projek ini dijalankan secepat yang mungkin. Saya tahu Yang Berhormat sentiasa membawa perkara ini ke Parlimen. Kita pun seperti Yang Berhormat juga memang mengehendaki projek ini dijalankan secepat yang mungkin.

Walau bagaimanapun kita hendak menentukan sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan ianya haruslah mengikut lunas undang-undang. Jadi oleh sebab itulah apabila kementerian menyedari bahawa *Penang Port Commission Act* tidak merangkumi kuasa untuk memberi kepada SPPP untuk menjalankan projek komersial, maka sebab itulah kita membentangkan rang undang-undang ini. Kita berharap dengan lulusnya rang undang-undang ini yang disokong oleh semua Yang Berhormat, maka ianya juga dapat memulihkan Penang Port menjalankan urusan membaiki terminal tersebut.

Mengenai terminal yang runtuh, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, itu juga akan dibangunkan sama dengan program pembangunan komersial ini, kerana dari sini Penang Port akan merancangkan bahawa ianya akan membantu perancangan Penang Port dalam membuat terminal yang baru.

Mengenai *express boat* seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, perkara ini juga masih dalam perbincangan oleh PPSB, mungkin kita akan melihat keseluruhan bangunan di kawasan tersebut.

Mengenai galian yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sama ada dalam surat perjanjian ada peruntukan tentang hasil galian. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat itu tidak termasuk dalam perjanjian dan walaupun syarikat tersebut telah bersedia untuk membayar RM250,000 kepada PPSB, tetapi itu adalah di luar bidang kuasa port untuk memberi permit syarikat itu untuk menggali galian tersebut. Itu adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada bertanya mengenai dengan pembinaan semula kompleks PPC dan saya ada bertanya tempoh pajakan tanah kepada pemaju berapa lama, dan apakah pulangan yang dapat diperolehi selepas tanah ini diserahkan kepada pihak swasta untuk dimajukan. Apa yang saya katakan RM250,000 ini bukan kontraktor yang berjaya tender merobohkan bangunan ini akan bayar kepada PPC.

Saya kata PPC membayar RM400,000 kepada kontraktor supaya merobohkan bangunan ini dan ada antaranya kontraktor-kontraktor lain yang tidak berjaya, mereka sudi membayar RM250,000 kepada PPC dan ini bukan kontraktor yang berjaya hendak membayar RM250,000. Kontraktor lain sudi membayar, tetapi mereka tidak dipilih untuk membuat demikian. Matlamat mereka ialah *titanium* di bawah tanah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham tadi kerana ada syarikat yang menawarkan RM250,000 dengan beberapa syarat, tetapi syarat tersebut tidak dapat dipenuhi oleh Penang Port. Sebab itulah Penang Port tidak boleh menimbang permohonan syarikat yang gagal tersebut.

Mengenai tempoh pajakan tanah yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi adalah tempoh pajakan tanah yang dipohonkan oleh pemaju ialah 30 tahun. Apakah pulangan kepada SPPP daripada projek ini, ini masih diteliti dan kita tidak dapat memberikan angka yang terperinci kepada Yang Berhormat.

Jadi itulah beberapa perkara yang saya hendak jawab. Perkara-perkara lain kita akan ambil perhatian dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LAPORAN KEWANGAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Akta Laporan Kewangan 1997 mengandungi peruntukan mengenai penubuhan dan fungsi Yayasan Laporan Kewangan ataupun Yayasan, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Lembaga). Ia juga mengandungi peruntukan di mana semua syarikat termasuk syarikat asing di Malaysia dikehendaki mematuhi piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga apabila mengemukakan akaun tahunan kepada Suruhanjaya Sekuriti Bank Negara Malaysia dan juga Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Bagi mengemas kini fungsi Yayasan dan Lembaga dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan membentuk piawaian perakaunan serta melicinkan operasi Yayasan dan Lembaga, adalah dicadangkan beberapa peruntukan dalam akta dipinda.

Tujuan pindaan ini ialah untuk menggalakkan syarikat asing yang disenaraikan terus melabur di Malaysia dan menarik lebih banyak syarikat asing disenaraikan di bursa saham tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya tujuan pindaan yang dicadangkan adalah meliputi peruntukan-peruntukan berikut:

(i) Memperkemaskan keahlian dan perjalanan mesyuarat yayasan dan lembaga;

(ii) memperluas fungsi yayasan dan bidang kuasa lembaga dalam pembentukan piawaian perakaunan dan lain-lain pernyataan teknikal; dan

(iii) memperluas takrif piawaian perakaunan diluluskan.

Bagi memastikan kelicinan operasi yayasan dan lembaga adalah dicadangkan peruntukan yang sedia ada dipinda seperti berikut:-

(i) membolehkan salah seorang daripada *ex-officio* yayasan yang hadir dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat yayasan jika pengerusi tidak dapat hadir;

(ii) membolehkan yayasan melantik sesiapa yang difikirkan sesuai dengan apa juga gelaran jawatan bagi menjalankan kerja harian lembaga;

(iii) membolehkan mana-mana ahli menggunakan cara tele-persidangan ataupun video persidangan atau cara elektronik yang lain sekiranya tidak hadir mesyuarat selaras dengan teknologi masa kini;

(iv) membolehkan Presiden Institut Akauntan Malaysia (IAM) atau wakilnya daripada Ahli Majlis IAM dilantik sebagai wakil *ex-officio* dalam yayasan kerana pada masa ini hanya Presiden sahaja yang layak sebagai wakil *ex-officio* IAM.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu selaras dengan perkembangan semasa dan antarabangsa adalah dicadangkan supaya fungsi lembaga diperluaskan dengan memberi kuasa kepada lembaga untuk menggubal, mengubah, menambah, menggantung, menarik balik dan membatalkan piawaian perakaunan serta lain-lain penyertaan teknikal yang dikeluarkan oleh lembaga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Pada masa ini bidang kuasa lembaga adalah terhad kepada membangun dan mengeluarkan piawaian sahaja. Pindaan yang dicadangkan bertujuan bagi memantapkan semua usaha lembaga untuk membuat perubahan dan pindaan terhadap piawaian dan pernyataan teknikal sesuai dengan perubahan semasa dan telah mengambil kira objektif dan masalah praktikal yang mungkin dihadapi syarikat semasa pilihan akaun masing-masing. Dengan adanya pindaan ini tatacara pembentukan piawaian oleh lembaga bukan sahaja akan menjadi lebih fleksibel malahan memendekkan proses pengubahsuaian yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menggalakkan lagi pelabur asing melabur di Malaysia terutamanya syarikat asing yang disenaraikan di Bursa Saham tempatan dan syarikat asing lain yang berminat untuk disenaraikan adalah dicadangkan supaya takrif piawaian perakaunan diluluskan, diperluaskan bagi merangkumi piawaian yang dikeluarkan oleh dan diiktiraf oleh badan perakaunan antarabangsa yang lain seperti *International Accounting Standards* dan sebagainya.

Pada masa ini peruntukan akta memerlukan semua syarikat termasuk syarikat asing yang beroperasi di Malaysia menyediakan penyata kewangan mereka dengan mematuhi piawaian yang diluluskan oleh lembaga sahaja. Ini telah menimbulkan masalah praktikal terutama kepada syarikat asing yang menyediakan penyata kewangan mereka berpandukan piawaian antarabangsa yang tidak diluluskan oleh lembaga. Pindaan ini akan memudahkan lagi syarikat asing yang disenaraikan atau yang memohon penyenaraian di Bursa Saham tempatan, menyediakan penyata kewangan dengan berpandukan sama ada piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh lembaga atau lain-lain badan perakaunan antarabangsa yang diiktiraf oleh lembaga.

Cadangan pindaan ini akan memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat asing untuk mengemukakan penyata kewangan mereka berdasarkan piawaian antarabangsa yang lain yang setaraf dengan piawaian yang diluluskan oleh lembaga. Dengan pindaan ini juga, syarikat asing boleh mengemukakan penyata kewangan untuk tujuan permohonan penyenaraian mengikut piawaian antarabangsa yang ditetapkan seperti yang terdapat di dalam cadangan peruntukan seksyen 26A rang undang-undang. Walau bagaimanapun, piawaian bagi syarikat-syarikat selain syarikat asing masih tertakluk kepada piawaian yang diluluskan oleh lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah untuk melicinkan pengurusan yayasan dan lembaga, di samping memberi sedikit kelonggaran kepada syarikat asing yang sedang atau ingin melabur di Malaysia dari segi penyeliaan penyata kewangan.

Pindaan ini tidak menjejaskan kualiti penyata kewangan yang disediakan kerana piawaian yang sedia ada adalah mencukupi untuk tujuan pengawasan dan pemantauan. Malahan dianggap penting dari segi kelicinan peruntukan piawaian perakaunan yang dijalankan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Pulai.

3.35 ptg.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengalu-alukan pindaan kepada Akta Laporan Kewangan 1997 ini yang dibentangkan bertujuan untuk melicinkan proses pembentukan piawaian perakaunan yang dijalankan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Berdasarkan rang undang-undang yang ada, proses pengubahsuaian perakaunan terhad dan mengambil masa yang lama. Saya amat menyokong pindaan ini yang bertujuan untuk menarik pelabur asing untuk menyenaraikan syarikat mereka di Bursa Malaysia.

Pada pendapat saya pindaan ini juga akan dapat membantu mengikis tanggapan negatif daripada pengurus dana antarabangsa mengenai kualiti piawaian yang digunakan oleh MASB ini, mengenai kualiti laporan kewangan yang dihasilkan oleh syarikat yang beroperasi di Malaysia ini. Dengan langkah ini diharap bahawa piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh lembaga akan dapat diterima dengan lebih baik oleh masyarakat antarabangsa dan sekali gus menolak persepsi bahawa piawaian perakaunan tempatan berbeza dengan piawaian perakaunan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai pelaksanaan akta ini, terutama sekali MASB perlu lebih pro-aktif dalam usaha mendidik dan menggalakkan syarikat dan perniagaan di Malaysia ini untuk menyediakan akaun atau laporan kewangan yang menggunakan piawaian atau *standards* yang dikeluarkan olehnya dan bukan sahaja menumpukan perhatian kepada usaha membuat piawaian tersebut.

Saya juga ingin melihat MASB menggunakan *grant* kerajaan sebanyak RM30 juta yang telah diperuntukkan kepadanya untuk memperkembangkan pendidikan dan penggunaan *accounting standards* ini dengan izin kepada syarikat tempatan supaya laporan kewangan dan akaun yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan ini akan lebih bermutu dan berkualiti. MASB juga harus melihat kepada keperluan membuat piawaian yang sesuai untuk syarikat kecil dan sederhana yang disasarkan oleh kerajaan untuk menjadi penjana utama kepada ekonomi Malaysia akan datang.

SME atau IKS ini memerlukan modal yang besar yang boleh diperolehi daripada pelabur asing dan berpotensi untuk berkembang ke luar negara. Oleh itu laporan kewangan yang menggunakan piawaian yang berkualiti antarabangsa akan membantu IKS ini untuk mendapatkan modal asing. Selain daripada itu pihak lembaga juga atau pihak MASB juga harus mengekalkan hubungan yang baik dengan penggubal piawaian perakaunan antarabangsa yang utama yang lain dan berkomunikasi secara berterusan dalam proses pembentukan piawaian perakaunan agar mereka maklum tentang perkembangan pembentukan piawaian perakaunan di Malaysia.

Ini diharap akan dapat mempertingkatkan lagi persepsi mereka mengenai kualiti piawaian perakaunan lembaga. Perhubungan yang berterusan ini juga akan memastikan bahawa syarikat-syarikat Malaysia akan terus menyediakan laporan kewangan yang selari dengan piawaian antarabangsa dan akan diterima pakai oleh pelabur asing. Kita juga harus ingat bahawa kerajaan sekarang ini memberi tumpuan kepada usaha-usaha menjadikan Malaysia sebagai satu *financial hub* untuk rantau Asia Tenggara ini dan juga untuk rantau negara-negara Islam di dunia.

Oleh itu penggunaan akaun yang berkualiti akan memberikan keyakinan yang lebih kepada usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan *bond market* dan juga *Islamic banking* di Malaysia ini. Saya rasa sampai di situ sahaja. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, selepas itu kementerian menjawab.

3.40 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbahas mengenai rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, akaun merupakan dokumen yang terpenting di kalangan *business*, kerana ia adalah satu kenyataan bahawa sama ada sebuah syarikat ini akan memberi keuntungan atau kerugian terhadap *shareholder*nya. Oleh itu, saya berpendapat bahawa kita mengadakan satu *accounting standard* yang diiktiraf oleh antarabangsa amatlah tepat pada masa ini, tetapi apa yang harus ditegaskan bukan standard sahaja, tetapi adalah ketelusan dan integriti akaun yang dikeluarkan oleh sesuatu syarikat.

Tujuan akta dan pindaan ini adalah untuk meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur, keyakinan orang ramai terhadap sistem ekonomi kita. Oleh itu, saya berpendapat bahawa hanya ada satu sistem perakaunan yang diiktiraf oleh antarabangsa tidak cukup untuk meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing. Yang harus kita ada adalah ketelusan, integriti dalam operasi-operasi kerajaan juga.

Saya ingin membangkitkan tentang penganugerahan kontrak-kontrak oleh kerajaan, kerana nampaknya di Sarawak hanyalah syarikat-syarikat yang bersangkut paut dengan pemimpin-pemimpin politik barulah mendapat kontrak-kontrak kerajaan. Satu contoh ialah Cahaya Mata Sarawak Berhad. Saya ada melihat dari *website*nya satu prospektus yang dipamerkan dalam *website*nya berkenaan Cahaya Mata Sarawak Berhad. Salah satu subsidiarinya CMS Road Sendirian Berhad, maklumat yang ada dalam *website*, CMS Road Sendirian Berhad *formally known as Sarawak Road Maintenance Sendirian Berhad, maintain over 4,600 kilometer of roads throughout Sarawak, under two 15 years concessions, awarded by the state and Federal governments to CMS Group.*

Tuan Yang di-Pertua, penganugerahan kontrak sebegitu besar, yang sepanjang masa 15 tahun, kontrak begitu *lucrative*, telah dianugerahkan kepada Cahaya Mata Sarawak Sendirian Berhad. Di samping itu pada tahun, *early this year*, terdapat juga satu kontrak untuk membina Dewan Undangan Negeri Sarawak yang berjumlah RM300 milion, separuhnya juga dianugerahkan kepada CMS Group.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada ada *open tender* dilakukan sebelum penganugerahan kontrak-kontrak itu kepada CMS Group. Tetapi mengikut maklumat-maklumat yang saya dapat, tidak ada langsung *open tender* sebelum kontrak-kontrak ini dianugerahkan kepada syarikat ini. Mengikut *company search* yang dibuat oleh saya, isteri Menteri Besar Sarawak memegang…….

Tuan Lim Hock Seng: Ketua Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Ketua Menteri Negeri Sarawak, isterinya, *Chief Minister* memegang RM37 *million shares*……

Tuan Lim Hock Seng: Wah!

Tuan Chong Chieng Jen:… dalam syarikat itu, CMS Berhad. Ini adalah satu *listed company,* kalau tidak percaya boleh pergi laman *web site*nya. Boleh pergi *Registry of Company*, Suruhanjaya Syarikat. Oleh itu saya ingin membangkitkan masalah ini kerana semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memegang Jabatan Perdana Menteri dia telah menjamin bahawa dia mahu, dia berhasrat mewujudkan sebuah negara yang bersih, tetapi hingga hari ini kedudukan korupsi kita, antarabangsa telah turun lagi, iaitu situasinya menjadi lebih teruk, lebih buruk.

Oleh itu, saya menyeru kepada kerajaan kalau kita hendak benar-benar berhasrat menarik pelabur-pelabur asing, kalau kita hendak meningkatkan keyakinan orang ramai, keyakinan kalangan pelabur asing, kita harus melaksanakan polisi-polisi kita dengan *transparent*, ketelusan dan integriti.

Oleh itu saya ingin menyeru kerajaan, meneliti situasi-situasi yang berlaku di Sarawak, khasnya berkenaan dengan penganugerahan kontrak-kontrak kerajaan kepada syarikat-syarikat *private* semacam ini. Janganlah kita memberi satu gambaran kepada kalangan *business* antarabangsa bahawa di Malaysia hanyalah kalau ada *connection* baru dapat menjalankan *business* yang besar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, saya akan gulung. Oleh itu, saya ingin Menteri yang berkenaan atau *Anti-Corruption Agency* dapat menyiasat berkenaan penganugerahan kontrak kepada CMS yang dilakukan beberapa tahun lalu berkenaan Sarawak *road maintenance* dan juga berkenaan dengan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Kewangan menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah buat *ruling* tadi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, silakan.

3.49 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pulai dan juga Yang Berhormat bagi Kuching yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Terima kasih di atas pandangan-pandangan yang bernas, yang telah dikeluarkan, tetapi satu perkara yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Kuching, saya ingat perkara anugerah kontrak-kontrak ini tidak termasuk di dalam perbahasan berkenaan dengan laporan kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat bagi Pulai tentang mendidik syarikat-syarikat supaya mereka lebih peka tentang persediaan laporan kewangan ini, memang Tuan Yang di-Pertua, walaupun bukan dalam skop yayasan, tetapi yayasan telah pun mengambil inisiatif untuk mengadakan pelbagai program termasuk *conference* dan juga forum dan juga perbincangan secara berkumpulan dengan syarikat-syarikat. Mereka telah mendapat kerjasama daripada IAM dalam hal ini dan juga di firma-firma audit mereka. Jadi, mereka bekerjasama dan menjalankan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan lagi pengetahuan syarikat-syarikat tentang laporan kewangan. Memang, Tuan Yang di-Pertua, hubungan antara Malaysia dengan International Accounting Standards amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan piawaian dengan syarikat-syarikat kecil dan sederhana, yang sebenarnya memang sudah ada cadangan yang telah dibuat di peringkat antarabangsa untuk mengeluarkan *standard* untuk SME dan mungkin perkara ini akan dapat diselesaikan dalam jangka masa satu tahun hingga dua tahun.

Mengenai ketelusan, Tuan Yang di-Pertua, memang sebenarnya aktiviti pertama perakaunan di Malaysia di peringkat antarabangsa adalah mengenai dengan ketelusan dan kerajaan memang berusaha untuk memantapkan lagi ketelusan dan sebab itu banyak *accounting*, banyak piawaian telah pun digubal. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah ada 33 piawaian yang telah pun digubal dan telah diluluskan dan dalam perlaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang dapat saya jawab pada petang ini. Terima kasih di atas perbahasan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr.Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Fasal 1 hingga 10 dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.54 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967", dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sewa Beli 1967 dilaksanakan semenjak 37 tahun dahulu. Memandangkan bahawa sewa beli adalah salah suatu kaedah yang paling kerap diamalkan oleh orang ramai untuk memiliki bukan sahaja kereta tetapi juga pelbagai barangan-barangan pengguna, kementerian berhasrat untuk meminda akta ini untuk mengatasi kekurangan yang terdapat dalam akta ini.

Di bawah apa yang ada sekarang, urusan sewa beli adalah berdasarkan kepada kadar tetap atau *fixed rate,* dengan izin. Kadar tetap ini dikenakan sepanjang tempoh sewa beli dan pengguna tidak ada pilihan yang lain. Memandangkan keadaan pasaran kewangan telah berkembang maju di mana terdapat pemilihan antara berbagai jenis *instruments* kewangan seperti pinjaman berdasarkan kadar boleh ubah atau *variable rates,* dengan izin, adalah wajar dan sejajar dengan perkembangan semasa di sektor kewangan untuk memberi peluang kepada pengguna menikmati pilihan ini.

Selain daripada ini adalah juga didapati bahawa amalan semasa di bawah Akta Sewa Beli 1967 hanya membenarkan pindaan-pindaan yang dibuat ke atas perjanjian asal dengan hanya menurunkan tandatangan ringkas ke atas perjanjian asal. Tiada cara lain untuk pindaan perjanjian dengan lebih jelas dan nyata. Oleh yang demikian, untuk mengatasi kekurangan-kekurangan ini, kementerian mencadangkan dua pindaan ke atas akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 11 Fasal pindaan termasuk pengenalan bahagian baru iaitu bahagian IIA yang merangkumi seksyen baru 6A 6B dan 6C serta pengenalan seksyen baru 57A. Pindaan kepada Akta ibu ini yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004 adalah untuk memasukkan peruntukan bagi:

(i) memberi *option* kepada pengguna untuk memilih kadar boleh ubah atau kadar tetap bagi caj terma di bawah perjanjian sewa beli;

(ii) membenarkan pindaan syarat-syarat perjanjian sewa beli dibuat melalui perjanjian tambahan atau *supplementary agreement* (dengan izin).

Cadangan-cadangan ini adalah untuk mengatasi kekurangan dalam Akta Sewa Beli 1967 serta membuat Akta Sewa Beli 1967 lebih mesra pelanggan atau *consumer friendly*. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Sewa Beli 1967 faedah pembiayaan sewa beli dikira berasaskan kadar tetap sebanyak 10% maksimum yang dikenakan ke atas jumlah pembiayaan permulaan bagi sepanjang tempoh sewa beli dan bukannya berasaskan baki belum jelas sebagaimana yang dikira di bawah pinjaman yang berasaskan kadar boleh ubah.

Oleh yang demikian, kadar faedah sebenar atau *effective rate,* dengan izin, yang dikenakan setahun bagi satu-satu perjanjian sewa beli ini adalah lebih tinggi kadar

faedah tetap yang diberikan. Sebagai contoh, sekiranya anda dikenakan kadar faedah tetap sebanyak 10% sepanjang tempoh lima tahun untuk pembiayaan sewa beli sebanyak RM50,000, kadar peratusan tahunan yang tanda bayar ialah 17.3%. Selain daripada itu pengguna kadar tetap yang disediakan kini adalah terlalu ketat atau *rigid* dan ia tidak akan berubah walaupun terdapat perubahan kadar faedah dalam pasaran.

Pengguna berada dalam keadaan yang tidak menguntungkan jika kaedah pasaran jatuh di bawah paras kadar tetap yang dikenakan di bawah perjanjian sewa beli mereka. Sebagai langkah alternatif, adalah dicadangkan bahawa *option* bagi sewa beli berdasarkan kadar boleh ubah diberi kepada pengguna. Tuan Yang di-Pertua, kadar boleh ubah yang akan dikenakan oleh pembeli sewa adalah tertakluk kepada satu tahap peratusan *margin* melebihi kadar belian pinjaman asas, dengan izin, *base lending rate* atau BLR. BLR akan digunakan sebagai rujukan dalam penentuan kadar boleh ubah dalam perjanjian sewa beli yang mana pengiraannya adalah berdasarkan kos dana, dengan izin, *cost of funds* dan kos pentadbiran yang dibelanjakan oleh syarikat pemberi sewa.

Kadar boleh ubah ditentukan oleh kuasa pasaran dan penerimaan penggunaannya dalam perjanjian sewa beli adalah berdasarkan kefahaman dan pengetahuan pengguna dalam urusan perbankan. Bagi melindungi pengguna, had maksimum bagi kadar boleh ubah iaitu *margin* dicampur ke atas BLR diselaraskan dengan had *effective maximum* sedia ada iaitu kira-kira 17% setahun bersamaan kadar maksimum 10% setahun berdasarkan kadar tetap sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Ini dapat menentukan bahawa pengguna adalah, dengan izin, tidak *worse off* di bawah kadar boleh ubah dan pada masa yang sama pengguna di beri pilihan antara kadar tetap atau kadar boleh ubah.

Di samping itu, adalah juga dicadangkan agar faedah atas ansuran tertunggak bagi pinjaman sewa beli di bawah *option* kadar boleh ubah dihadkan kepada kadar 2% setahun di atas kadar faedah pinjaman yang dikenakan. Ini adalah untuk menentukan bahawa bayaran dibuat seperti yang dijadualkan dan bayaran tertunggak tidak digalakkan pengguna berdisiplin dan pembayaran dan institusi-institusi kewangan tidak menghadapi *bad loans,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, opsyen kadar boleh ubah memberi kebaikan kepada pengguna, iaitu ianya memberi kelonggaran kepada pengguna untuk menukar jumlah atau bilangan ansuran bulanan apabila BLR diubah oleh syarikat pemberi sewa. Ianya juga memberi lebih kelonggaran dan membawa keberkesanan dalam *loan pricing*, dengan izin, oleh syarikat pemberi sewa sebab syarikat-syarikat tersebut akan bersaing untuk mendapat pelanggan. Kepentingan pengguna dijamin dengan adanya had *maximum charge*, dengan izin, *debt*, dengan izin, ke atas kaedah kadar faedah kira-kira 17% setahun di bawah kedua-dua *regime* pada tahap yang boleh ubah.

Dan juga untuk menyelesaikan lebih awal, untuk penyelesaian awal jumlah amaun penyelesaian adalah sama dengan baki sebelum jelas sebenar disebabkan pembayaran balik kadar faedah, dengan izin, *interest repayment* dikira berdasarkan, dengan izin, *reducing balance method*. Selaras dengan tujuan ini, maka pindaan dibuat pada Akta Ibu untuk menambahkan peruntukan baru yang menyediakan opsyen untuk pengguna mendapat sewa beli pada kadar boleh ubah.

Bahagian baru dan subseksyen baru ialah Bahagian 2A, Seksyen 6A, 6B dan 6C. Peruntukan-peruntukan baru ini adalah seperti berikut:

(i) Seksyen 6A – opsyen kepada pengguna. Syarikat pemberi sewa perlu memberi opsyen kepada pengguna sama ada ianya akan hendak mendapat pembiayaan berdasarkan kadar tetap atau boleh ubah;

(ii) Seksyen 6B – hak syarikat pemberi sewa mengubah BLR. Apabila BLR berubah, syarikat pemberi sewa mempunyai hak untuk mengkaji semula kadar serta jumlah ansuran. Walau bagaimanapun, syarikat tersebut mesti memberi notis kepada pengguna mengenai perkara-perkara berikut yang dikaji semula iaitu BLR caj terma, jumlah caj terma dan jumlah ansuran atau bilangan ansuran;

(iii) Seksyen 6C pula – hak pengguna apabila BLR dikaji semula. Apabila BLR dikaji semula, pengguna mempunyai pilihan sama ada ianya hendak mengekalkan bilangan ansuran sedia ada

dan mengubah jumlah bayaran ansuran atau mengekalkan jumlah bayaran ansuran dan mengubah bilangan ansuran sedia ada.

Seksyen-seksyen ini memastikan supaya segala tatacara yang perlu dilakukan oleh syarikat pemberi sewa apabila BLR dikaji semula, dibuat secara bertulis dan perlu dimaklumkan kepada pengguna. Pengguna pula diberi peluang untuk memilih sama ada untuk mengekalkan jumlah ansuran bulanan ataupun mengekalkan tempoh bayaran balik sewa beli.

Seksyen 6C memberi perlindungan kepada pengguna apabila BLR berubah. Jika pengguna ingin mengekalkan atau mengubah jumlah dan bilangan ansuran, ianya mempunyai hak sepenuhnya untuk berbuat demikian. Selain daripada itu seksyen ini membenarkan pengguna membuat keputusan mengenai kebolehan pembayar balik ansuran berdasarkan kemampuan kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kedua Akta Ibu adalah membenarkan pindaan syarat-syarat perjanjian melalui perjanjian tambahan. Fasal 10 pindaan Seksyen 39, keadaan di mana perjanjian tambahan boleh dibuat ialah :

(i) jika terdapat perubahan kadar boleh ubah. Pengguna boleh memilih sama ada untuk mengubah jumlah ansuran atau tempoh pembayaran balik;

(ii) untuk penjadualan semula di mana jumlah ansuran diubah atau tempoh pembayaran balik diubah untuk mengatasi masalah kewangan.

Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak mesti bersetuju untuk membuat apa-apa pindaan. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk melindungi pengguna dan memberi kuasa kepada pengguna untuk membuat keputusan berdasarkan kemampuan kewangan mereka. Selain daripada itu, apabila pengguna memilih sama ada untuk mengubah jumlah atau tempoh pembayaran balik apabila BLR berubah, syarikat pemberi sewa mesti bersetuju dan syarat-syarat perjanjian asal perlu diubah. Dalam keadaan sedemikian, syarikat pemberi sewa tidak boleh menolak permintaan pengguna untuk mengubah syarat-syarat perjanjian ini.

Untuk maksud ini, Fasal 10 rang undang-undang mencadangkan pindaan kepada Seksyen 39 untuk membenarkan perjanjian tambahan dibuat bagi sebarang perubahan atau penambahan di dalam perjanjian sewa beli asal yang dibuat. Penambahan sebelum itu, Akta Ibu hanya membenarkan perjanjian sewa beli diubah dengan menandatangani atau menandatangani ringkas perjanjian bertentangan dengan perubahan ini. Pindaan ini bertujuan menjadikan suatu pindaan perjanjian lebih jelas dan telus. Pindaan-pindaan lain yang tidak dijelaskan tetapi yang telah pun dipinda merupakan pindaan yang berbangkit atau kecil dan, dengan izin, *consequential*.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ke atas Akta Sewa Beli 1967 yang telah berkuat kuasa selama 37 tahun ini akan memberi manfaat kepada pengguna dan ianya akan :

(i) memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih antara kadar boleh ubah atau tetap;

(ii) memberi peluang untuk menikmati bayaran balik mengikut *reducing balance method,* dengan izin;

(iii) mengambil berat tentang kemampuan pengguna untuk membayar, dan

(iv) menentukan notis diberi kepada pengguna apabila terdapat perubahan dalam kadar boleh ubah.

Pada masa yang sama, pindaan ini bukan sahaja membawa akta ini ke satu tahap yang selaras dengan perkembangan di sektor kewangan melalui penyediaan kadar boleh ubah, tetapi juga menggalakkan persaingan di kalangan syarikat pemberi sewa. Ia akan memanfaatkan pengguna yang akan mendapat keuntungan (*benefit*), dengan izin, daripada persaingan antara syarikat-syarikat pemberi sewa yang akan bersaing untuk memberi kadar boleh ubah yang kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah membincangkan cadangan pindaan-pindaan ini dengan Bank Negara, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan, Persatuan Syarikat-syarikat Sewa Beli Malaysia, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Persatuan Pengguna Islam Malaysia.

Walaupun pindaan-pindaan ini bertujuan menjadikan Akta Sewa Beli 1967 lebih mesra pengguna, namun pengguna sendiri harus peka kepada haknya dan pada masa yang sama mengamalkan prinsip kewangan yang berdisiplin apabila membuat mana-mana perjanjian kewangan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Bank Negara Malaysia bersedia untuk menyelesaikan masalah yang tulen, yang berkaitan dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

4.08 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004 bagi mengemas kini Akta Sewa Beli 1967. Walaupun cadangan pindaan untuk memberi opsyen kepada pemilik, menyewa terhadap urusan sewa beli dari kadar tetap kepada kadar boleh ubah, tetapi saya tidak pasti apakah cadangan pindaan ini I akan benar-benar memberi manfaat kepada para penyewa barangan sewa beli.

Apa yang saya bangkitkan di sini ialah pertamanya, apakah pinjaman akan diminta kebenaran bila penyewa dikehendaki membuat opsyen mengubah kadar tetap atau kadar boleh ubah ke atas skim penjadualan semula perjanjian sewa beli sesuatu barangan, kerana jika kebenaran tidak didapatkan terlebih dahulu, ini merupakan langkah tidak adil kepada para penjamin.

Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya, banyak perjanjian sewa beli antara penyewa dan pemilik adalah bergantung kepada seseorang penjamin sebab banyak perjanjian sewa beli (*hire-purchase agreement*) antara penyewa dan pembeli adalah sekurang-kurangnya 10 peratus hingga 20 peratus daripada penjamin. Jika ini tidak diberi tahu terlebih dahulu, ia akan menjadi tidak adil kepada penjamin. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan bagaimana peranan yang dimainkan oleh penjamin bagi memastikan bayaran akan diterima balik oleh institusi kewangan.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan bagaimana peranan yang dimainkan oleh penjamin untuk memastikan bayaran akan berbalik kepada institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya ialah jika penyewa berhajat untuk melunaskan baki terhutang sekali gus, apakah opsyen ini akan memberi faedah kepada penyewa kerana selama ini mereka perlu melunaskan hutang yang tercatat dalam perjanjian tanpa ada semakan semula ataupun amaun ini dikurangkan selaras dengan baki perlu dibayar oleh penyewa.

Dalam erti kata lain, para penyewa terpaksa menanggung kos asal bayaran seperti yang dijanjikan. Jika mereka dikenakan caj *flat rate* seperti 2.45% setahun bagi tempoh perjanjian, maka selama ini ia akan dikenakan caj tersebut. Ini dianggap tidak adil kepada penyewa. Saya berharap cadangan menyemak semula perjanjian janganlah sampai membebankan penyewa dengan masih dikenakan kadar yang lebih tinggi daripada kadar asal.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya saya melihat kadar konvensional sewa beli lebih rendah daripada kadar sistem Islam yang dikenalkan oleh sesetengah sistem

kewangan yang memakai sistem perbankan tanpa faedah. Bagi kenderaan yang belum didaftar, pakej perjanjian sewa beli yang ditetapkan oleh institusi kewangan ialah 2.75% setahun bagi tempoh tujuh tahun, 2.8% *per annum* bagi lima tahun dan 3.2% *per annum* bagi dua tahun.

Manakala kenderaan terpakai, institusi kewangan mengenakan caj yang lebih tinggi iaitu 4.1% hingga 4.3% bagi tempoh lima tahun hingga tujuh tahun. Inilah caj yang lebih kurang 8% *per annum*. Akan tetapi apabila kita menyemak Skim Sewa Beli Islam dengan Bank Rakyat didapati kadar lebih tinggi berdasarkan kepada jenis kenderaan dan tempoh. Misalnya, kereta Honda, kadar bukan ahli bank ialah 3.6% untuk tujuh tahun, 3.7% untuk lapan hingga sepuluh tahun. Manakala kenderaan kedua ialah 4.15% untuk empat tahun hingga sepuluh tahun. Proton, kadarnya ialah 3.75% untuk tiga tahun hingga sepuluh tahun.

Perkara yang sama berlaku ke atas jenis kenderaan yang lain. Saya tidak bermaksud hendak melagakan antara dua sistem siapa yang lebih baik tetapi bila opsyen diberikan, adakah ia bertambah baik untuk menyewa atau semakin membebankan. Satu lagi, adakah opsyen itu hanya diberikan kepada permulaan perjanjian ditandatangani atau semasa perjanjian sedang berjalan sekarang. Adakah mereka yang sedang dalam perjanjian sekarang masih boleh menikmati kemudahan opsyen ini?

Salah satu masalah utama dalam urusan jual beli ini ialah kegagalan penyewa membayar ansuran seperti yang dipersetujui bagi tunggakan dua bulan, institusi kewangan akan mengeluarkan notis pemilik semula dengan memberi tempoh 21 hari, kenderaan akan ditarik balik bila tunggakan menjadi tiga bulan. Selain penyewa akan dimalukan dan diganggu, kenderaan dirampas yang mana jika ingin menebus semua kenderaan mereka. Upah tarik perlu dibayar bersama-sama amaun tertunggak.

Jika penyewa berkemampuan, mereka akan berusaha untuk mendapatkan balik kenderaan mereka dan tidak kurang hebatnya aduan-aduan mengenai kisah kumpulan penarik kenderaan bersikap kasar dengan menarik kenderaan sama ada sedang berada atas jalan raya atau di mana-mana tempat sahaja. Tidak kurang juga berlaku masalah penyewa kenderaan yang jatuh muflis kerana kenderaan yang dirampas telah jatuh harga atau kurang nilai sewaktu dilelong dan baki harga tidak dapat ditanggung oleh penyewa menyebabkan mereka terpaksa dimufliskan oleh pemilik.

Itulah sebabnya dari awal ucapan saya ada menyebut apakah para penyewa akan benar-benar menerima faedah dari cadangan pindaan ini atau mereka dipaksa dengan beban hutang baru yang berat. Cadangan pindaan ini mestilah mencerminkan mesra pengguna bukan milik atau institusi kewangan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Dungun.

4.16 ptg.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakaman tahniah ke atas Tuan Yang di-Pertua kerana dipilih menang tadi sebagai Ahli Jawatankuasa CPA, tahniah, termasuk Yang Berhormat Menteri, undi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ringkasnya ingin mengambil bahagian dan hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian yang menamakan Akta Sewa Beli (Pindaan) 2004 ini untuk sama-sama kita *participate*. Saya rasa untuk menegaskan lagi sokongan saya kepada pindaan ini adalah untuk memberi kebaikan secara keseluruhannya kerana di negara kita pada hari ini penggunaan kereta motor adalah merupakan bukan perkara yang menjadi satu perkara yang istimewa lagi tetapi ia sudah menjadi perkara biasa yang telah menjadi sebahagian daripada tuntutan kehidupan masyarakat kita dalam sebuah negara yang hendak menuju kepada satu negara maju di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti rakan yang terdahulu tadi ialah berkenaan dengan peraturan yang sedia ada. Saya minta kementerian supaya berunding dengan Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan kerana kita adalah sebuah negara yang

bertamadun sudah pastinya kaedah merampas kereta apabila diarah tarik oleh institusi kewangan mesti dihentikan. Itu adalah perbuatan yang tidak bertamadun dalam sebuah negara yang hendak mengamalkan pendekatan Islam Hadhari kerana sesiapapun yang tidak membayar hutang di negara kita ini sepatutnya diambil tindakan undang-undang sahaja.

Kalau merampas di tengah jalan, kita dapat tahu dan rampas di kawasan rumah, kemudian rampas di mana-mana, ini adalah satu peraturan dan kaedah penyelesaian yang tidak bertamadun namanya. Saya mintalah kementerian berunding dengan mungkin di bawah kaedah di dalam pendekatan Bank Negara dan Kementerian Kewangan supaya tidak ada lagi penyewa-penyewa yang berhutang dengan institusi kewangan, apabila tidak bayar sampai tempoh jadual untuk ditarik, maka ada kaedah secara kasar ditarik tetapi hanya menggunakan undang-undang semata-mata.

Sebab itu kita nampak ada di antara peminjam-peminjam apabila mereka tidak dapat membayar ansuran bulanan sehingga empat atau lima bulan, dia sorok kereta ini. Ini terlibat bukan sahaja kepada kakitangan awam tetapi juga kepada rakyat di mana-mana pun di dalam negara kita. Jadi perkara-perkara seperti ini harus kita perbaharukan pendekatan kita dalam tindakan undang-undang kerana institusi kewangan harus patuh kepada aturan dan peraturan yang sepatutnya tidak menggunakan kumpulan ketiga untuk menarik kereta ini untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peminjam oleh institusi kewangan berkenaan.

Saya memohon sungguh-sungguh kepada kerajaan khususnya, kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian supaya dapat berunding dengan kementerian-kementerian yang berkaitan supaya bermula tahun hadapan satu pengisytiharan boleh dibuat bahawa sesiapa yang tidak membayar pinjaman kereta motor ini supaya tidak ada kaedah tarik secara rampas atau paksa dan ini akan menjadikan kedudukan peminjam-peminjam kita apabila bermasalah – ditahan di tengah jalan, terpaksa turun, diambil di rumah dengan keadaan mungkin suami tidak ada di rumah kerana kadang-kadang *overlook* dan ini biasanya berlaku kepada mereka yang memang liat hendak bayar, memang kita tahu dia sudah sorok kereta. Tetapi kepada peminjam yang mempunyai masalah kewangan, maka sebab itulah program ataupun cadangan akta ini untuk membuat satu proses penjadualan semula, saya rasa ini akan mengikut lunas-lunas undang-undang yang patut kita sokong dan kita rakamkan tahniah supaya program ataupun cadangan penjadualan semula ini harus diberi peluang kepada peminjam dan juga institusi kewangan.

Tetapi lazimnya apabila ada peminjam tidak dapat membayar biasanya dari segi kaedah perbincangan, peminjam biasanya diarah dalam keadaan terizin paksa, paksa dalam izin ataupun izin dalam paksa. Perkara ini harus diperbetulkan dalam pelaksanaan akta ini dan kita berharap supaya kaedah *in-house arbitrator,* bukan kita hendak *arbitrator* di luar tetapi *arbitrator* di peringkat perundingan di kementerian ini sendiri dan juga mungkin ada di sektor-sektor lain supaya ada *in-house arbitrator* supaya dapat menilai masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam ini supaya institusi kewangan tidak lagi dalam keadaan hendak minta hutang tetapi akhirnya peminjam juga akan dibebani dengan masalah kedua dan perkara ini tidak akan diselesaikan. Sekurang-kurangnya apabila ada *in-house arbitrator* di peringkat kementerian ataupun jabatan ia boleh dirundingkan di peringkat kementerian sebagai orang tengah, sekurang-kurangnya kalau tidak hendak dibuat penjadualan semula tetapi apakah kaedah untuk menyelesaikan perkara ini supaya masalah peminjam pun tidak akan terheret seperti sahabat kita kata tadi sehingga menemui jalan buntu dan harus dimufliskan dan sebagainya.

Kadang-kadang kaedah muflis ini juga harus dilihat kerana kemurnian kerajaan mengadakan akta muflis ini adalah untuk memberi suatu tindakan yang baik supaya seseorang itu boleh dihentikan masalah mereka apabila mereka muflis dan mereka boleh membuat cadangan kehidupan kedua. Bila dia berhadapan dengan masalah hutang, tetapi oleh kerana negara kita apabila melihat perkara muflis ini, ia seolah-olah bahawa inilah tamatnya suatu kehidupan dari segi moralnya, dari segi maruahnya, dari segi masyarakat di sekitar dan sebagainya. Sedangkan undang-undang muflis ini diadakan oleh kerajaan adalah untuk memberi peluang kepada mana-mana yang berhutang yang tidak dapat dijelaskan supaya melalui proses-proses tertentu dan akhirnya mereka ini akan dapat diselamatkan dan yang tukang beri pinjam pun dapat kutipan yang sesuai dan peminjam juga akan dapat menghadapi kehidupan yang baik.

Kita hendaklah melalui pindaan Akta Sewa Beli pada hari ini akan benar-benar diterjemahkan oleh kementerian dan jabatan yang berkaitan supaya program penjadualan semula ini memberi keadilan kepada kedua-dua pihak sama ada pembeli atau institusi kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Baru *start* ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tak apalah, saya ini selalu patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua. *Akhirul kalam* Tuan Yang di-Pertua, saya minta yang terakhir iaitu apakah tidak boleh walaupun menggunakan pendekatan lain seperti pinjaman perumahan umpamanya.

Hari ini kita mungkin dapat melihat bagaimana pinjaman kereta motor ini apabila peminjam terdiri daripada suami apabila dia meninggal dunia umpamanya, dia tidak ada kaedah. Institusi Kewangan akan membenarkan peminjam pindah milik kepada pewaris sama ada anak atau isteri tetapi apakah suasana anak ataupun itu isteri itu dapat menyambung bayaran pinjaman berkenaan.

Sebab itu saya minta kerajaan melalui kementerian ini berunding dengan Kementerian Kewangan dan beberapa kementerian lain supaya kaedah pinjaman sewa beli ini juga harus dibuat bagaimanakah kaedah kita insuranskan peminjam dalam jual beli rumah umpamanya. Kalau jual beli rumah pinjaman kerajaan, pinjaman kereta motor ataupun pinjaman institusi kewangan dia ada kaedah *life mortgage*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Bagaimanakah hendak diinsuranskan perkara ini supaya apabila peminjam meninggal dunia dan sebagainya, insurans pun dapat balik wang daripada insurans dan isteri ataupun anak mereka akan dapat secara percuma kereta itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kalau ini dapat dirundingkan, saya rasa ia suatu proses keadilan yang amat baik untuk negara dan untuk rakyat kita keseluruhannya. Terima kasih, saya turut menyokong.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya cuma bagi dua sahaja. Saya bagi Hulu Langat, selepas itu Bukit Mertajam, selepas itu kementerian menjawab.

4.24 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk terlibat dalam membahaskan pindaan di bawah Akta Sewa Beli 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sewa Beli seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah pun terpakai di negara kita sejak tahun 1967, lebih kurang 37 tahun yang lalu. Saya ingin menyentuh tentang perkara yang pertama berkenaan apakah pihak kementerian sudah menilai kesan pindaan ini terhadap perjanjian asal, perjanjian yang telah ditandatangani sebelum pindaan. Pertama sekali berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan penjamin dan kesan kepada insurans yang diinsuranskan terutama sekali bagi kenderaan-kenderaan bermotor.

Perkara yang kedua yang saya ingin membangkitkan ialah tentang adakah pihak kementerian tidak mengambil kira pindaan berkenaan dengan kawalan terhadap kaedah rampasan semula atau dalam bahasa Inggeris *repossession* yang selalunya menimbulkan banyak masalah.

Apabila berlaku rampasan semula yang dibuat oleh syarikat-syarikat kewangan biasanya akan terjadi pergaduhan, salah menyalah di antara kedua-dua belah pihak dan biasanya syarikat-syarikat kewangan ini mengambil kumpulan-kumpulan samseng bagi tujuan mendapat balik barang yang disewa beli tersebut.

Satu perkara lagi yang selalunya timbul akibat daripada *repossession* ini ialah jualan semula selepas rampasan. Biasanya jualan semula selepas rampasan ini dilakukan secara tidak terkawal. Saya mencadangkan supaya pelelong awam berdaftar dilantik untuk mengelakkan salah sangka yang timbul akibat daripada lelongan yang tidak terkawal. Banyak contoh-contoh yang telah diambil kerana kebanyakan penyewa tidak berpuas hati dengan pulangan yang diperolehi selepas lelongan dan nilai lelongan itu jauh lebih rendah daripada harga pasaran yang sepatutnya diperolehi daripada lelongan tersebut.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh berkenaan dengan akta ini ialah berkenaan *standard document*, dokumen-dokumen standard, dokumen-dokumen tetap yang dicetak oleh syarikat-syarikat kewangan adalah dalam *font* yang terlalu kecil yang susah untuk dibaca oleh para pengguna dan akibatnya beberapa *klausa* dalam perjanjian standard itu tidak dapat difahami dengan betul terutama sekali kepada rakan-rakan kita yang sudah mencapai umur agak lewat, sudah agak petang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikutnya yang sangat penting pada pendapat saya ialah berkenaan dengan peruntukan Jadual Pertama yang mengehadkan pemakaian akta ini kepada barang-barang yang dijadualkan dalam Jadual Pertama. Sejak akta ini dilaksanakan sudah pun 37 tahun kita hanya mengehadkan pemakaian akta ini kepada barang-barang tertentu.

Barang-barang yang tidak disenaraikan di dalam Jadual ini, perjanjian-perjanjian terpaksa dibuat secara pajakan atau *leasing* dan perlindungan yang diberi oleh akta ini kepada pengguna tidak dapat dimanfaatkan dalam bentuk perjanjian *leasing* dan sebagainya. Saya berharap bahawa pihak kementerian meneliti bukan sahaja meluaskan senarai tetapi membatalkan senarai, semua barang boleh dimasukkan di bawah perjanjian sewa beli.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir ialah saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan kaedah yang dijelaskan di bawah pindaan ini, satu ialah di bawah kadar yang boleh diubah dan satu lagi adalah di bawah kadar yang tetap. Soalan saya, apabila berlaku kadar boleh ubah ini jauh menurun daripada kadar tetap yang telah ditandatangani di dalam perjanjian, adakah pihak kementerian ingin mencadangkan supaya walaupun pihak penyewa tidak membuat sebarang pilihan, pihak syarikat masih diwajibkan untuk memberi diskaun ataupun potongan kepada bayaran yang kena dibayar oleh penyewa dalam perjanjian sewa beli dan kalau ini berlaku, adakah ianya terdapat di mana-mana dalam peruntukan atau pindaan ini? Ini akan memberi peluang yang lebih baik kepada pembeli yang tidak memahami hak dan kuasa mereka di bawah pindaan yang terbaru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan selepas itu kementerian menjawab.

4.32 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersependapat dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, bahawa pindaan ini ataupun memberi *option variable rate* ini bukan semestinya menguntungkan kepada para pengguna ataupun penyewa. Sebab pertama ialah opsyen ini telah memindahkan risiko naik turun berhubung dengan faedah daripada syarikat kewangan kepada penyewa. Pada masa dahulu syarikat kewanganlah yang akan berhadapan dengan risiko kalau ada kenaikan faedah *(interest),* tetapi sekarang ini ialah penyewa.

Kalaulah berlaku semula krisis ekonomi yang pernah berlaku pada *the end of 90's, interest* telah naik kepada 15%, kalau itu berlaku penyewa semua akan dibebankan dengan faedah yang banyak. Walaupun dengan pindaan ini, ia dikatakan bahawa penyewa akan diberi pilihan sama ada ia memilih kadar yang tetap ataupun kadar yang berubah, tetapi pada realitinya kerana ia akan memberi untung kepada

syarikat kewangan, jadi syarikat kewangan akan berusaha sedaya upaya untuk meyakinkan penyewa untuk memilih opsyen bagi kadar yang berubah kerana dengan cara ini syarikat tidak perlu memikul risikonya.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Oleh yang demikian, saya rasa pindaan ini tidak menjaga kepentingan penyewa. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan cara untuk mengira faedah pada masa sekarang iaitu *flat rate* kerana cara sekarang adalah tidak adil kepada penyewa. Mengikut cara untuk mengira faedah mengikut Jadual 6 di dalam *Hire-Purchase* A, mengikut contohnya kalau ada seorang penyewa dia meminjam RM30 ribu untuk tiga tahun dengan kadar 4.25%, ini maknanya jumlah faedah yang dicaj kepada pinjaman ini ialah 4.25 x 30,000 x 3 tahun dan jumlah faedah ialah RM3,825. Kalau penyewa membayar faedah ini pada akhir tiga tahun, maka adalah adil kepada penyewa ini, tetapi pada waktu sekarang penyewa bukan membayar pada akhir tempoh pinjaman, dia membayar tiap-tiap bulan, tetapi faedah yang dikenakan kepada dia, *flat rate*nya ialah amaun yang dia pinjam. Ia bukan seperti pinjaman rumah. Ia hanya kenakan faedah kepada amaun yang masih hutang setelah ditolak apa yang telah dibayar balik. Jadi pada waktu sekarang dengan pemindaan ini ia tidak memberi faedah kepada pengguna atau penyewa *[consumer]*.

Yang kedua, *rebate for early repayment* – dengan cara sekarang pun tidak menguntungkan penyewa. Kalau dia hendak menjelaskan semua hutang lebih awal daripada tempoh pinjaman itu, dia masih membayar faedah yang melebihi ataupun lebih banyak. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk meminda cara mengira faedah seperti pinjaman perumahan, iaitu setiap bulan ia berubah kerana kita sudah membayar sebahagiannya dan faedah hanya kena kepada amaun yang masih berhutang iaitu dinamakan *monthly reducing rate.*

Jadi saya memohon supaya kementerian akan membuat pindaan kepada rang undang-undang ini kerana ia tidak memberi faedah kepada penyewa ataupun *consumer.* Saya hairan kerana tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa dia telah mendapat pendapat daripada persatuan pengguna (*consumer),* tetapi setahu saya tidak ada persatuan pengguna yang boleh bersetuju dengan pindaan ini. Yang mereka hendak ialah *monthly reducing rate,* iaitu seperti pinjaman perumahan supaya peminjam (*consumer)* tidak membayar faedah yang berlebihan kerana pada *flat rate* kalau mengikut contoh yang saya berikan tadi, dia katakan faedah ialah 4.25%, tetapi setelah semua bayaran *principal* dan faedahnya, *actually* faedahnya ialah 7.9% *per annum* dan bukan 4.25%, tetapi institusi kewangan ini, mereka masih boleh mengiklankan faedahnya 4.25%. Ini adalah tidak adil dan tidak betul.

Oleh yang demikian saya memohon supaya kementerian akan memandang berat tentang cadangan saya ini yang mewakili ramai pengguna di luar Dewan ini, supaya apa-apa pindaan dalam Dewan ini akan menguntungkan kepada orang-orang biasa atau pengguna dan bukan syarikat-syarikat kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.40 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat untuk membahaskan pindaan kepada Akta Sewa Beli 1967 ini kepada 2004 dan saya dapati banyak perkara yang mereka sentuh adalah merupakan perkara yang baik dan ada juga cadangan-cadangan yang bernas.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menyatakan beberapa pendekatan iaitu mengenai dengan penjamin dan juga cadangan-cadangan yang memberi manfaat kepada pihak penjamin ini. Sebenarnya kita memberi panduan kepada pihak penjamin agar penjamin maklum tentang apa sebenarnya peranan yang mereka harus mainkan, iaitu pertama mengenai dengan penjamin akan dimaklumkan menerusi berbagai kaedah iaitu mereka juga harus menerima salinan perjanjian itu dan di samping itu juga mereka akan menerima makluman tentang *progress of payment,* dengan izin. Mereka perlu mengetahui tentang perkara ini kerana ini amat penting. Sekiranya pihak penjamin tidak tahu *progress of payment,* jika kemungkinan sudah terbengkalai maka

akhirnya mereka juga akan mendapat bebanan. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah memastikan penjamin juga harus tahu siapa sebenarnya si peminjam ini. Adakah peminjam ini mempunyai keupayaan dari segi kewangan untuk membayar pinjaman yang mereka akan menjadi penjamin. Kalau mereka sudah tahu bahawa ada kebolehan dan ada keupayaan dari segi kewangan, ada kebolehan dari segi pengetahuan - *"Ignorance of the law is no excuse"* - maka dengan itu mereka akan terlindung dari segi perundangan yang sedia ada. Seperti yang saya nyatakan tadi sebenarnya…..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan kerana ada satu kes di dalam kawasan saya sendiri. Seorang guru bankrap kerana dia tidak tahu yang nama dan kad pengenalannya telah digunakan untuk membuat pinjaman *hire-purchase* lori. Akhirnya kerana mereka ini tidak tahu dan mahkamah telah mengambil tindakan, syarikat kewangan mengambil tindakan dan akhirnya kawan ini telah dibankrapkan. Jadi bolehkah saya mencadangkan, sebab saya tidak ada peluang berucap tadi, supaya penjamin dan peminjam itu kena hadir bersama di depan syarikat itu. Sekarang ini dia hanya fotostat kad pengenalan, kemudian dia bagi isi borang, borang pun tidak perlu berisi, Tuan Speaker. *Sign* sahaja dan akhirnya orang yang sebenarnya tidak meminjam akan menjadi mangsa, bankrap pergi ke *court*. Memang makan masa. Tetapi bolehkah di pihak kementerian supaya mengawas dari segi pemberian kemudahan pinjaman *hire-purchase?* Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat dari Jerai bangkitkan ini ialah tentang dia tidak dimaklumkan bahawa dia menjadi penjamin. Sebenarnya kalau dilihat daripada prosedur ini, cukup jelas *it is a criminal bank,* di mana beliau boleh mengambil tindakan undang-undang terhadappihak-pihak tertentu. Selepas itu dia boleh merayu kepada pihak pemegang harta untuk melepaskan diri dia daripada disenaraikan sebagai orang yang bankrap kerana ini adalah salah satu tindakan yang sepatutnya tidak berlaku kepada mana-mana pihak pun. Memang sebenarnya kita tidak galakkan.

Dengan itu prosedur yang sedia ada bila kita berbincang dengan pihak kewangan dan institusi kewangan, kita menekankan bahawa bila menandatangani perjanjian ini, bukan hanya kita tekankan betapa perlunya penjamin itu maklum, saksi juga mesti ada, kebiasaannya. Amalan.yang kita telah berbincang dengan pihak Bank Negara, dengan izin, *make sure or ensure that the guarantor and the witness must also be present in the near future to ensure,* supaya membolehkan pihak-pihak yang terlibat dengan perjanjian ini akan terlindung. Itu yang kita tekankan kepada pihak-pihak ini.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tentang *hire-purchase agreement, regarding the guarantor,* dengan izin, sebab *guarantor* ini jika ia tidak bersetuju apa yang diubah di dalam perjanjian antara penyewa dan pemilik, dia boleh cabar di mahkamah sebab dia belum tahu apa perubahan yang dibuat oleh penyewa dan pemilik. Ini saya rasa boleh dicabar di mahkamah sebab ini satu *loophole* yang harus dipandang berat oleh kementerian sebab *guarantor* ini atau penjamin ini boleh dicabar sebab perjanjian sewa beli ini diubah mahupun faedahataupun Jadual Pembayaran yang ditandatangani oleh penyewa dan pemilik. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Itu yang saya tekankan, Yang Berhormat daripada Bukit Bintang. Penjamin harus mempunyai salinan *hire-purchase agreement* untuk membolehkan ia tahu tentang perubahan-perubahan yang sedia ada. Di samping itu juga penjamin mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak peminjam sekiranya pihak peminjam ini melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan kedudukan dia dari segi landasan undang-undang. Itu kita *provide* dalam panduan yang sedia ada yang dikendalikan oleh pihak Bank Negara sebenarnya. Mereka mempunyai hak-hak tertentu untuk mendapat keadilan dari segi undang-undang.

Mengenai perkara yang dibangkitkan tadi iaitu Akta Sewa Beli ini, sebenar kita buat seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Dungun bangkitkan. Banyak manfaatnya sebenarnya bila kita melihat bahawa pindaan kepada Akta ini perlu dilakukan. Dahulu tidak ada pilihan langsung yang kita berikan kepada pihak peminjam atau *consumer,* dengan izin. Pada hari ini kita bagi pilihan sama ada dia hendak pilih tetap ataupun yang berubah. Kalau dia memihak kepada tetap kemungkinan akan menguntungkan khususnya dalam keadaan kadar yang begitu menurun maka dia boleh mengambil

langkah-langkah ini. Kalau sekiranya dalam keadaan yang tidak sesuai, dia maklum, maka dia boleh memilih opsyen yang lain. Dengan itu perubahan Akta ini sebenarnya memberi manfaat, bukan seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi. Bukit Mertajam, *I don't think,* dengan izin, *you have read the detailed amendments of the Act. There are benefits,* dengan izin, *to the consumers.* Kita telah berbincang dengan pihak pengguna, FOMCA, dengan CAP, pengguna Pulau Pinang.

Sebenarnya mereka melihat bahawa mereka mempunyai pilihan untuk mengurangkan bebanan mereka, contohnya dalam keadaan kadar yang begitu tinggi bila ada perubahan daripada institusi-institusi kewangan. Mereka mempunyai pilihan sama ada jangka masa dipendekkan ataupun dipanjangkan ataupun jumlah bayaran bulanan dikecilkan ataupun diperbesarkan dalam jangka masa yang tertentu. *This is the option,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, secara teori memang dipandang bahawa pengguna mempunyai pilihan, tetapi secara realiti siapa yang lebih fasih dalam Akta ini. Adakah institusi kewangan atau penyewa? Kalau semua penyewa seperti Menteri, saya rasa penyewa mempunyai kuasa untuk memilih. Tetapi kalau penyewa yang kurang berpengetahuan, adakah dia benar-benar mempunyai pilihan? Dalam krisis ekonomi yang berlaku dalam tahun 90-an, *end of the nineteen-nineties,* di mana kadar faedah telah naik mendadak sehingga 15%, apakah pilihan yang ada? Sama ada awak pilih memanjangkan *installments* ataupun menambahkan amaun *installments* itu, awak masih membayar faedah yang lebih banyak. Apakah pilihan yang ada? Tidak ada pilihan dalam realiti kalau faedah meningkat. Tidak ada pilihan, dia masih membayar faedah yang melebihi apa yang dia tandatangani pada hari itu. Jadi, saya rasalah dan saya pun berbincang dengan mereka yang dalam persatuan-persatuan pengguna dan saya sendiri pernah bekerja dalam persatuan pengguna, jadi saya faham apa kehendak mereka. Ini bukan kehendak mereka, mereka tidak mahu. Mungkin adalah baik jika kita bersama-sama berjumpa dengan mereka yang dalam persatuan-persatuan pengguna ini supaya kita boleh mendapat penjelasan sama ada adakah ini yang mereka hendak. Sudikah?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Bukit Mertajam ini, itu yang saya katakan tadi. Bukit Mertajam ini mungkin dia tidak baca pindaan akta ini di peringkat lebih awal. Seperti yang kita nyatakan, kalau dalam keadaan krisis mata wang dahulu, 1997, di mana kaedah yang sedia ada adalah *fixs a rate*, kita letakkan, memang saya bahawa kita akui dalam senario itu pengguna tidak ada pilihan, mereka dalam keadaan yang dibebankan dengan kadar meningkat 15%, 19%. Tetapi dalam keadaan pindaan ini yang saya nyatakan ada pilihan dia, pilihan dia ialah di mana pengguna bila dia meminjam dalam keadaan yang berubah tadi *variable rates, deducing principle* itu ada, konsep di mana dia meminjam contohnya dalam RM50,000, dia pinjam duit daripada bank, kalau *on fixed rate regime,* dengan izin, dia tidak akan *reduce* bulan yang keempatkah, bulan yang ke tujuhkah, tahun yang ke tigakah, *principle will remain fixed 50,000*, tetapi *on variable* yang ada ini *principle* akan menurun, pengiraan pembayaran dalam jangka masa contohnya enam bulan, tujuh bulan yang akan datang, tiga tahun yang akan datang, kita akan membuat pengiraan. RM50,000 ia menurun, bulan yang kedua RM45,000, bulan yang ketiga RM40,000, bulan yang ketujuh RM35,000. Maknanya pengiraan itu akan menurun, di samping *principle* itu menurun, kita juga memberi pilihan kepada pihak pengguna sama ada memanjangkan kalau bebanannya dia amat berat sangat, apabila dia panjang amaun yang dibayar berkurangan, tetapi kalau dipendekkan amaun yang dibayar besar, jadi maknanya dalam konteks ini bukan lain ya, maknanya.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung, Yang Berhormat

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat Dungun dengan Jerai ini senyumannya lain tafsirannya sedikit. Ahli Yang Berhormat ….

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila gulung.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulungkan jawapan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ahli Yang Berhormat, begitu juga Ahli Yang Berhormat bagi Dungun menyatakan tadi tentang perlindungan tentang pewaris.

Pindaan Akta Sewa Beli 1967 ini membolehkan tindakan menjadualkan semula pinjaman sewa beli tersebut melalui perjanjian tambahan. Kita galakkan dalam perubahan yang ada supaya perjanjian tambahan dibuat tentang pewaris tadi, contohnya kalau ada isteri, suami dia meninggal dunia, maka perjanjian tambahan boleh dibuat perundingan dengan pihak perbankan dan ini kita tekankan supaya Bank Negara memastikan ada ruang dalam landasan ini untuk tidak membebankan manakala harta contohnya, kalau kereta sudah dibeli dan telah diguna oleh keluarga ini, sudah begitu lama nostalgia, daripada dia mula kahwin sampai banyak anak dah, maka dengan itu dibolehkan untuk mereka memperolehi harta ini dengan membuat perjanjian tambahan ini.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan masalah menyambungkan pinjaman, tetapi dari peringkat awalan lagi, dalam perjanjian supaya kaedah *insurance mortgage* supaya apabila peminjam meninggal dunia, secara automatik harga itu akan menjadi harta pewaris, itu maksud saya, kalau boleh. Saya tahu perkara ini belum ada dalam kaedah sewa beli tetapi sebagai penterjemahan kepada akta ini supaya Yang Berhormat Menteri berunding dengan Bank Negara dan Kementerian Kewangan supaya kaedah masa-masa yang akan datang ini tidak timbul lagi, apabila peminjam meninggal dunia sepatutnya menjadi pewaris sepertilah pinjaman perumahan. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ahli Yang Berhormat bagi Dungun, saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya kita menggalakkan juga pihak ini untuk membeli insurans kepada pihak-pihak pewaris mereka di mana dibolehkan sebenarnya kalau sesuatu berlaku terhadap pihak peminjam ini, kematiankah ataupun dari segi kewangan yang begitu membebankan, maka kita galakkan mereka juga membeli insurans, ada landasan seperti yang saya katakan tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya hendak tempek sedikit hak Dungun itu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua, insurans itu termasuk di dalam *package* itu, bukan makna insurans lain, maknanya insurans asal kalau kita beli kereta, dia *insured* kerana kereta sekarang Yang Berhormat, macam Yang Berhormat bagi Arau, dia pakai ratus ribu punya harga..

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Juta-juta.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak sampai jutalah, ratus ribu. Jadi, harga kereta itu lebih kurang macam harga rumah. Jadi saya minta kalau boleh, itu tidak apalah yang berada, yang tidak berada macam saya ini, takut-takut bila saya tidak ada, jadi kereta itu tidak selesai hutang, jadi masalah. Jadi boleh atau tidak kita *package*kan sekali dengan insurans pembelian kereta ataupun insurans kereta itu sendiri, kalau berlaku kecurian dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Dalam Akta Sewa Beli yang sedia ada ini seperti yang saya nyatakan, dia membolehkan kalau dalam keadaan perjanjian, kedua-dua pihak bersetuju, pihak bank dan juga pihak penyewa ini bersetuju, bahawa ada *Supplementary Agreement* yang hendak dibuat, ia dibolehkan, untuk membolehkan supaya mereka juga mengambil perhatian tentang perkara ini..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu *supplementary*, kalau kita boleh kerajaan mengarahkan haah, dimestikan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ambil perhatian apa Yang Berhormat nyatakan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ..kerana telah banyak berlaku perkara seperti ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini adalah merupakan opsyen ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau hak lain boleh …

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya tidak boleh tekankan, contohnya ada pihak yang menidakkan, kemungkinan ada setengah pihak dia tidak mampu untuk membeli insurans, ada juga sesetengah pihak dia hendak memilih insurans jadi

maknanya kalau sekiranya kita tekankan di situ maka tidak ada pilihan lagi kepada pihak pengguna.

Di sesetengah tempat tidak ada insurans pun yang boleh kita gunakan ataupun ada sesetengah pembelian yang contohnya jumlahnya cuma 5,000 sahaja kadarnya kalau kita perhatikan dalam peraturan yang ada insurans mesti ada, kos yang terpaksa diditampung oleh pengguna juga saya yakin ia akan meningkat.Dengan itu, kita harus memberi ruang landasan pilihan kepada pihak pengguna tadi *Supplementary Agreement,* dengan izin, kalau ada *Supplementary Agreement* ini, bagi pembeli yang berupaya, yang ada kewangan, saya yakin dia akan mempunyai landasan yang sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama lagi?.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sedikit lagi, banyak sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu masa yang Tuan Yang di-Pertua hendak bagi kepada saya ini berapa lama lagi. Ia ada empat minit lagi**.**

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya akan ringkaskan, tetapi secepat yang mungkin. Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Langat dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga membangkitkan tentang *repossession* dan di sini sebenarnya kita mempunyai peraturan-peraturan untuk dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam konteks *repossession,* iaitu bila mana garis panduan untuk syarikat-syarikat sewa beli mengenai tatacara *Code of Ethics* menjalankan perniagaan dikeluarkan.

Kita telah mengeluarkan satu *Code of Ethics* kepada persatuan-persatuan sewa beli di negara kita dan sesiapa yang didapati tidak mengikuti *Code of Ethics* ini semasa menjalankan tugas *repossession* akan di *register* daripada persatuan ini. Di samping itu, kalau kita dapati bahawa ada pihak-pihak tertentu menggunakan kaedah-kaedah yang keras, laporan polis boleh diambil terhadap mereka ini dan juga kita di peringkat kementerian sudah pun membuat perbincangan dengan pihak Bank Negara, kalau sekiranya kita dapati amalan yang dilakukan oleh Institusi Kewangan ini memudaratkan, menggunakan kaedah-kaedah yang membebankan pihak pengguna, maka kita boleh mengambil tindakan yang tegas kepada pihak-pihak syarikat peminjam ini seperti termaktub dalam Akta Perbankan di bawah kawalan Kementerian Kewangan, *BAFIA Law* kita ada, dan kita boleh mengambil tindakan yang keras terhadap pihak-pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat juga mencadangkan seperti definisi barangan yang harus diambil perhatian dan ini adalah suatu pandangan yang baik, saya akan mengambil perhatian daripada apa yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini. Begitu juga beliau telah membangkitkan tentang *repossession* tadi, dengan izin, saya telah menyatakan bahawa kita menegaskan supaya mana-mana pihak tidak mengamalkan kekerasan terhadap mengambil balik barangan-barangan ini dan juga cadangan beliau tentang pihak pelelong awam ini dan kita mempunyai kaedah yang baru untuk membolehkan supaya pihak-pihak pelelong ini juga menjalankan pelelongan mereka secara sistematik supaya pihak-pihak seperti yang saya nyatakan terlebih dahulu, perundingan diadakan dengan pewaris sekiranya barangan ini adalah merupakan barangan yang dikehendaki oleh pihak pewaris kepada pihak peminjam maka kita tekankan supaya barangan ini dimiliki semula oleh pihak-pihak pewaris dan sekiranya pihak pewaris tidak dapat memperolehi barangan ini, maka dia boleh melelong, tetapi pelelongan ini harus dilakukan secara sistematik tanpa adanya cara-cara yang boleh membebankan pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua menyatakan masa adalah begitu singkat, insya-Allah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan ambil perhatian dan mana-mana perkara yang saya tidak sempat maklumkan di Dewan ini, saya akan buat makluman secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972)

Menambah Butiran Baru kepada Jadual Kedua: "Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas"

5.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:- 'Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas'."

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua tersebut.

Tujuan kumpulan wang ini adalah untuk memberi bantuan kewangan kepada mangsa serangan binatang buas atau waris terdekat jika mangsa itu meninggal dunia. Walau bagaimanapun, bantuan kewangan daripada Kumpulan Wang Amanah ini tidak akan diberi sebagai menggantikan atau mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh mangsa akibat kerosakan atau kemusnahan harta benda, tanaman atau ternakan.

Cadangan penubuhan Kumpulan Wang Amanah tersebut dibuat kerana terdapatnya peningkatan bilangan kes serangan binatang buas sejak kebelakangan ini yang telah menyebabkan kecederaan atau kehilangan nyawa manusia.

Mengikut laporan Jabatan PERHILITAN, kejadian serangan binatang buas berlaku antara tiga hingga lima kes setahun mulai tahun 1998 tetapi meningkat kepada 16 kes pada tahun 2001 dan sembilan kes pada tahun 2002. Dari jumlah tersebut, 15 kes telah melibatkan kematian, manakala 12 kes adalah mangsa tercedera. Baki 12 kes lagi hanya melibatkan kerosakan harta, mangsa terselamat atau laporan sebenar tidak diperolehi oleh PERHILITAN.

Statistik juga menunjukkan bahawa 53.8% kematian adalah disebabkan serangan harimau diikuti oleh gajah iaitu sebanyak 35.9% dan babi hutan sebanyak 5.1%. Sungguhpun terdapat peningkatan bilangan kes serangan binatang buas ke atas manusia sejak kebelakangan ini yang telah menyebabkan kecederaan dan kehilangan nyawa manusia, tetapi sehingga kini tiada sebarang bentuk pampasan yang khusus dan jelas bagi bantuan menyelaras dan menyalurkan kepada mangsa atau waris mangsa serangan yang terlibat.

Oleh itu, perwujudan Kumpulan Wang Amanah Mangsa Serangan Binatang Buat di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini dijangka akan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa atau pun waris terdekat mangsa. Kerajaan telah bersetuju supaya geran pelancaran sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk Kumpulan Wang Amanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan itu tadi terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.06 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju kita mesti adakan wang tabung untuk membantu mangsa-mangsa yang diserang harimau, gajah atau babi hutan atau diserang oleh sesetengah orang di sini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, dengan perkembangan dan pembangunan di negara ini, ini bermakna kawasan-kawasan binatang buas ini sudah pun dicerobohi kian berkurangan sehingga bukan sahaja binatang buas, binatang-binatang lain seperti musang pun, musang berbulu ayam agaknya *[Disampuk]* musang bandarlah itu, itu musang bandar biasanya. Ya, di kawasan saya, di rumah saya pun ada musang juga; musang bandar kerana kawasan-kawasan hutan itu sudah ditebang, dibersihkan dan kawasan mereka sudah tidak ada lagi dan mereka terpaksa cari *ceiling*, bumbung kita dan sebagainya untuk hidup.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, saya mencadangkan supaya kerajaan untuk mengurangkan kes-kes serangan binatang buas ini, kita meninjau keadaan kadar perkembangan dan pembangunan di seluruh negara yang melibatkan kawasan hutan. Ini memang perlu kerana kita hendakkan pembangunan yang mapan, *sustainable development*. Dengan sedemikian, kita tidak akan mengurangkan kawasan-kawasan untuk binatang tersebut. Kemudian, tadi Yang Berhormat sudah sebutkan mengenai bantuan ke atas mangsa sahaja …

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Gading? Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Kawasan kehidupan binatang ini sudah kita ceroboh, ini Jabatan apa?

Dr. Tan Seng Giaw: PERHILITAN.

Tuan Yang di-Pertua: PERHILITAN.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lebih kurang itulah, payah lidah saya hendak sebut. Sekarang ini kera-kera dan beruk-beruk di kawasan saya sudah menyerang rumah pasal kawasan dia sudah kita ceroboh dengan kelapa sawit, dengan getah, dia tidak ada buah-buahan hendak makan, dia datang rumah kita hendak makan. Macam mana agaknya Yang Berhormat bagi Kepong boleh fikirkan? PERHILITAN. Macam mana agaknya hendak mengatasi ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting PERHILITAN ini mesti dikemaskinikan. Saya masih ingat semasa saya pergi ke Taman Negara, Pahang,

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terengganu?

Dr. Tan Seng Giaw: Terengganu sedikit sahaja itu, Terengganu, Kelantan pun ada sedikit. Tidak termasuk Ketereh, Gua Musang itu sedikit Gua Musang…

Seorang Ahli: Merapulah!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak pernah pergi ke Taman Negara, itu masalah Menteri tidak pernah pergi ke taman itu, itu satu masalah yang penting, kerana itu kita hendak menggalakkan orang melawat di negara sendiri dan destinasi-destinasi di dalam negara. Tetapi Menteri yang menjaga Parlimen itu pun tidak pergi. Itu masalah yang teruk….

Tuan Lim Kit Siang: Ahli-ahli Parlimen berapa orang yang pergi?

Dr. Tan Seng Giaw: Berapa orang yang pergi, saya pun tidak tahu, saya sudah pergi Yang Berhormat Sri Gading, saya pergi ke Taman Negara dan saya dapati PERHILITAN kurang cekap. Masa itu saya ingat dia letak di situ jadual waktu, hendak tunjukkan gambar, hendak tunjukkan itulah tumbuh-tumbuhan iaitu fauna dan flora kita yang kaya di Taman Negara, tetapi tidak ikut jadual langsung. Kadangkala kita pergi pun tidak ada orang. Itulah masalah PERHILITAN yang mana harus dan mesti dikemaskinikan, tetapi walau bagaimanapun saya setuju bukan sahaja, "Macam kera kena belacan", belacan pun ada seperti di sini. *[Ketawa]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak tahulah mungkin Ketereh…

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Kepong kot?

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin Ketereh, kalau bukan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti ada satu kajian, satu tinjauan yang rapi ke atas kawasan-kawasan yang dibangunkan. Sebab jangan kita kira di Petaling Jaya di mana rumah saya, kalau saya ada ketitir juga merbok dan tekukur, jika waktu senja, kalau kita tidak jaga, musang akan ambil. Ini bermakna kawalan ke atas pembangunan sudah tidak berkesan sehingga binatang-binatang bukan sahaja binatang ganas yang bermaharajalela di kawasan-kawasan kediaman, bahkan juga binatang yang lain, dan sebab itulah saya berpendapat bahawa kita mengemaskinikan PERHILITAN dan juga kita meninjau secara rapi ke atas kawasan-kawasan pembangunan.

Yang ketiga, yang penting sekali ini bukan sahaja kita bagi bantuan kewangan ke atas yang mati, kerosakan ke atas tanaman-tanaman….

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Itu Sungai Petani macam mana, ada masalahkah di situ?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ada. Tentang Sungai Ikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Sungai Ikan, ikan yang serang ya? Ikan jerungkah itu?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Boleh saya bertanya?

Dr. Tan Seng Giaw: Sila!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak ada apa, Sungai Petani kawasan selamat. Jangan bimbang Yang Berhormat dipelawa ke sana. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat tentang binatang peliharaan tiba-tiba menjadi binatang buas. Umpamanya kita lihat di kawasan Kuala Lumpur sahaja ramai orang pelihara anjing. Tiba-tiba anjing tadi jadi anjing ganas, macam di kawasan Kepong misalnya banyak anjing ganas, anjing apa jenisnya? Macam *Rothweiler* misalnya…

Dr. Tan Seng Giaw: *Rottweiler* ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Katanya ia gigit kita, adakah itu akan dibayar? Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya Sungai Petani semua orang yang pelihara sama ada anjing, kucing ataupun burung dan sebagainya mestilah dijaga dengan baik. Ini bukan sahaja di kawasan Sungai Petani, kawasan kampung-kampung lain pun kadangkala dia biarkan sahaja. Bila kita hendak memelihara dan membela binatang itu sebagai satu binatang kesayangan dan

sebagainya, kita mesti jaga dengan baik termasuk anjing, saya tidak setujulah kalau dibiarkan begitu sahaja. Ini bermakna kita perlukan ada kursus khas di Jabatan Pelajaran untuk mengajar para pelajar sekarang dan juga seterusnya, dengan adanya pendidikan dan pendirian kepada orang Malaysia supaya kita benar-benar cintakan binatang kita, sama ada anjing, kucingkah, sebab kucing liar pun ada. Di dalam ini pun kadangkala ada juga kucing liar.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Monyet?

Dr. Tan Seng Giaw: Monyet pun tidak tahulah Ketereh. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan….

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kenapa tidak mampu pula, kita hendak tolong orang mangsa…

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Okey, okey, okey!

Dr. Tan Seng Giaw: …dan termasuklah tanaman itu, tanaman yang dirosakkan itu, kita mestilah beri pampasan sedikit. Kerana dari masa ke semasa gajah yang merosakkan tanaman yang teruk dan sebab itu kita mestilah menggunakan perkhidmatan PERHILITAN untuk memindahkan gajah-gajah dan harimau-harimau ini dan …

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kinabatangan dia ada air sahaja!

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ada air sahaja, ikan jerung ada dan selain daripada perkhidmatan PERHILITAN mesti dipertingkatkan, bahkan juga siapa sahaja yang mengalami kerosakan tanaman kita mestilah memberi ganti rugi secara berkesan untuk mengawal keadaan yang sebenarnya. Dengan itu saya sokonglah tindakan dan usaha untuk menolong mangsa-mangsa ini, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri jawab.

5.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, binatang liar yang dikategorikan sebagai binatang buas, ini tidak termasuk kepada ahli daripada Kepong.

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Tepuk]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Iaitu, gajah Asia, harimau belang, harimau kumbang, harimau dahan, seladang, babi hutan, babi mondok pun ada.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kera, buaya tembaga…

Beberapa Ahli: Ooh!

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kemudian ular tedung selar, ular senduk, ular sawa dan juga beruang. Tuan Yang di-Pertua…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buaya darat?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: *[Ketawa]* Yang itu ada tetapi tidak termasuk dalam inilah.

Seorang Ahli: Buaya Kinabatangan ada! *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh…..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan ya, minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Arau beritahu kepada saya Tuan Yang di-Pertua, pasal binatang-binatang liar ini, buaya darat pun liar juga. Jadi adakah termasuk dalam itu semua?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Boleh masuk dalam senarai nombor 14lah!

Tuan Yang di-Pertua, ahli daripada Kepong dan Sri Gading membangkitkan tentang masalah kawasan kehidupan binatang yang banyak terhakis. Sebenarnya sekarang ini sudah ada usaha untuk konservasi melalui pengazetan kawasan perlindungan ataupun *protected area,* oleh Taman Negara dan *reserve* kehidupan liar. Sekarang ini sudah ada 41 kawasan perlindungan yang telah digazetkan di bawah PERHILITAN tidak termasuk hutan simpan kekal di bawah Jabatan Perhutanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan daripada Kepong tentang PERHILITAN perlu dimantapkan. Sekarang ini penstrukturan semula PERHILITAN sedang dijalankan dengan menambah jumlah kakitangan yang ada dari 800 kepada 1000 bagi memantapkan usaha konsekuensi dan penguasaan undang-undang, sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Usul disetujukan.

USUL

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA

5.21 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan 81 (1), Peraturan-peraturan Dewan Rakyat mengambil ketetapan berikut:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa:-

(a) Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu perpaduan kaum dan integrasi nasional yang berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara;

(b) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:-

(i) YB.Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili

(Menteri di Jabatan Perdana Menteri) - Pengerusi;

(ii) YB.Datuk Haji Hassan bin Malek

(BN Kuala Pilah);

(iii) YB.Tuan Ahmad Shabery Cheek

(BN Kemaman);

(iv) YB Tuan Loh Seng Kok

(BN Kelana Jaya);

(v) YB Dato' Dr. Tan Kee Kwong

(BN Segambut);

(vi) YB Tan Sri Dr. K.S. Nijhar

(BN Subang);

(vii) YB Tuan Alexander Nanta Linggi

(BN Kapit, Sarawak);

(viii) YB Tuan Tiong Thai King

(BN Lanang);

(ix) YB Tuan Wilfred Madius Tangau

(BN Tuaran);

(x) YB Cik Fong Po Kuan

(DAP Batu Gajah); dan

(xi) YB Tuan Salahuddin bin Ayub

(PAS Kubang Kerian)

Jika Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu Mesyuarat, Jawatankuasa itu boleh memilih seorang Pengerusi dari kalangan Anggota-anggota Jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja;

(c) Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut selama dua tahun;

(d) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara berikut:

(i) meneliti dan membincangkan isu-isu perpaduan nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap dasar-dasar pembangunan negara;

(ii) mencadangkan pindaan atau perubahan terhadap dasar-dasar pembangunan sedia ada serta mengesyorkan dasar-dasar baru ke arah memelihara dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini;

(iii) mengkaji dan meneliti akta-akta yang berkaitan dengan program-program perpaduan negara, seperti Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 dan Akta Latihan Khidmat Negara 2002, membincangkan pandangan dan apa yang dikemukakan secara rasmi oleh pihak awam serta mengemukakan cadangan pindaan terhadap akta-akta yang berkenaan; dan

(iv) memperakukan cadangan-cadangan perubahan dasar dan pindaan akta tertentu kepada Parlimen untuk diperhalusi, dipertimbangkan dan diluluskan, serta diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

(e) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu serta syor-syor berkaitan diserahkan kepada Majlis untuk dipersetujukan atau mengikut apa cara yang diperintahkan oleh Majlis".

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan cabaran utama dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang bersatu padu menjelang tahun 2020. Ia memerlukan komitmen semua pihak agar kehidupan harmonis dan suasana demokratik yang didokong mampu memacu kecemerlangan Malaysia sebagai negara yang merdeka.

Mengukuhkan perpaduan integrasi nasional menjadi matlamat yang berterusan kerajaan yang sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program serta aktiviti yang bersesuaian bagi memupuk setiap masyarakat mencintai negara dengan menyanjung tinggi masa hadapan yang dikongsi bersama. Melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, tanggungjawab dan peranan ini turut dimainkan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga yang merupakan jentera di peringkat akar umbi yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1995.

Kerajaan juga pada ketika ini sedang melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara yang telah dilancarkan pada 16 Februari 2004. Turut menekankan memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dengan ditunjangi nilai moral yang utuh serta semangat patriotik di kalangan masyarakat pelbagai kaum khususnya generasi muda.

Berdasarkan sesi program yang telah dilaksanakan menunjukkan bahawa ianya telah mencapai objektif sebenar dan mendapat maklum balas yang positif daripada kalangan peserta. Namun begitu, beberapa kelemahan dan masalah yang tidak dapat dielakkan daripada berlaku perlu dikaji dan diperhalusi agar ianya tidak berulang sehingga menghalang objektif yang hendak dicapai. Di samping itu, elemen-elemen baru terutamanya yang berkaitan usaha memupuk perpaduan boleh diserapkan ke dalam program seperti ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan agenda utama negara yang berterusan maka pelbagai usaha sentiasa perlu dilakukan bagi mencari idea, pendekatan dan kaedah yang berkesan dalam menghadapi segala macam rintangan dalam usaha melahirkan masyarakat yang bersatu padu.

Oleh yang demikian, dengan ketetapan yang ada di bawah Peraturan 81 (1), Peraturan-peraturan Dewan Rakyat yang membenarkan sesuatu Jawatankuasa Pilihan Khas diwujud untuk membincang sesuatu perkara, maka saya mohon mencadangkan pihak Majlis melantik Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai perpaduan dan khidmat negara yang mana akan memberi fokus kajian dan perbincangan seperti terma rujukan berikut:-

(i) meneliti dan membincangkan isu-isu perpaduan nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap dasar-dasar pembangunan negara;

(ii) mencadangkan pindaan atau perubahan terhadap dasar-dasar pembangunan sedia ada serta mengesyorkan dasar-dasar baru ke arah memelihara dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini;

(iii) mengkaji dan meneliti akta-akta yang berkaitan dengan program-program perpaduan negara, seperti Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 dan Akta Latihan Khidmat Negara 2002, membincangkan pandangan dan apa yang dikemukakan secara rasmi oleh pihak awam serta mengemukakan cadangan pindaan terhadap akta-akta yang berkenaan; dan

(iv) memperakukan cadangan-cadangan perubahan dasar dan pindaan akta tertentu kepada Parlimen untuk diperhalusi,, dipertimbangkan dan diluluskan, serta diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbentuknya Jawatankuasa ini yang mana dianggotai oleh sebilangan mereka yang terdiri dari parti masing-masing yang ada dalam Dewan yang mulia ini, diharapkan dapat dijadikan platform yang berkesan kepada kerajaan dan rakyat untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing ke arah memulihara dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Melalui jawatankuasa ini diharapkan pandangan yang membina dan positif dari mana-mana pihak boleh didengar dan dapat dibincangkan secara terperinci. Di

samping itu dasar-dasar kerajaan yang berkaitan akan dapat diperjelaskan dan difahami oleh mereka terutama pihak awam yang mungkin sebelum ini kurang memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa dengan ketetapan yang diberi oleh Majlis akan melaksanakan peranannya melalui kaedah yang sesuai yang difikirkan boleh memberi input kepada kerajaan dalam usaha mengekalkan perpaduan dan mempertingkatkan integrasi nasional. Selain mengadakan mesyuarat, Jawatankuasa melalui agensi kerajaan yang berkaitan akan mengadakan bengkel atau pertemuan dengan mana-mana pihak untuk membincangkan isu-isu perpaduan nasional.

Jawatankuasa ini juga akan mengadakan lawatan ke lokasi yang sedang berlangsungnya program atau aktiviti perpaduan dan integrasi nasional untuk memperoleh gambaran sebenar tentang sejauh mana keberkesanannya serta permasalahan atau kelemahan yang dihadapi dalam pelaksanaan program berkenaan.

Kajian dan penelitian terhadap akta-akta yang berkaitan dengan program perpaduan negara juga akan turut diberi penekanan serius oleh jawatankuasa ini. Dengan mengambil kira keadaan arus pembangunan dan keperluan semasa, sebarang cadangan pindaan akan dibuat sekiranya ia benar-benar diperlukan dalam usaha menambah baiknya kemudian memperakukan kepada majlis bersama-sama dengan syor-syor melalui laporan untuk dipersetujukan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempohkan sehingga jam 7.30 malam ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 5.31 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 7.30 malam

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

7.32 mlm.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita berada di dalam Peraturan 81(1) Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membentangkan Usul dan disokong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 81(1) itu tadi terbuka untuk dibahas. Saya berikan dua orang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

7.33 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini merupakan hari terakhir Sesi Pertama Parlimen Kesebelas yang dipilih pada 21 Mac 2004 yang ditandakan dengan dua inisiatif Parlimen, penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai perpaduan dan khidmat negara yang kita sedang bincangkan ini serta penubuhan *caucus* mengenai hak asasi manusia semua parti tengah hari tadi, yang mana ahlinya terdiri daripada Pengerusi - Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Padang Rengas, Timbalan Pengerusi - Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Naib-naib Pengerusi Ahli Parlimen Permatang Pauh, Yang Berhormat bagi Tumpat dan Setiausaha Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Penolong Setiausaha Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 15 Ahli-ahli Parlimen dari semua parti yang selebihnya yang telah menyuarakan sokongan mereka terhadap penubuhan *caucus* berkenaan yang kini juga merupakan ahli kepada *caucus* yang ahlinya berjumlah 22 orang Ahli Parlimen.

Semasa Parlimen Kesebelas ini dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 17 Mei yang lepas, semua Ahli Parlimen dan parti politik yang diwakili di Parlimen telah menyuarakan sokongan mereka terhadap wawasan untuk mengubah Parlimen Malaysia menjadi sebuah Parlimen dunia pertama yang akan ditandakan dengan program-program yang meluas dan pelbagai mengenai pembaharuan dan modenisasi Parlimen.

Dalam ucapan Menjunjung Titah Diraja yang saya sampaikan pada 20 Mei 2004, saya pernah mencadangkan supaya Mesyuarat Pertama Parlimen yang Kesebelas ini menubuhkan sekurang-kurangnya sepuluh Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai bukti keseriusan dan komitmen kita menjadikan Parlimen Malaysia Parlimen dunia pertama serta menunjukkan kepada seluruh negara dan masyarakat dunia perbezaan yang dapat dilakukan oleh Parlimen baru ini dalam usaha pembaharuan dan modenisasi Parlimen.

Jawatankuasa Pilihan Khas yang saya cadangkan itu termasuklah Perpaduan Nasional dan Integrasi, Pindaan Kanun Prosedur Jenayah, Pembaharuan dan Modenisasi Parlimen, Integriti Nasional, Hak Asasi Manusia, kualiti pendidikan, daya saing nasional, teknologi maklumat, FELDA, peminggiran masyarakat India sebagai kelas bawahan.

Setelah Parlimen bermesyuarat tiga kali dari bulan Mei ke Disember dan pada hari terakhir sesi pertama selain daripada Mesyuarat Khas Parlimen mengenai Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan yang saya diberitahu mungkin akan diadakan pada 17 hingga 18 Januari tahun hadapan, Parlimen belum lagi meluluskan sebarang agenda untuk melancarkan pembaharuan dan pemodenan Parlimen yang meluas, khasnya dari segi pemodenan prosedur amalan dan konvensi, demi menjadikan Parlimen Malaysia, Parlimen dunia pertama yang dianggap oleh rakyat jelata sebagai relevan dan peka sepenuhnya terhadap harapan dan kekhuatiran serta kerisauan mereka.

Banyak lagi tempat yang memerlukan pembaharuan dan modenisasi Parlimen. Lapan tahun yang lepas saya pernah berkata bahawa Parlimen harus memimpin negara dalam segi ICT dan laman web Parlimen menjadi teladan bukan sahaja kepada orang ramai tetapi juga kepada laman-laman web swasta dan bukannya satu sarang labah-labah atau *cobweb* yang terunggul sekali. Saya baru terbaca laporan *Malaysia Kini* mengenai kesilapan dan maklumat-maklumat yang tidak tepat yang tersiar di atas laman web Parlimen, misalnya Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Teng dihuraikan sebagai Ahli-ahli dari UMNO, Menteri di Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim pula digelar sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Timbalan Menteri Penerangan disifatkan sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Walau bagaimanapun, Parlimen kali ini bukanlah langsung tidak berhasil. Pada penghujung Sesi Pertama Parlimen Kesebelas ini telah ditubuhkan dua Jawatankuasa Pilihan Khas dan tiga *caucus* Parlimen pelbagai parti. Pertamanya bertujuan memupuk demokrasi di Myanmar, keduanya meneliti keadaan di Selatan Negeri Thailand dan ketiganya atas isu hak asasi manusia.

Saya berharap pentas telah disediakan untuk Sesi Kedua Parlimen Kesebelas kita yang akan bermula pada bulan Mac depan untuk membina dari momentum yang sedia ada ini dan menubuhkan lebih banyak lagi jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas bukan sahaja terhad kepada isu-isu spesifik, tetapi juga untuk menyelia setiap kementerian yang memang merupakan amalan biasa di Parlimen dunia pertama termasuk menubuhkan semula *caucus* Parlimen untuk menjadikan Jawatankuasa Pilihan Khas sama ada atas isu Myanmar, Selatan Negeri Thailand atau hak asasi manusia dalam kes Malaysia.

Atas penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai perpaduan dan khidmat negara ini, saya sebenarnya merasa serba salah *(mix feeling).* Saya memang mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini kerana ianya adalah merupakan salah satu dari dua Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah saya cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Timbalannya. Dalam perbincangan kami, sebelum Parlimen Kesebelas dirasmikan pada 17 Mei 2004, saya merasa kecewa bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas kedua ini telah mengambil masa selama tujuh bulan sebelum menjadi kenyataan, sedangkan Jawatankuasa Pilihan Khas yang pertama mengenai Kanun Prosedur Jenayah dan Kanun Keseksaan telah ditubuhkan pada Mesyuarat Pertama Parlimen ini pertengahan tahun ini.

Tetapi perasaan serba salah saya mengenai Jawatankuasa Pilihan Khas Kedua ini adalah lebih dari kelambatan tujuh bulan penubuhannya yang menjejaskan bidang kuasa sebenarnya, skop dan *term of reference.*

Walau bagaimanapun, dalam tujuh bulan yang lepas, objektif Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu Perpaduan Nasional dan Integrasi yang akan pertama sekali mengkaji pendapat-pendapat berbeza mengenai soal khidmat negara, memandangkan kontroversi yang tercetus telah berubah dengan drastiknya. Sebagaimana yang tertera dalam usul di depan kita ini, fokusnya adalah atas Program Khidmat Negara dan dimensi perpaduan negara merupakan satu isu *collateral*.

Biarlah saya memetik laporan *BERNAMA* yang bertarikh 21 Mei 2004, untuk membuktikan hujah saya. Laporan yang bertajuk *Government To Set Up Select Committee On Unity,* berbunyi, dengan izin,

> *"***Kuala Lumpur Mei 21 *BERNAMA*:** *The government will set up a Select Committee comprising Barisan Nasional and opposition Members of Parliament to discuss issues of national unity, Datuk Seri Najib Razak said, Friday.*
>
> *"The Deputy Prime Minister said, this was decided by the Cabinet at its meeting last Wednesday of the considering the outcome of his recent discussion with Opposition Leader, Lim Kit Siang.*
>
> *"This committee will be headed by Barisan Nasional, he told reporters after presenting to Utusan Group Literature Prizes 2003 here.*
>
> *"Najib said that among the topics to be discussed by the committee will the implementation of the national service and other unity programs.*
>
> *"With the Select Committee, it means the national unity is the responsibility of everyone, he said.*
>
> *"They, (the Select Committee) are free to discuss everything and we are willing to here any views and specific proposals, he said."*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menolak penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini sungguhpun saya tidak setuju sepenuhnya dengan teks usul ini atau kandungan usul ini yang mengehadkan skop dan terma-terma bidang kuasanya dari hasrat asal iaitu seluasnya yang boleh dan khidmat negara dianggap sebagai salah satu subjek yang harus ditangani dan bertukar kini menjadi Program Khidmat Negara sebab utama kewujudannya dan perpaduan negara hanya merupakan satu isu sampingan yang berkait dengan Program Khidmat Negara.

Saya bersetuju bahawa adalah penting supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan untuk memulakan kerja dengan segera. Sungguhpun saya menyeru supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri secara seriusnya mempertimbangkan satu pindaan di mesyuarat Parlimen yang akan datang, supaya menyelaraskan Jawatankuasa Pilihan Khas ini sejajar dengan objektif asalnya bahawa ia menumpu ke atas soal perpaduan nasional dan integrasi dan Program Khidmat Negara merupakan subjek kajian pertamanya.

Jawatankuasa Pilihan Khas ini haruslah dikehendaki mengemukakan satu laporan ke Dewan sekurang-kurangnya sekali setahun dan ia harus diteruskan sekurang-kurangnya hingga ke akhir Parlimen ini. Saya juga menyeru supaya Jawatankuasa Pilihan Khas ini setelah ditubuhkan akan menyokong saranan supaya Peguam Negara, Tan Sri Ghani Patail menggantung segala tindakan mendakwa 4,290 belia yang gagal menghadiri diri untuk Program Khidmat Negara sehingga Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara selesai menjalankan bidang tugasnya dan mengemukakan laporan keputusan siasatannya ke Parlimen. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

7.43 mlm.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetujulah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ditegur saya panjang cerita saya nanti. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil sikap yang positif dan menjalankan tugas dengan sempurna dengan menubuhkan kali keduanya usul untuk melantik *Select Committee* dari Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat daripada nama-nama yang dipilih menjadi ahli ini, saya cukup yakin mereka boleh menjalankan tugas dengan sempurna, tetapi biarlah saya membawa ke Sarawak. Sarawak ialah negeri yang boleh dikatakan contoh sebagai satu perpaduan. Masalah perpaduan dianggap sebagai satu perkara yang amat penting di negeri Sarawak, itulah kenapanya perpaduan di Sarawak menjadi begitu baik dan kita tidak mengambil enteng soalan ini.

Negeri Sarawak juga unik bahawa tidak ada satu etnik ataupun *group*, boleh dikatakan majoriti dan dalam keadaan sedemikian kita mempunyai Iban yang lebih daripada orang Cina, dan kita mempunyai orang Cina yang lebih sedikit orang Melayu. Jadi, pelantikan saya fokuskan. Persoalan yang saya bangkitkan di sini ialah pelantikan. Dua orang, seorang daripada kaum Iban dan seorang lagi daripada kaum Cina, memang saya sokong seratus peratus, tetapi malangnya hilang, tidak ada orang Melayu. Jadi, sepatutnya satu kumpulan yang sama besar dengan kumpulan Cina hanya kecil sedikit, sepatutnya ada juga seorang Melayu, etnik Melayu di masuk bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya adalah tidak wujudnya perpaduan kalau satu *group* yang besar, sebagai Melayu di Sarawak tidak dimasukkan sama. Ini bukan soalan *specialize*, macam Pindaan Undang-Undang Jenayah dan sebagainya, tetapi ini soalan perpaduan. Tiap-tiap orang memainkan peranan, tiap-tiap seorang itu mengetahui masalah ataupun budi bicara ataupun adat resam mereka sendiri. Adalah boleh dikatakan bahawa orang daripada Semenanjung Melayu tidak akan mengetahui keseluruhannya adat resam orang Melayu.

Saya sendiri umpamanya, orang tertanya-tanya kenapa nama saya Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. Kalau di sini *'Tuanku Jaafar'* itu orang yang *ruling* – ataupun orang yang menjadi raja, tetapi di negeri kami, *'Wan'* ini adalah *'Syed'*, tetapi orang tidak mengetahui. Itulah adat, tetapi ini telah diguna pakai dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Jadi, begitulah juga, bahkan tadi kawan bertanya, kenapa anak saya nama *'Syarifah'*, sebabnya ialah *'Wan'* di Sarawak ialah *'Syed'*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang saya boleh sebutkan tetapi oleh kerana saya berjanji tidak bercakap panjang, saya bermohon kepada pihak Menteri untuk mencari cara jalan supaya kita boleh melantik seorang orang Melayu dari Sarawak, dimasukkan ke dalam *Select Committee* bagi pihak negeri Sarawak. Begitulah juga dari Sabah, kerana tadi kawan cakap dengan saya, yang diri tidak ada di sini, mungkin ada di luar ataupun telah mengambil penerbangan balik ke Sabah, sebab pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada tiket tidak boleh balik Sarawak. Tidak ada jalan lain. Kalau tiket sudah di*cancel*, mungkin tidak boleh *reinstate* semula, kalau tidak, tunggu lima, enam hari, jadi membuang masa Ahli Parlimen.

Jadi, saya bercakap jugalah soalan di Sabah, kenapa tidak ada orang Melayu Sabah di masuk bersama dalam jawatankuasa ini. Soalan perbelanjaan, soalan besarnya jawatankuasa adalah tidak, bukan persoalan. Persoalan yang penting di sini ialah perpaduan antara kita, supaya kita mengetahui di antara satu sama lain dan budi bicara, adat resam, tingkah laku orang Sabah itu juga penting di ketahui oleh semua orang dan di dalam laporan *Select Committee* ini nanti, saya cukup yakin akan mengandungi semua perkara-perkara ini, bagaimana yang mungkin akan diketahui oleh mereka ini daripada adat orang Sarawak, tetapi hendaklah orang Sarawak itu sendiri boleh mempersoal, bertanya soalan-soalan yang tertentu berhubung dengan adat resam orang Melayu Sarawak dan juga adat resam orang Melayu dari Sabah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya seratus peratus menyokong usul ini, bukan ……. tetapi hanya meminta bagi pihak orang Melayu Sabah dan Sarawak supaya dimasukkan satu orang sekurang-kurangnya dari Sarawak satu Melayu dan dari Sabah seorang. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

7.49 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan juga Yang Berhormat bagi Santubong yang telah memberikan pandangan mereka berkenaan dengan *Select Committee* ini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah menyatakan kesalnya iaitu mengapa kita mengambil masa selama 7 bulan sebelum kita mewujudkan *Select Committee* ini. Saya rasa kalau kita boleh tunggu 47 tahun merdeka dan soal perpaduan masih lagi menjadi masalah, saya tidak rasa 7 bulan terlalu lewat.

Yang Berhormat kena ingat iaitu bahawa sebenarnya ini pengalaman kita pertama setelah beberapa tahun untuk kita mewujudkan *Select Committee* dan sebelum ini kita telah mewujudkan *Select Committee* yang pertama.

Jadi sebab itu kita terpaksa makan masa sedikit kerana disabitkan oleh kerana kekurangan dari segi kakitangan sebagai contoh bagi mereka yang terpaksa menjadi reporter, menulis dan kita tidak cukup dari segi kakitangan untuk membantu *Select Committee* yang telah diwujudkan lebih awal. Jadi kita mempunyai pengalaman sekarang dan kita merasa masih yakin sekarang bahawa dengan adanya *Select Committee* yang kedua tujuh bulan kemudian insya-Allah kita harap dapatlah kita boleh memastikan bahawa *Select Committee* ini akan berjalan dengan baik dan tidak akan menghadapi apa jua masalah yang dihadapi oleh *Select Committee* yang pertama dahulu.

Jadi sebab itu kita lambat sedikit. Lagi pun dalam soal perpaduan ini, ia bukan ada sesuatu peristiwa yang boleh menyebabkan kalau kita terlambat *may be you will be over taken by event* dengan izin kerana *we will never been over taken by events* sebab tidak ada perkara-perkara yang boleh mengatakan kalau kita terlewat tujuh bulan, habis tidak boleh. Jadi tidak ada apa yang dikatakan suasana yang begitu dan saya rasa apa yang penting walaupun kita terlewat tujuh bulan, tetapi biarlah kita selamat, *steady* supaya kalau boleh janganlah apa jua masalah yang dihadapi oleh *Select Committee* yang pertama dahulu akan dihadapi oleh kita.

Sebab itu terlewat sedikit tujuh bulan. Kemudian Yang Berhormat bangkit berkenaan…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, apa itu masalah yang dihadapi oleh *Select Committee* yang pertama, saya tidak tahu dan Ahli-ahli Parlimen tidak tahu. Bolehkah kita dimaklumkan apa itu masalah-masalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masalah pertamanya ialah kakitangan iaitu kalau kita mengadakan lawatan pergi ke wilayah-wilayah. Apa yang dihadapi dan kita terpaksa lakukan waktu kita tidak bersidang supaya kita boleh menggunakan kakitangan Dewan Rakyat ini turun ke bawah kerana apabila turun ke bawah, kita meminta pandangan daripada orang ramai dan semuanya mestilah berbentuk *verbatim*. Di catat, direkod secara verbatim. Ini memerlukan kepada pegawai-pegawai yang cukup untuk membantu *Select Committee* ini. Jadi kalau pada ketika itu kalau dua berjalan sekali, saya rasa agar sukar untuk kita menjalankan dua *Select Committee* dalam masa yang sama kerana kekurangan kakitangan yang saya sebut sebentar tadi.

Ini masalah yang kita hadapi sekarang kerana dalam peruntukan kita, kita sebenarnya tidak mengambil kira bahawa pada tahun ini kita akan mengadakan *Select Committee.* Sebab itu kita sekarang ini perlu untuk mendapat lebih banyak lagi kakitangan dan kita juga sedang usaha untuk - JPA sedang membuat persiapan untuk

memberikan kita *researchers* dan lebih kakitangan untuk memastikan menampung peranan baru yang akan dimainkan oleh Dewan Rakyat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Oleh kerana sudah lebih lapan bulan. Kalau kita mahu Parlimen ini menjadi *first world Parliament*, kita perlu *revamp* dengan kakitangan yang ditambah bukan sahaja RM80 juta dibelanjakan untuk *renovation*, lebih mustahak ialah *software, 'human ware'.* Kenapa JPA begitu lambat, kenapa kerajaan tidak boleh dapat satu tambahan kakitangan termasuk *researchers* dan kakitangan-kakitangan supaya kita boleh proaktif dan berhenti menjadi satu *hibernating Parliament*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia dalam hal ini lebih mudah untuk kita bercakap daripada kita melaksanakan. Ini kalau Yang Berhormat tahu kita lima tahun sekali kita ada rancangan Malaysia lima tahun. Jadi dalam rancangan Malaysia lima tahun ini, kita telah pun memperuntukkan wang tertentu untuk dibelanjakan untuk kementerian-kementerian tertentu. Saya ingin memberitahu iaitu *to revamp the Parliament* tidak termasuk dalam peruntukan dan tidak dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebenarnya.

Sebab itu kita terpaksa mencari wang dan untuk mewujudkan kakitangan dia bukan semudah iaitu bahawa kalau kita hendak 15, besok kita boleh menyediakan 15. Ini kita terpaksa merujuk kepada JPA kerana kita kena mewujudkan jawatan yang tidak pernah wujud yang mesti diwujudkan dengan pencen dan tangga gaji. Dia bukan semudah begitu. Sebab itu apabila hendak diadakan *Select Committee* ini, yang kita cadangkan, tetapi sebenarnya dia tidak termasuk dalam perancangan kita. Tetapi insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, sudah tentu kita akan memasukkan peruntukan ini supaya kita dapat menampung pembiayaan kakitangan, bayaran kakitangan bagi menampung kehendak peranan Dewan Rakyat yang baru ini.

Soal kita belanja RM80 juta Yang Berhormat untuk Parlimen, saya rasa adalah lebih murah kalau kita bina bangunan baru daripada kita hendak bangunan yang lama kemudian kita hendak gantikan dengan *electric facilities*. Sebab itu belanja dia lebih. Tetapi kita tidak boleh pindah ke tempat yang lain kerana bangunan ini tahun 1965 tidak silap saya. Jadi kalau tanya kepada *engineer consultant*, lebih baik kita bina bangunan baru, jauh lebih murah lagi daripada kita cuba hendak yang kita buat sekarang ini. kita tidak akan pindah Parlimen ini…

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: …kita tidak akan pindahkan Parlimen ini ke tempat lain, ia mesti di sini. Jadi sebab itu belanjanya lebih RM80 juta, betul. Memang kita belanja lebih kerana hendak memperbaharui Parlimen dan memang tidak boleh dinafikan kalau buat bangunan baru lebih murah. Tetapi tidak akanlah kita hendak pindah ke satu kawasan baru dan ini sudah pun menjadi *heritage building* dan dia merupakan bangunan warisan. Jadi sebab itu belanja dia lebih. Jadi RM80 juta itu bukan makna kita membazir. Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga menanti-nantikan pembukaan Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Tetapi tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kelewatan selama lapan bulan ini, *it's not over taken by events*. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar sekarang telah mula sesi yang baru dan berbagai-bagai-bagai masalah timbul di dalam perlaksanaan program ini. Di mana Ahli-ahli Parlimen tidak mempunyai maklumat dan tidak boleh masuk untuk mengatasinya dan melihat perjalanannya.

Jadi saya ingin mencadangkan sama ada Yang Berhormat Menteri boleh melakukan sesuatu kerana Jawatankuasa ini dikemukakan atas Menteri bagi mengadakan satu taklimat untuk semua ahli dalam Parlimen sebelum mesyuarat pertama dipanggil untuk Jawatankuasa ini, satu taklimat diberi kepada semua Ahli Parlimen secepat mungkin berkenaan program ini.

The delay has cause so much problems. Saya telah menerima panggilan telefon kemudahan di kem-kem yang baru dibina tiada bekalan air, tiada bekalan elektrik. Ini menyebabkan *we have failed in our duties* kerana kelewatan Jawatankuasa ini sebab kami Ahli Parlimen tidak dibenarkan masuk untuk melawat, untuk melihat

keadaan perlaksanaan program ini. *So its not true when you say* dengan izin *its not over taken by events. So much damages*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat

Cik Fong Po Kuan: ….dan juga keyakinan para ibu bapa terhadap program yang telah diluluskan RM400 juta untuk sesi akan datang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya kata *over taken by events*, bermakna bahawa perkara itu berlaku disabitkan kelewatan kita. Tetapi Khidmat Negara telah pun berjalan tahun lepas sebelum kita bersidang pun. Maknanya segala masalah itu telah berlaku sebelum kita berjumpa pada bulan Mei kali pertama. Jadi bukan bermakna *it's not over taken by events*. Benda itu telah berlaku. Jadi benda itu sudah berlaku baru kita bincang, masa itu belum bersidang lagi. Sebab itu silaplah Yang Berhormat bagi Batu Gajah kata oleh kerana kita tujuh bulan lambat, maka perkara itu sudah berlaku. Perkara itu berlaku bukan kerana kita lambat, perkara itu sudahpun berlaku baru kita bincang dalam Dewan Rakyat pada tahun ini.

The next latihan khidmat negara akan bermula tidak lama lagi, jadi tidak terlewatlah. *It's not over taken by events.* Soal taklimat kita hendak bagi taklimat pada Ahli Parlimen bulan depan pun boleh.

Cik Fong Po Kuan: Sudah lewatlah

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak lewat, mana ada lewat. Pasal apa lewat pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cakap dengan siapa. Tiada orang bangun untuk bercakap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat cakap dengan siapa? Jawab kepada siapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak tahulah, saya pun tak tahu. Duduklah. Duduk, duduk. *So*, hujah Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak betul, ya iaitu macam-macam masalah telah pun berlaku kerana kita telah lewat tujuh bulan. Tidak ada, ya. Tetapi kalau kita lewat tujuh bulan pada ketika itu berlaku rusuhan kaumkah, apakah dalam tujuh bulan itu, ya, saya mengaku kita lambat, tetapi tidak ada apa-apa. Boleh dikatakan tidak ada satu peristiwa yang berlaku yang boleh dikatakan kelewatan ini disabitkan *overtaken by events*, tidak ada. Sebab itu tidak terlambat kita buat sekarang dan sebab itu saya juga ingin bangkitkan persoalan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kata fokus kita kepada Program Khidmat Negara.

Yang Berhormat, kita adakan *Select Committee* mengenai Perpaduan dan Integrasi Nasional dan Latihan Khidmat Negara ini kerana khidmat negara merupakan satu projek perpaduan dan integrasi nasional yang utama kepada kita. Kita tidak boleh laksanakannya di sekolah kerana disebabkan sistem demokrasi pendidikan kita membenarkan ada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Malaysia. Jadi oleh kerana itu kita tidak boleh hendak buat apa sebab kita ada demokrasi dalam pendidikan. Mungkin orang Cina hantar anak mereka ke sekolah Cina, budak Tamil ke sekolah Tamil dan majoriti budak Melayu pergi ke sekolah Malaysia, sekolah kebangsaan, jadi tidak bercampur di situ.

Kita kena fikir tentang cari satu *deliberate project* bagaimana kita boleh paksa mereka ini bergaul. Sebab itu Program Khidmat Negara ini merupakan projek utama kita dalam perpaduan dan integrasi nasional. Oleh kerana ia merupakan projek utama kita, kalau yang sudah tua susahlah kita hendak latih, dia tak hendak bercampur, susah. Tetapi yang muda kita kena paksa mereka supaya bercampur, mesti bergaul supaya dia tidur sekali. Niat kita kalau boleh kita hendak buat setahun tetapi tidak mampu, jadi *at least three months*. Berilah peluang kepada budak-budak muda ini supaya mereka benar-benar bergaul yang mana merupakan kesempatan kepada mereka. Sebab itu kita memberikan fokus kepadanya kerana ia merupakan projek utama kita dalam perpaduan kaum dan integrasi nasional ini.

Dalam sesi yang lepas, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Bagan …. mana Yang Berhormat Bagan? Yang Berhormat Bagan sudah balik?

Yang Berhormat Bagan dan saya ingat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun telah mengkritik dengan begitu kuat berkenaan dengan Program Khidmat Negara. Jadi, Yang Berhormat, kita kena *take cognizance* bukan sahaja daripada mereka malah juga daripada Barisan Nasional. Kita *kena take cognizance of,* dengan izin, pandangan yang diberikan oleh mereka. Saya percaya pandangan itu diberi dengan ikhlas hati.

Jadi sebab itu bagi menghargai pandangan-pandangan mereka tentang kritikan yang mereka buat dan kita hendak beritahu bahawa kita mengambil serius tentang perkara yang telah mereka bangkitkan. Sebab itu kita jadikan Program Khidmat Latihan Khidmat Negara ini sebagai satu perkara utama untuk dibincang dalam *Select Committee* ini kerana kita serius dengan apa pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau tidak orang akan kata apa yang dibangkitkan itu kerajaan langsung tidak peduli. Oleh sebab itu kita menitikberatkan Program Khidmat Negara ini kerana kita mengambil kira pandangan dan kritikan yang banyak yang telah dibuat oleh pihak Ahli-ahli Parlimen dalam soal program ini. Sebab itu kita beri keutamaan, kesungguhan kita.

Kalau Yang Berhormat risau seolah-olah ianya di*limit*kan kepada Khidmat Negara, jangan bimbang sebab saya sebut sebentar tadi, Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara berikut:

(i) meneliti, membincang isu-isu perpaduan nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap dasar-dasar pembangunan negara;

Jadi, ia terbuka. Dan juga

(ii) mencadangkan pindaan atau perubahan terhadap dasar-dasar pembangunan sedia ada serta mengesyorkan dasar-dasar baru ke arah memelihara dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini;

Jadi ia tidak khusus sahaja kepada Khidmat Negara. *It is open*. Jadi tidak usah bimbang, jawatankuasa ini mempunyai bidang yang luas, bukan terhad kepada Khidmat Negara.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga telah bercakap tentang mengapa tidak *Select Committee* ini umurnya sama dengan Parlimen – lima tahun. Baik. Kita bimbang kalau kita buat lima tahun, kita tidak ada apa-apa untuk kita bentangkan kepada Parlimen yang ada sekarang ini. Kalau lima tahun, bermakna ada sesuatu yang hendak kita bentangkan dalam Parlimen yang akan datang. Kalau kita bagi lima tahun bermakna dia relaks, dia tidak ada rasa tekanan untuk menyiapkannya dengan cepat. Baru tadi Yang Berhormat kata tujuh bulan lama. Kalau kita bagi lima tahun untuk mendapatkan kesimpulan, lagi lama keputusan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah sekejap, bagi *chance*lah saya jawab dulu. Jadi ia bercanggah dengan pandangan Yang Berhormat ini. Pada satu masa dia kata kita lewat tujuh bulan, dalam masa yang sama pula dia hendak suruh kita panjangkan sampai lima tahun. Jadi yang mana satu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu kita bagi dua tahun kerana dalam masa dua tahun kita bagi tekanan kepada mereka, "*You must come up with something*", juga ambil kira inilah, hendak kata lambat tujuh bulan. Jadi sebab itu kita tidak buat lima tahun tetapi kita syaratkan kepada dua tahun supaya dalam masa Parlimen ini juga sebagai janji kita kepada Ahli Parlimen yang bersidang pada hari ini maka kita bertanggungjawab untuk membentangkan juga kepada Ahli Parlimen yang ada pada hari ini dalam masa dua tahun daripada sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya berdiri oleh kerana Yang Berhormat Menteri sudah *got the wrong handle*, dengan izin. Saya ada kata bahawa *Select Committee* ini sepatutnya ditetapkan selama dengan tempoh Parlimen sekarang tetapi diwajibkan untuk membuat laporan sekurang-kurangnya setahun sekali supaya *Select Committee* dan ahli-ahli *Select Committee* tidak boleh malas, boleh tidur seperti yang

dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi perlulah oleh kerana masalah perpaduan kalau kita bercakap mengenai perpaduan negara itu satu masalah yang tidak akan selesai dalam masa dua tahun dan sebab itu *as long as Parliament* ada tetapi perlulah laporan sekurang-kurangnya dibuat sekali setahun. Ini sudah jawab segala hujah-hujah, *unnecessary* hujah-hujah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada, memang *you* cakap macam itu pun *you* hendak lima tahun sebab jawapan saya betul. Kalau kita hendak buat tiap-tiap tahun lagi dia tidur. Kenapa? Satu tahun keluar satu sahaja laporan. Sebab apa? Hendak *reserve*, tahun kedua pula hendak keluar, nanti tahun kedua sudah tidak ada apa. Lebih baik kita bagi dia dua tahun. Saya setuju bahawa soal perpaduan ini memang tidak boleh selesai dalam beberapa tahun tetapi kita kena ikhtiar, cuba juga bagaimana mesti mahu selesai kerana 47 tahun telah berlalu, *it is urgent now*. Jadi tidak ada salahnya kita bagi dua tahun *you must come up with something in two years* supaya kita hendak jadikan dasar, kita hendak kena ada program. Jadi sebab itu kita kena bagi dia tempoh dua tahun dan dalam dua tahun dia mesti cadangkan kepada kita supaya kita boleh melaksanakan segala dasar-dasar ataupun cadangan daripada rakyat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sedikit sahaja. Kemudian, akhir sekali Yang Berhormat mencadangkan supaya 40,000 yang tidak hadir program itu supaya jangan diambil tindakan terhadap mereka. Yang Berhormat, kalau kita buat itu bermakna orang yang melanggar peraturan kita beri dia pelepasan sedangkan orang yang setia, yang ikut, kita hukum mereka tidak adil. Yang Berhormat seorang *lawyer,* okey? Kita jangan bagi satu signal kepada mereka yang tidak hadir itu bahawa "okey, *no problem*", iaitu tidak perlu hadir, tidak ada apa-apa tindakan yang akan diambil. Tidak boleh, kerana orang yang setia kita hendak ajar kesetiaan kepada negara, orang yang setia datang dihukum, yang tidak datang dilepaskan. Cukup tidak adil. Macam mana jadi peguam ni?

Sebab itu kita tidak boleh dalam hal ini, saya hendak beritahu bahawa untuk berlaku adil kepada mereka yang jujur dan setia dengan kehendak negara, jangan dihukum mereka dan lepaskan orang yang melanggar kehendak negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahajalah, Yang Berhormat. Tidak ada lagi ya?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, akhir, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada, jawapan untuk Yang Berhormat bagi Santubong.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, masalah di sini bukan untuk membenarkan kesalahan tetapi dalam perkara ini ada perkara ringan dan ada perkara yang berat. Jenayah pun ada jenayah berat. Mereka yang korup dengan bukan sahaja beribu-ribu ringgit, ... *[Disampuk]* … tetapi berpuluh-puluh juta ringgit itu lebih serius. Kepada Ahli-ahli Parlimen tidak serius. Korupsi dan rasuah tidak serius. Ini serius. Apa itu?

Sebab itulah kita perlu melihat dari segi itu mungkin ada banyak sebab. Saya ada cadang bahawa Select Committee ini patutlah *endorse* cadangan bahawa gantung atau *suspend* segala *prosecution*. Ini boleh ditimbang, tetapi bukan kata perlulah timbang dengan ringan atau berat. Kalau kita mahu lurus, kenapa kita tidak ambil tindakan terhadap orang-orang besar yang begitu makan suap dan korup? *[Disampuk]* Adakah berani seseorang berdiri di sini…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ..mengenai korupsi? Korupsi Malaysia serius, paling serius di negara ini. Mana cakap diam-diam? Itulah serius!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, cukuplah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata?

Tuan Lim Kit Siang: Jangan jadi pembela *corruption*!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata kita tidak ambil tindakan? Siapa kata? Berapa orang yang sudah kena!

Tuan Lim Kit Siang: Mana itu 18 ikan yu? Sudah lari habis!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, pergi ke Santubong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Balik, balik, ikan yu! *All the sharks…*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata? Dia yang cakap.

Tuan Lim Kit Siang: *All the sharks…*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata kita tidak ambil tindakan?

Tuan Lim Kit Siang: *All the sharks appeared*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *All the net* sudah makan habis!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berapa orang sudah diambil tindakan hari ini tetapi janganlah ikut hukum dia. Yang mana dia fikir itu orang kerajaan, dia fikir salah, tetap salah. Tidak bolehlah macam itu. *[Disampuk]* Ini undang-undang apa? Kita ada mahkamah, kita ada ACA, biar dia siasat. Sudah ramai, sudah ramai yang telah pun didakwa di mahkamah.

Lagi satu, Yang Berhormat, belajar undang-undang ini di England, ya? Tidak pernah dengarkah, *"Two wrongs do not make one right"? [Disampuk] "Two wrongs do not make one right"!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walaupun salah besar atau salah kecil, tetap salah. Curi RM1,000, curi RM1 juta, curi RM1, tetap curi juga. *"Two wrongs do not make one right"! [Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Yang Berhormat bagi Santubong. Yang Berhormat bagi Santubong, saya menerima pandangan daripada Yang Berhormat. Cuma saya bimbang sedikit, kalau Yang Berhormat berpandangan begitu, bermakna jauh lagilah kita hendak integrasi nasional ini kerana kita tidak lihat sebagai Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Tidak sebagai Malaysia. Kalau hendak dikirakan wakil Melayunya, saya sebut tadi bahawa ada dua orang iaitu Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan seorang lagi, Yang Berhormat bagi Kemaman.

Kalau Yang Berhormat fikir bahawa Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan Yang Berhormat bagi Kemaman ini, itu Semenanjung, bermakna pemikiran kita masih dijajah oleh kenegerian – Sabah, Sarawak lain daripada Semenanjung. Melayu Sabah dan Melayu Sarawak bukan Melayu Semenanjung. Bermakna kalau Melayu pun berfikir begitu, bagaimana kita hendak adakan integrasi nasional orang Sarawak yang bukan Melayu dengan orang Melayu di Semenanjung.

Saya fikir kita pilih ini berdasarkan kepada parti. Sebab itu kita lihat bahawa kita tengok di Sarawak pun ada daripada dua parti, di Sabah pun. Kemudian kita ambil daripada pembangkang ada dua, PAS dengan DAP. KeAdilan terlalu kecil, jadi kita tidak boleh hendak ambil dialah. Sebab itu kita mengambil ahli ini berdasarkan kepada parti dan saya harap supaya Yang Berhormat jangan bimbang kerana pandangan yang kita hendak ambil ini ialah pandangan daripada orang-orang biasa. Jadi kita bukan hanya bergantung kepada ahli ini sahaja. Kalau bergantung kepada ahli ini, mungkin kita bimbang sebab tidak ada orang Melayu yang faham dalam jawatankuasa ini tentang orang Melayu Sarawak. Tetapi kita minta pandangan daripada orang Melayu Sarawak. Jadi, kita tidak bangkit soal kita tidak akan tahu. Kita akan tahu, ya.

Jadi itu sahaja, saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

USUL

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

Akta Terus Berkuat Kuasa Bagi Tempoh 5 Tahun Mulai 15 Jun 2005

8.15 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai 15 Jun 2005".

Tuan Yang di-Pertua, di persidangan Dewan ini dalam bulan April 1985, Dewan yang mulia ini telah pun membahaskan satu rang undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang merupakan satu akta lagi yang membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah atau yang terlibat dalam pengedaran najis dadah.

Usul itu telah pun menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar, ianya telah pun diluluskan. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15 Jun 1985 bagi tempoh lima tahun. Akta ini pernah dilanjutkan oleh Parlimen selama lima tahun bermula daripada 15 Jun 1990, 15 Jun 1995 dan 15 Jun 2000. Cadangan pelanjutan kali ini adalah lanjutan yang keempat.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini telah pun memperuntukkan kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah menahan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah bagi tempoh tidak melebihi dua tahun. Perintah ini boleh diperbaharui bagi tempoh tidak lebih dua tahun pada setiap kali pembaharuan.

Semenjak akta ini dikuatkuasakan mulai 15 Jun 1985 hingga Jun 2004, Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah pun mengeluarkan sejumlah 20,630 perintah-perintah tahanan di bawah seksyen 6, subseksyen 1, Akta Dadah Berbahaya 1985. Pemilihan tempat tahanan bagi seseorang itu ditentukan berdasarkan betapa berat dan seriusnya kegiatan-kegiatan yang telah pun mereka lakukan.

Bagi mereka yang telah melakukan kegiatan pengedaran dadah secara serius dan besar-besaran, mereka ditahan di pusat tahanan atau dinamakan Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor, sementara yang sederhana ditahan di pusat tahanan atau Pusat Pemulihan Simpang Renggam, Johor. Yang terlibat secara kecil-kecilan, mereka ditahan di Pusat Pemulihan Batu Gajah, Perak. Hingga bulan November tahun ini terdapat 1,654 orang tahanan ditempatkan di pusat-pusat tersebut tadi.

Semasa di dalam tahanan, orang-orang tahanan itu dikehendaki menjalani program-program pemulihan sesuai dengan matlamat kerajaan untuk memulihkan mereka. Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti latihan jasmani dan rohani untuk

membimbing mereka supaya dapat mempelajari kemahiran sepanjang tempoh mereka berada dalam tahanan. Kemajuan dan keberkesanan aktiviti terhadap orang-orang tahanan itu diikuti dari masa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka telah dipulihkan bagi tujuan pembebasan mereka.

Jika orang-orang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikuti program-program pemulihan dalam masa perintah tahanan selama dua tahun, maka Menteri Keselamatan Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah seksyen 11, subseksyen (a) Akta ini untuk melanjutkan perintah tahanan itu. Orang-orang tahanan yang telah dipulihkan sepenuhnya akan dibebaskan sama ada tanpa syarat atau diberi pengawasan dengan mengenakan penggantungan perintah di bawah seksyen 7, subseksyen 1 yang mana syarat-syarat adalah seperti perintah sekatan di bawah seksyen 6, subseksyen 3 Akta Dadah Berbahaya 1998.

Selain daripada perintah tahanan, orang yang terlibat dalam aktiviti pengedaran najis dadah adalah juga dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 6, subseksyen 3 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tertakluk kepada serius atau tidaknya kesalahan mereka.

Sepanjang tempoh ini, subjek ini diperintah tinggal di sesuatu tempat atau kawasan dan berada di dalam pengawasan polis. Mereka dibenarkan bekerja dalam tempoh pengawasan ini dan dikenakan beberapa syarat untuk mengehadkan pergerakan mereka. Hingga November tahun ini terdapat seramai 2,204 orang yang dikenakan perintah sekatan di merata tempat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta ini telah dikuatkuasakan sejak Jun 1985, dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima sekarang ini tidak berkurangan. Kegiatan-kegiatan pengedaran dadah berbahaya masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya bekalan dari negara-negara pembekal.

Gejala penyalahgunaan najis dadah ini sudah banyak diperkatakan bukan sahaja di negara ini bahkan di seluruh dunia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah mengisytiharkan tahun 2003 sebagai tahun memerangi dadah secara habis-habisan. Di dalam media massa seperti akhbar, radio dan TV, berita-berita mengenai najis dadah disiarkan setiap hari dan ianya akan tetap menjadi berita menarik selagi ancamannya tidak dapat dibanteras.

Tiada sesiapa pun yang dapat menafikan kesan buruk yang akan menimpa akibat penyalahgunaan dadah ini bukan sahaja kepada penagih, bahkan kepada keluarganya, masyarakat dan negara malahan jika tidak dikawal, sindiket-sindiket yang mengedar dadah ini boleh bermaharajalela dan mengancam negara.

Saya tidak perlu bercakap panjang lebar mengenai ancaman najis dadah ini, mengenai sindiket-sindiket yang pengedar atau mengenai orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang menjadi *mastermind* atau *financial*nya, dengan izin mereka membawa kesan buruk kepada kita semua tanpa mengira bangsa, agama, keturunan, warna kulit dan fahaman politik.

Dengan lain perkataan, dadah tidak mengenali batasan dan sempadan, dan dadah akan melanda orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Kadazan, orang Iban tidak kira sama ada beragama Islam, Buddha, Kristian ataupun Hindu dan seumpamanya.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket pengedaran dadah di peringkat antarabangsa dengan kerjasama berbagai-bagai pihak yang cuba membendung gejala ini. Namun demikian, kedudukan negara ini yang berhampiran dengan kawasan pengedaran dadah dan keadaan geografi negara ini dari segi perbatasan darat dan laut yang panjang dan luas telah memberi kesempatan yang baik kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini.

Agak sukar bagi pihak penguat kuasa menangkap ketua-ketua sindiket dan pengedar-pengedar dengan bukti pemilikan dadah secara fizikal. Oleh itu tindakan menahan dan menyekat mereka terpaksa diambil di bawah akta ini dengan tujuan kita dapat mengurangkan lagi kegiatan sindiket dadah dan memutuskan bekalan dadah dari pengedar-pengedar kepada penagih.

Usaha-usaha pencegahan oleh kerajaan ini perlu diteruskan. Oleh itu tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini perlu dilanjutkan selama lima tahun lagi mulai 15 Jun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri itu tadi terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong. Lepas itu Ketereh seorang 10 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: 10 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit.

8.25 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali Akta Dadah Berbahaya diteruskan berkuat kuasa saya bangun. Ini kali yang keempat saya bangun kerana hendak lanjutkan penguatkuasaan akta tersebut. Saya tidak hendak berucap mengenai ancaman dan bahayanya dadah ini ataupun pengedar dadah selagi ada kelemahan manusia dan selagi ada kelobaan atau kerakusan manusia, masalah dadah akan berterusan. Ini masalah kelemahan manusia kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertama keadaan dadah, pengedaran dadah dan sebagainya tidak berubah keadaannya, pi mai, pi mai dok tang tu juga, tidak berubah keadaannya seperti di Arau juga yang berbintik-bintik, bercampur gaul dan sebagainya. Di Arau pun tidak ada berubah langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa hendak libatkan Arau?

Dr. Tan Seng Giaw: Keadaan tidak berubah. Hah, ini masalah. Kalau tidak berubah .... itulah kalau kita pergi ke Arau pun dia .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat faham semalam Arau tunggu Yang Berhormat tahu - semalam.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Dia tak ada *point* itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia, Tasek Melati ada, Hutan Lipur Bukit Ayer ada, Gua Kelam ada, Gua Wang Burma ada, itu sahaja tak berubah-ubah.... cerita lama. Begitu juga dengan masalah dadah di negara ini, cerita lama.

Yang pertama, kita hendak kerajaan mengkaji, menilai dengan secara menyeluruh sejak dikuatkuasakan akta ini 20 tahun yang lampau. Dalam tempoh 20 tahun (2 dekad) ini penilaian perlu dibuat. Perlu dibuat, kita hendak kira di dalam dua dekad ini, yang pertama bilangan penagih di dalam dua dekat sejak berkuat kuasanya akta tersebut. Bilangan pengedar, bilangan rampasan dadah, bilangan yang telah ditahan walaupun ada disebut sedikit sebanyak tadi, bilangan yang telah dihukum dan kerana ada hukuman mandatori, gantung mandatori, hukuman mati mandatori, sejak itu bilangan yang dihukum mati dan bilangan yang masih menunggu.

Semua ini kita mesti tahu kerana kita hendak bandingkan prestasi kita, prestasi penguatkuasaan akta ini dengan negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat kerana mereka tidak percaya kepada hukum mati mandatori. United Kingdom tidak percaya dan Belanda dan Kesatuan Eropah yang tidak percaya kepada hukuman mati mandatori.

Saya berharap Yang Berhormat dapat membandingkan prestasi kita di dalam dua dekad ini dengan prestasi di United Kingdom, di Eropah dan di Amerika Syarikat. Larut pun dia tidak berminat, hendak menilai prestasi kita .....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan. Penjelasan, duduk! Penjelasanlah. Tak boleh minta penjelasan.

Baru sahaja kita cakap pasal perpaduan supaya kita lebih-lebih .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat apa hendak tanya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan. Hendaklah bertanyalah. Belum masuk lagi. Tahniah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat-cepat masuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: …kerana dipilih Jawatankuasa CPA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum masuk lagi. Yang Berhormat bagi Kepong, bagilah peluang saya bertanya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Masih berdiri]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh atau tidak kita sokong sahajalah usul kerajaan ini. Buang masa sahaja, buat apa Yang Berhormat. Modal Yang Berhormat ini, idea Yang Berhormat ini, semuanya kami sudah tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi peluang kepada kerajaan melaksanakannya, esok kita tengoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan ganggu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bersetuju atau tidak, Yang Berhormat. Yang Berhormat, bersetuju atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di Larut, dia kata tidak ada penjenayah, penagih pun tidak ada. Pengedar pun tidak ada di Larut. Itulah masalah kita sekarang, dia tidak menyedari, tidak mengakui dan tidak menginsafi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *Point of Order,* Tuan Yang di-Pertua. Bila masa saya bercakap tidak ada jenayah? Yang Berhormat, tolonglah. Yang Berhormat bagi Kepong, janganlah merapu dalam Dewan ini.

Dr. Tan Seng Giaw:: Tidak, tidak, tidak, tidak. Kita hendak menilai prestasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ikan kembung ikan kerapu, wakil Kepong suka merapu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak menilai prestasi penguatkuasaan akta tersebut. Itulah masalah kita hendak mentafsirkan betapa prestasinya berbanding dengan negara-negara yang tidak mempunyai akta yang sama. Ini yang penting sekali kerana di dalam negara ini penilaian itu sangat kurang sama ada di Larut, di Arau, di Jerai, di semua tempat penilaian itu kurang, bukan sahaja kurang penginsafan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:. Yang Berhormat, Yang Berhormat kadang-kadang cari fasal.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham, saya faham. Saya hendak membangkitkan…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana hendak gulung pula. Akta ini sudah mengambil 20 tahun dah, hendak panjangkan hingga lima tahun lagi? Saya hendak gulung dah, sebenarnya …

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya, gulunglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya, dan yang penting …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiap-tiap tahun Yang Berhormat juga berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Empat kali. Itu kerana masalah keadaan tidak berubah, bertambah buruk, bilangan penagih bertambah, bilangan pengedar bertambah dan walaupun kita ada 28 buah pusat serenti ….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lagi. Ada lagi. Saya akan gulunglah, tunggu sekejap. Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kalau kita hendak menguatkuasakan akta tersebut, kita mesti mempunyai bilangan anggota polis terutamanya skuad narkotik yang cukup dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua mesti beri kepada saya peluang untuk berucap di sini mengenai skuad narkotik kerana skuad inilah yang bertanggungjawab untuk menahan orang, untuk mengesan, untuk membuat *recce* dan sebagainya kerana skuad ini tidak mempunyai bilangan anggota yang cukup, yang terlatih serta kemudahan yang tidak cukup. Kereta-kereta yang digunakan itu kalau dibandingkan dengan pengedar-pengedar, susah itu, kenderaan polis itu semua yang sudah lama-lama, yang tidak boleh dibandingkan dengan pengedar itu, pengedar itu mempunyai kereta yang begitu laju, yang begitu mewah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan. Yang Berhormat, Yang Berhormat tahukah siapa ….

Dr. Tan Seng Giaw:: Tidak, tidak, tidak. Ini penting sekali.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, tidak ada masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada masa. Tidak ada masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa sebab …

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong ini tahukah siapa penjenayah? Yang naik kereta laju, yang naik kereta lebih canggih?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Larut tidak tahu dan Tuan Yang di-Pertua pun tidak tahu mengenai skuad narkotik kita ini yang tidak mempunyai cukup bilangan anggota, yang tidak mempunyai cukup kemudahan, yang tidak mempunyai cukup kereta yang laju dan sebagainya dan peruntukannya tidak cukup. Hari itu pihak Timbalan Menteri mengakui bilangan anggota polis tidak dapat ditambah dengan cepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Masa cukup tetapi ini penting. Kita hendak skuad narkotik kita yang terbaik di dunia. Yang ada sekarang sudah ketinggalan zaman dari segi pelbagai aspek termasuk peruntukan yang tidak cukup.

Seorang Ahli: Sila berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang akhir sekalilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Akhir sekali, saya hendak menekankan betapa pentingnya penilaian prestasi penguatkuasaan akta tersebut. Yang kedua, skuad narkotik, skuad narkotik, mestilah…. *[Disampuk].* Saya sudah ulang banyak kali tetapi keadaan tidak berubah, pi mai pi mai dok tang tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat…..

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, walaupun kali yang ke empat saya berucap di sini mengenai hal…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tahun hadapan tahun yang kelima tidak mengapalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai skuad narkotik saya berharaplah dengan ucapan saya pada hari ini kita dapatlah menyaksikan perubahan. Sekian, terima kasih.

Seorang Ahli: Tidak bernas.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Ketereh, Ketereh. Yang Berhormat, lima minit sahaja.

8.36 mlm.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak mengapa. Saya pun bukan hendak panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul ini atas kesedaran bahawa perkara ini adalah amat penting tetapi ada beberapa perkara yang saya ingin mendapat jaminan daripada pihak kerajaan walaupun saya penyokong kerajaan.

Yang pertama, dalam kes ini kita memberi kuasa penuh kepada Menteri Dalam Negeri selepas kita mendapat *recommendation* daripada polis untuk menahan seseorang yang disyaki di bawah dadah ini untuk ditahan tanpa bicara. Tahan tanpa bicara bermakna bukti untuk membawa mereka ke mahkamah tidak cukup. Apabila bukti tidak cukup, maka mereka ini disyaki.

Saya sendiri membawa kes ini, ada satu yang saya ikuti. Saya dapati ada beberapa *flaws* dalam perkara ini, kebimbangan saya dan saya rasa kebimbangan ini bukan saya seorang, tetapi kebimbangan ramai orang, sebab pengundi kita bukan sahaja orang baik, orang jahat pun mengundi kita juga, penagih dadah pun pengundi juga. Pengedar ini pun setengahnya pengundi juga tetapi yang ini kena hukum, yang itu tidak ada *question*, yang soal hendak mencegah dadah, hendak menangkap pengedar.

Tetapi kebimbangan saya ialah dalam penyiasatan, kadang-kadang orang ini dituduh kerana pengedar A telah ditangkap. Apabila pengedar ini dipukul, ditanya, dan diseksa oleh polis dia beritahu B juga mengedar dadah. Kadang-kadang pemberitahuan bahawasanya B itu mengedar kerana hendak mengelakkan dia daripada dipukul, maka B ditangkap. Apabila B kena pukul, B kena kurung dan B kena tahan, B pula kata C, dan C pula kata D. Akhirnya rangkaian ini keluar, baguslah dari segi penyiasatan, tetapi kebimbangan saya ialah takut-takut orang ini difitnahkan. Saya pernah ….

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ya.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh bahawa ada penyalahgunaan dari segi penguatkuasaan akta ini. Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh, bagaimanakah boleh kita memantau supaya pelaksanaan penangkapan ini selama 22 tahun ini dapat dijalankan secara adil dan saksama kerana banyak remaja yang telah menjadi mangsa akibat daripada penyalahgunaan kuasa ini oleh pihak-pihak tertentu. Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya pun tidak boleh hendak menjelaskan sebab saya ada perasaan yang sama. Saya mengikuti satu kes, seorang budak perempuan muda yang dahulunya anak kepada pembantu rumah saya. Saya merayu kepada kerajaan mengenai perkara ini dan saya menulis surat dan saya yakin bahawa dia mungkin terlibat secara kecil-kecilan. Tetapi apabila *recommendation* itu datang, polis yakin mengatakan bahawa dia memang terlibat, begini, begini. Saya pun tidak ada niat hendak *go against* kerajaan tetapi saya tengok tidak sampai kepada peringkat ia ini dibuat begitu rupa, akhirnya *recommendation* datang supaya ianya ditahan, disimpan gam dalam jel. Buktinya tidak ada, hanya A yang kata, B kata, C kata, D kata.

Kemudian apabila selepas disiasat, apabila ditanya kepada orang yang mengatakan D: "Tidak, saya kata hanya semata-mata kerana saya kena tangkap, maka saya kena, takut." Maklum sahajalah dalam seksaan. Saya berjumpa dan bukan senang hendak berjumpa dengan orang yang kena tahan ini, tidak boleh. Saya pernah pergi meminta hendak berjumpa, hendak bertanya sahaja, polis yang lebih besar lagi datang daripada di Bukit Aman sudah marah kepada Ketua Polis Balai. "Siapa kamu bagi? Kenapa kamu bagi? Kenapa dia bagi?" Polis ini pula takut kena pecat. Dia cukup takut. Polis sama polis ini cukup takut apalagi kalau yang datang dari Bukit Aman, kalau yang ada pegawai polis di kanan dan di kiri.

Saya menceritakan ini hasrat dan keluarga ini cukup marah kepada kerajaan sebab keluarga yakin bahawa anak dia tidak bersalah, sebab bukti tidak cukup. Tetapi kita bagi juga kuasa kerana kita tahu soal dadah ini adalah soal yang sangat penting kepada negara. Tetapi keluarga ini kata, "Apa kerajaan ini tidak boleh pertahan?" Saya kata, "Saya hendak pertahan macam mana, kamu buat salah."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Itulah, Kepong bercakap banyak merapu, ambil masa saya.

Seorang Ahli: Ini penting.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya hendak bercakap benda yang itu, saya tahu saya hendak gulung. Saya tahu masa kita panjang. Itu yang pertama, saya bimbang, saya minta jaminan kerajaan bahawa penyalahgunaan kuasa ini tidak boleh berlaku walaupun undang-undang kita, begitu saya hendak jaminan daripada kerajaan.

Yang kedua ialah katalah orang ini tidak kena Simpang Renggam tetapi kena buang daerah. Bila dibuang daerah, betulkah ada pendidikan untuk mereka ini atau kita hanya buang, biarkan dia begitu. Orang yang sudah kena ini kena buang daerah. Selepas dibuang daerah apa tindakan susulan kita? Kita ajar dia ke, kita didik dia ke, kita pujuk dia ke, tidak, kita biarkan dia begitu dan akhirnya orang yang dibuang daerah ini pun tidak dapat manfaat daripada pembuangan daerah. Dia jadi orang jahat yang diletakkan di daerah yang lain. Saya ingat macam campak dia di situ. Kita tidak bagi *follow-up,* tidak bagi pekerjaan, tidak jaga dia, tidak bagi pendidikan moral, biarkan begitu. Ini saya ikuti sendiri. Maka akhirnya jadi apa dia? Akhirnya buang daerahlah kita, kawan tu dah lah hilang pekerjaan, akhirnya kita dilihat sebagai zalim dan ingat *"Bila kamu menghukum mestilah kamu menghukum dengan adil",* itu al-Quran yang kata. Kalau kamu tidak menghukum dengan adil tengoklah di padang Mahsyar nanti, bila mati nanti, bila kita di sana nanti Allah akan menghukum kita kerana kita telah membuat satu hukuman yang tidak adil kepada manusia yang tidak boleh membela dirinya. Parlimen tidak boleh membenarkan perkara ini. Tetapi ia untuk kepentingan negara kita tahu *the cause* adalah lebih besar, mencegah adalah lebih baik. Saya

menyokong cuma saya minta jaminan kerajaan bahawa sebagai Menteri Dalam Negeri yang diberi kuasa untuk menilai perkara ini, nilailah sebaik-baiknya dan jangan takut untuk membuat keputusan seadil yang mungkin untuk rakyat negara ini demi untuk masa depan bangsa Malaysia yang kita cintai.

Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.44 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ketereh yang telah mengambil bahagian dan memberi hujah-hujah dalam perbahasan mengenai resolusi usul untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini bahawa usul yang dibentangkan pada hari ini adalah bertujuan untuk mendapatkan satu persetujuan untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Parlimen yang berucap menyokong perlanjutan ini walaupun mereka telah melafazkan dan memberikan beberapa pandangan-pandangan yang akan diberi pertimbangan semasa kita menjalankan tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang apabila kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai musuh yang pertama daripada tahun 80-an dan disambung dengan kempen memerangi dadah pada tahun 2003, kerajaan menganggap semua pengedar tidak mengira besar atau kecil supaya kita dapat mengatasi masalah ini dan kita ingin dari aspek perundangan kerajaan telah menggubal beberapa akta yang bertujuan untuk membendung aktiviti pengedaran dadah ini seperti Akta Ddah Berbahaya atau akta ibunya Akta Dadah Berbahaya 1952 dan sekarang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas). Selain dari itu memang ada termasuk perlucutan hak harta dan sebagainya.

Yang Berhormat Kepong telah membangkitkan berkenaan kebimbangannya dari segi skuad narkotik yang tidak mencukupi dan memang ini satu masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan dan anggota polis tidak mencukupi. Sebenarnya kita masih memerlukan lebih kurang 6,000 anggota polis untuk skuad narkotik tetapi setakat ini Dewan yang mulia ini telah meluluskan penubuhan satu agensi yang dinamakan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di mana selain daripada pemulihan, penguatkuasaan telah diberi kepada AADK ini dan dengan kerjasama daripada pihak polis, kita berharap bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak ataupun bahagian narkotik ini dapat dijalankan dengan kerjasama polis dan AADK yang akan dilaksanakan selepas kelulusan Dewan Negara.

Yang Berhormat bagi Kepong telah pun membangkitkan berkenaan dengan keberkesanan tindakan polis. Setakat ini saya ingin menerangkan bahawa di antara tahun 2002 hingga 2004 Polis Diraja di peringkat Bukit Aman, tidak termasuk kontingen-kontingen lain telah melaksanakan 48 operasi seperti operasi 'Aberlony' dan operasi 'Tulip' dan sebagainya. Dalam operasi-operasi ini ada beberapa sindiket besar sama ada dalam negeri atau luar negeri telah diambil tindakan dan seramai 258 orang telah berjaya ditangkap sama ada di bawah seksyen 39B Akta Berbahaya 1952 ataupun di bawah seksyen 31 di bawah Akta Dadah Berbahaya 1985 sewaktu operasi tersebut dan hasil tindakan pun telah boleh kata di mana nilai rampasan dadah keseluruhan adalah melebihi atau tidak kurang daripada RM68 juta. Aset atau harta yang disita atau dirampas ialah lebih kurang RM85 juta manakala di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Hak Harta) lebih kurang RM17 juta pun telah berjaya dilucutkan dan sekali gus untuk melumpuhkan kegiatan mereka.

Inilah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menerangkan kepada pihak Yang Berhormat bagi Kepong bahawa memang ada kesannya di bawah akta-akta dan operasi-operasi yang dijalankan oleh pihak polis.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh kerana telah membawa satu kes yang khas yang akan dikaji kalau ada bukti tetapi memang di

bawah akta ini dan di bawah sistem yang sedia ada mempunyai satu, dengan izin, *check and balance* ataupun semak dan imbang, satu mekanisme di mana adalah di bawah akta ini yang boleh dilihat melalui kebebasan yang dibuat di antara peringkat Eksekutif dan di peringkat Lembaga dan juga memberi peluang kepada mereka melalui mahkamah dan sebagainya.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, antara tahun 2000 sehingga bulan Oktober tahun 2004 atau tahun ini, daripada 9,260 kes fail yang telah dihantar kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, seramai 525 individu telah pun dibebaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri manakala seramai 31 orang telah pun dibebaskan oleh Lembaga Penasihat; seramai 61 orang lain lagi telah dibebaskan oleh mahkamah setelah permohonan *writ of habeas corpus* mereka dibenarkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks in pihak eksekutif sentiasa menghormati sebarang keputusan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat mahupun mahkamah ataupun Lembaga Penasihat. Justeru itu tidak timbul soal eksekutif lebih berkuasa daripada kedua-dua cabang tersebut. Kalau itu berlaku sudah tentu tiada pembebasan yang telah berlaku dan kita pun mempunyai satu *check and balance* atau mekanisme semak dan imbang di peringkat tangkapan polis. dan

Di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) kita mempunyai seorang pegawai siasatan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan bukanlah seorang polis atau lain tetapi dia memang merupakan pegawai siasatan di bawah kementerian. Dan ini dilihat amat berkesan untuk memastikan bahawa pihak polis tidak menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka dalam menguatkuasakan akta ini. Setiap kes atau setiap *subject* akan ditemui dan disiasat oleh pegawai siasatan yang dihantar oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa pihak polis telah menyalahgunakan kuasa mereka kerana pembebasan boleh berlaku atas beberapa sebab seperti saksi-saksi yang tidak dapat dikesan bagi tujuan siasatan fizikal oleh pegawai penyiasat ataupun kadang-kadang kes maksiat dan sebagainya.

Inilah yang dikatakan sistem *check and balance* yang telah diadakan. Walau bagaimanapun, andai kata ada tujuan, ada dakwaan atau aduan di mana pihak polis telah menyalahgunakan kuasanya atau menggunakan kelebihan keganasan atau kekerasan untuk mendapatkan pengakuan *subject,* memang ada mekanismenya untuk membuat aduan dan pihak kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana anggota mahu pun pegawai yang didapati bersalah dengan perkara ini. Tindakan setimpal tetap akan diambil terhadap mereka tanpa mengira kedudukan mahupun pangkat yang disandang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Selain daripada proses perundangan, Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai mekanisme dalaman sendiri seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Polis yang akan menyiasat perkara tersebut berdasarkan aduan yang dikemukakan. Jikalau terbukti bahawa dakwaan tersebut adalah benar, kementerian tidak teragak-agak untuk mengenakan hukuman setimpal di atas perbuatan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan apa yang dikatakan buang daerah atau sekatan dan berkenaan dengan pemulihan, memang kadang-kadang mempunyai pemulihan yang tidak mencukupi, tapi saya ingin menegaskan di sini bahawa kita pun percaya bahawa masyarakat ataupun keluarga akan seharusnya sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam usaha pemulihan dan inilah diharapkan kita dapat menjalankan satu program pemulihan yang begitu baik. Penerimaan masyarakat dan keluarga adalah satu prasyarat yang penting….

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya mohon penjelasan sebab saya yang menyebut soal pemulihan. Dalam kes yang saya sebutkan tadi, *she is just a poor girl at the age of only* t*wenty-four years old,* dengan izin. Seorang budak perempuan yang hanya berumur 24 tahun *and a breadwinner* kepada keluarga, duduk bersama seorang nenek. Yang ada hanya neneknya, sekarang dia hilang pekerjaan, sekarang dia tidak ada pekerjaan, sekarang dia kena buang daerah. Hendak ke mana dia? Rumah kena sewa, pergi ke tempat yang dia tidak pernah biasa, tidak ada keluarga, tiap-tiap hari dia lapor diri pada polis. Okaylah. Lepas itu dia balik hendak buat apa?

Tidur di rumah tetapi tidak ada program susulan cari kerja untuk dia, bagi pemulihan. Kalaulah dia didapati betul-betul seorang pengedar atau seorang penghisap atau apa pun, itu maksud saya. Mesti ada sistem bila kita buang daerah seseorang, kerana tujuannya ialah hendak memulihkan perangai dan sifatnya yang buruk itu. Kalau kita hanya bagi pergi macam itu sahaja, tinggal macam itu, akhirnya apa hendak jadi? Budak ini yang saya sebutkan tadi ini, yang saya buat surat rayuan, dia bukan keluarga saya pun, bukan pengundi saya pun, hanya seorang manusia yang datang bertemu dengan saya *by accident* kerana dulu ada *connection* sebab maknya pernah bekerja dengan saya dan saya tengok keadaannya cukup daif. Neneknya hampir mati sekarang, duit tidak ada, dia sendiri kena cari makan. Dan yang kena sebenarnya *boyfriend* dia, atau orang kelilingnya. Dia hanya pada saya *an innocent bystander.* Pada sayalah. Walau bagaimanapun, saya yakin kerajaan telah menyiasat dengan teliti, kerajaan telah buat tindakan. Saya yakin dengan polis, bukan tidak yakin, tetapi ada sedikit kebimbangan *over zealousness* dalam melaksanakan kuasa yang ada ini. Itu sahaja kebimbangan saya. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasihlah, saya tidak berhasrat untuk membincangkan kes yang spesifik di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi pada pengalaman kementerian kita, memang seperti yang saya kata tadi mempunyai satu *check and balance,* satu sistem di mana kita menghantar pegawai siasatan kepada semua kes dan menemu duga *subjects* berkenaan ..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam pesanan pertama Tuan Yang di-Pertua sewaktu dilantik menjadi Speaker, Tuan Yang di-Pertua berpesan pihak kerajaan biarlah jawab pendek tetapi padat. Ini panjang sangat Timbalan Menteri jawab, fasal apa? Kita hendak balik ni, tiga, empat jam dalam perjalanan. Cukuplah, ini Bil tahun 85 sudah dibahaskan. Ini rutin sahaja lima tahun, lima tahun kita panjangkan. Apa benda hendak jawab panjang-panjang? Kita sudah faham dah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Nampaknya itu bukan penjelasan tetapi walau bagaimanapun, saya akan habis menggulung dengan satu keterangan yang saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh bahawa selepas siasatan oleh pegawai siasatan….

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Gulung sahajalah, tidak apa. *No problem.*

Tuan Chia Kwang Chye: Ada, ada ramai orang yang mengakui bila kita tengok keseriusan mereka dan membuat keputusan. Bila kita menyekat seseorang itu, kita memang ada buat kajian di mana letaknya tempatnya, kadang-kadang ada keluarga atau saudara berkenaan untuk memilih satu tempat yang baik untuk pemulihan dari segi perintah sekatan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat dan kepada semua yang telah memberi kerjasama. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

USUL

AKTA KASTAM 1967

(1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2004;

(2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2004;

(3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2004;

(4) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2004;

(5) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2004;

(6) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2004;

(7) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2004

(8) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2004;

(9) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2004;

(10) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.5) 2004;

(11) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.6) 2004;

(12) Perintah Duti Kastam (Tioman) 2004;

(13) Perintah Duti Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2004.

9.01 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah-perintah berikut:

(1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2004 (ST.203/2004)

- P.U. (A) 170 bertarikh 27 Mei 2004;

(2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2004 (ST.204/2004)

- P.U. (A) 190 bertarikh 10 Jun 2004;

(3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2004 (ST.205/2004)

- P.U. (A) 191 bertarikh 10 Jun 2004;

(4) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2004 (ST.206/2004)

- P.U. (A) 236 bertarikh 8 Julai 2004;

(5) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2004 (ST.207/2004)

- P.U. (A) 256 bertarikh 29 Julai 2004;

(6) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2004 (ST.209/2004)

- P.U. (A) 313 bertarikh 10 September 2004;

(7) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2004 (ST.210/2004)

- P.U (A) 174 bertarikh 27 Mei 2004;

(8) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2004 (ST.211/2004)

- P.U. (A) 192 bertarikh 10 Jun 2004;

(9) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2004 (ST.212/2004)

- P.U. (A) 237 bertarikh 8 Julai 2004;

(10) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.5) 2004 (ST.213/2004)

- P.U. (A) 257 bertarikh 29 Julai 2004;

(11) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.6) 2004 (ST.215/2004)

- P.U. (A) 315 bertarikh 10 September 2004;

(12) Perintah Duti Kastam (Tioman) 2004 (ST.216/2004)

- P.U. (A) 239 bertarikh 8 Julai 2004;

(13) Perintah Duti Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2004 (ST.218/2004)

- P.U. (A) 346 bertarikh 7 Oktober 2004.

Yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. ST. 203 hingga ST. 216 dan ST. 218 tahun 2004 disahkan. "

Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua hendak, saya beri penjelasan, agak panjang sikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan, ringkaskan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak perlu, tidak perlu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada enam muka lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan apa maksudnya. Maksudnya, ringkaskan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Semua perintah bertulis ini dikeluarkan hendak dibentangkan dan di*endorse* di sini, itu sahaja.

Beberapa Ahli: Okay, itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Penjelasan memang ada tetapi panjang.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya memandangkan Perintah Duti Kastam (Pindaan) ini penting, dimohon supaya diterima tanpa bahas, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini tidak begitu faham mengenai masalah yang dibentangkan di sini, kadangkala tidak ada misalnya P.U. (A) 236, dia kata sekian, sekian nama ini dan dengan menggantikan perkataan "10%" dengan perkataan "5%", keterangan mesti tidak ada. Mereka ini tidak begitu faham, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, susahlah sekali.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua…

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama agaknya? Lima minit boleh?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Boleh, saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Okay, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2004, P.U. (A) 170 bertarikh 27 Mei 2004. Perintah ini disediakan bagi tujuan menyelaraskan kadar duti import ke atas *multi sourcing parts* dengan kadar duti ke atas komponen CKD yang telah diturunkan berikutan daripada pelaksanaan struktur cukai baru ke atas kenderaan penumpang berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Yang kedua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2004, P.U. (A) 190 bertarikh 10 Jun 2004. Perintah ini bertujuan untuk mewujudkan satu tarif kod khusus iaitu 8479.89200 bagi mesin yang digunakan untuk membuat CD dan VCD dengan deskripsi sebagai *optical disc mastering* dan *duplicating machine* untuk memudahkan tindakan penguatkuasaan menangani dan mengatasi aktiviti cetak rompak dan penghasilan CD dan VCD haram.

Yang ketiga, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2004, P.U. (A) 191 bertarikh 10 Jun 2004. Akta ini bertujuan untuk meminda Nota Kebangsaan kepada Bab 44 dalam Perintah Duti Kastam 1996 mengenai tarif mentakrifkan kayu *large*, *scantling* dan *squares* (LSS). Pindaan ini telah dicadangkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia kerana pentakrifan sedia ada di Nota Kebangsaan Bab 44 boleh membawa kekeliruan dan disalahtafsirkan seolah-olah hanya kayu jenis kecil sahaja yang dilarang dan jenis besar tidak termasuk dalam perintah larangan.

Yang keempat, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 2004, P.U. (A) 236 bertarikh 8 Julai 2004. Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar duti import produk teknologi maklumat daripada 10% kepada 5%. Pindaan ini selaras dengan komitmen Malaysia kepada WTO di bawah Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) supaya kadar duti import diturunkan ke paras 0% secara berperingkat mulai tahun 1997 hingga tahun 2005.

Yang kelima, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2004, P.U. (A) 256 bertarikh 29 Julai 2004. Perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti import 7% ke atas *uncoated wood free printing and writing paper* di bawah kod tarif 4802551904802.56190….

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua…..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa tidak perlulah Setiausaha Parlimen, pasal ini menyelaraskan, menyesuaikan, melicinkan tindakan penguatkuasaan kastam atas duti-duti yang telah diterima lebih awal. Dia mengemaskinikan lagi, kita terima, selesailah, apa hendak bincang panjang-panjang? Apa pula kita tidak faham? Kepong kata kita tidak faham, kita faham.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca di statut ini dan Yang Berhormat bagi Kepong membuat tohmahan-tohmahan yang salah. Ini begitu penting sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tohmahan yang salah pula?

Seorang Ahli: Yang Berhormat merapu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi? Tujuan sahaja, jangan sebut *detail*, nombor dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tujuan sahaja, tujuan, tujuan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tujuan seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, iaitu membentangkan perkara-perkara yang telah pun dilaksanakan oleh pihak kastam.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, okay baik. Terima kasih. Ada yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah terbuka untuk dibahas. Kepong.

9.09 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bagi peluang. Sebenarnya di dalam ini tidak ada *detail*, butiran tidak cukup. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tidak tahu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya tahu Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Butir ketereh di luar! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Mana ada?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ada! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat baru baca!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Butir ketereh 'dok' luar Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sebenarnya setiap tahun kita ada pecahan, tahun ini kerana selepas kenyang itu kita tidak berminat.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini kali pertama kita makan dahulu, lain kali tidak bolehlah makan dahulu, makan dahulu bila kenyang hendak kembali ke rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat…

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, …

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang Berhormat…

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak perlulah kerana saya pun faham semua orang hendak balik. Walau bagaimanapun bolehkah sedikit sebanyak menerangkan dengan lebih sedikit, dua minit mengenai P.U. (A) 170 – mengenai *Four Wheel Drive*, hendak kurangkan duti, dan adakah ini kena-mengena dengan CEPT dan mengenai CD dan VCD itu, apakah maksud dengan dasar itu? Adakah kita hendak galakkan CD dan VCD dan sebagainya?

Apakah maksud dengan dasar ini, adakah kita hendak mengalakkan CD dan VCD dan sebagainya. Mengenai PUA.1 9/1 mengenai kayu yang besar, kayu yang kecil dan sebagainya, Cameron Highlands tidak faham langsung….

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kepong! Kepong!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak pendekkan sahaja, pendek sahaja tentang banyak-banyak perkara yang ……

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya faham, ini Yang Berhormat bagi Kepong selalu kata tidak faham, tidak faham, apa cerita ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, tidak….

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua!

Dr. Tan Seng Giaw: Cemaron Highlands, Cameron Highlands, tidak ada di dalam!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Seminit sahaja lagi hendak gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Kertas Statut ini semua ini tidak ada, bukan semua yang ada, ini yang terlibat RM30, RM40 bilion ringgit, bukan main-main Cameron Highlands.

Hasil itu penting, kalau balik ke bunga Cameron Highlands pun tidak sampai RM1 bilion, tetapi masalah di Cameron Highlands itu, Tuan Yang di-Pertua pun tahu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dia buang masa Tuan Yang di-Pertua!

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Ya, ya, ya….mengenai beberapa perkara mengenai tarif berharmonis dan juga tarif keutamaan sama rata CEPT dan sebagainya, ini saya tidak akan berbincang dengan panjang lebar. Cuma saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, bilakah semua ini akan diselesaikan dengan tarif berharmonis ASEAN dan juga tarif keutamaan sama rata ini. Bilakah akan kita tiap-tiap tahun kita ada buat peruntukkan dan mengurangkan dari tahun ke tahun? Sampai bilakah akan selesaikan hal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab, sila menteri jawab.

9. 12 mlm

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong tanya banyak sangat ini saya ingat saya bagi secara bertulis kalau hendak cepatkan.

Beberapa Ahli: Ya..setuju!

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Macam mana boleh setuju pula?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diluluskan.

> "Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 8 yang telah dibentangkan sebagai kertas-kertas Statut Bil. 203 – 216 dan 218, tahun 2004 disahkan."

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

USUL

AKTA EKSAIS 1976

(1) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 2004 (ST.219/2004) – P.U (A) 182 bertarikh 3 Jun 2004

(2) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2004 (ST.144/2004) – P.U (A) 314 bertarikh 10 September 2004

9.13 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua,

> "Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976 Perintah berikut:
>
> 1. Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 2004 (ST.219/2004) – P.U (A) 182 bertarikh 3 Jun 2004
> 2. Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2004 (ST.144/2004) – P.U (A) 314 bertarikh 10 September 2004

Yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 129 dan ST. 144 tahun 2004 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, perintah pertama tadi ialah perintah disediakan bagi tujuan memasukkan tajuk bagi barangan di bawah kod tarif 8703 dan *point* 31 ke dalam Perintah Duti Eksais 2004 seperti berikut untuk memberi ketelusan kepada penjenisan kenderaan dan memudahkan import. Tarif 8703.31, *'other vehicles with compression ignition internal combustion piston engine, diesel and semi-diesel'*

Yang kedua ialah Perintah Duti Eksais (Pindaan) No.3. Perintah ini disediakan bagi menaikkan Duti Eksais ke atas rokok termasuk curut, *cigar dan cigarillo* serta minuman keras, menyeragamkan *unit of quantity* bagi minuman keras dan menyelaraskan kadar Duti Eksais ke atas rokok dan minuman keras. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya sekarang ialah terbuka untuk dibahas. Ya. Yang Berhormat Kepong, sila.

9.15 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini ringkas sahaja, tidak payah bising sangat. PU.(A) 182, mengenai *vehicles* dengan semi-diesel dan sebagainya, bolehkah terang sedikit, tidak payah buat bertulis, terangkan sahaja, apakah *vehicles* yang dimaksudkan dengan semi-diesel dan sebagainya. Seterusnya, ini mengenai dengan Sri Gading pun hendak tahu, semua perokok di sini hendak tahu dan saya berharap dengan adanya Perintah Duti Eksais ini, yang perokok itu akan berhenti. Ini semua akan dikenakan dengan Duti Eksais yang teruk sekali.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Boleh kena bayar?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah hendak merokok di sini, kalau dia tidak merokok di sini kita tidak payah bentangkan di sini, ini masalah!

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat ….

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, dia 'pi mai, pi mai tang tu' juga!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini apa 'pi mai, pi mai tang tu' pula, ini Cameron Highlands tidak ada pi mai, pi mailah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah ada jawapan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak..Tuan Yang di-Pertua, ya bolehkah Yang Berhormat terangkan ….

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan dikenakan Duti Eksais ini apakah jumlah yang akan kita kutip pada tahun hadapan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: …rokok dan minuman keras?.

9.16 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Kepong ini dia selepas makan dia banyak soalanlah ini, lain kali jangan pergi makan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini adalah teknikal, apa yang diminta tadi adalah perkara-perkara yang saya perlu notislah, saya minta hendak jawab bertulis juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

> "Masalahnya bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 9 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. 129 dan 144/2004 disahkan."

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

USUL

AKTA JUALAN 1972

(1) Perintah Cukai Jualan (Tioman) 2004 (ST.217/2004_

- P.U.(A) 241 bertarikh 8 Julai 2004

USUL AKTA CUKAI JUALAN 1972**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

> "Bahawa Majlis ini mengambi ketetapan iaitu menurut kuaa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972 Perintah berikut:
>
> Perintah Cukai Jualan (Tioman) 2004 (ST.217/2004_
> - P.U.(A) 241 bertarikh 8 Julai 2004
>
> Yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 217 tahun 2004 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan ini bertujuan untuk mengenakan cukai jualan ke atas kenderaan yang di bawa masuk ke Pulau Tioman walau pun pulau tersebut telah diwartakan sebagai pulau bebas cukai. Tujuan pengenaan adalah sama seperti yang telah dijelaskan dalam pengenaan Duti Import.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya sekarang ini terbuka untuk di bahas. Ya, Kepong.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, dia syok sendiri.

9.18 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Pak Lah ini ikut sahaja. Betul tidak betul ikut ya ya sahaja, Pak Lah itu sahaja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat bincang habis…….

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, saya berharap Yang Berhormat dapat jawab sedikit kerana dia merupakan Setiausaha di dalam….

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, Yang Berhormat apa soalannya?

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi saya hendak tanya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dia buang masa Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Pulau Tioman ini bebas cukai, sekarang kita hendak kenakan duti ke atas kereta atau kenderaan dibawa daripada sini ke Pulau Tioman, apakah maksudnya? Kalau begitu kita janganlah beri status bebas cukai, itu sahajalah. Tolong jawab sedikit kerana dia tidak dapat jawab setakat ini, tidak dapat berfungsi sebagai Setiausaha di dalam Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, baik Yang Berhormat, Sila jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak dapat latih!

9.18 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat sudah pergi ke Pulau Tioman atau belum?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dia dikepong!

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dia dikepong ya *[ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan soal lagi nanti dia jawab banyak lagi! *[Ketawa]* Setiausaha sila teruskan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Pulau Tioman adalah sebuah pulau peranginan jadi memang saya telah pergi ke pulau itu, pulau ini memang cukup ideal untuk berehat. Memang ada kenderaan di situ. Tujuan pulau itu memang khas untuk pelancong-pelancong. Dia tidak seperti Pulau Langkawi kerana Pulau Langkawi ramai orang dan pelbagai kemudahan ada di sana. Tetapi Pulau Tioman adalah sebuah pulau kecil dan yang kerajaan hendak galakkan ialah barangan-barangan lain, bukan kereta. Kereta boleh beli di Langkawi ataupun di mana-mana tempat lain ataupun di Labuan. Jadi memang kerajaan tidak mahu galakkan penjualan kereta di sana, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

> "Bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 10 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. ST 217 Tahun 2004 disahkan,"

hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

USUL

PELANTIKAN PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BAGI PARLIMEN KESEBELAS

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan rakyat 77 (2) saya mohon mengemukakan Usul seperti berikut:-

> "Bahawa Yang Berhormat Dato' Shahrir bin Samad, Ahli bagi Kawasan Johor Bahru dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang baru bagi Parlimen Kesebelas."

Tuan Yang di-Pertua: Sokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

9.22 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau mahu balik, baliklah. Jangan ganggu perjalanan Parlimen ini yang serius.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Kita undi, kita undi.

Tuan Lim Kit Siang: Takut tidak cukup kuorum bukan? Mahu balik, balik! Jangan ganggu!

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Ini tohmahan, Tuan Yang di-Pertua, tohmahan. Sudah cukup kuorum sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sikap tidak bertanggungjawab yang tidak matang yang tidak patut diadakan. Dengar apa saya akan cakap.

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ketua Pembangkang tidak matanglah. Ini jelas ketua jadi Menteri apa lagi? Apa mahu bahas lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu buang masa sekarang. Apa lagi, mahu buang masa sekarang atau mahu terus? Tuan Yang di-Pertua, dengar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cakaplah!

Tuan Lim Kit Siang: Dengar!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cakaplah!

Tuan Lim Kit Siang: Dengar!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cakaplah!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya mahu melahirkan *disappointment* saya bahawa sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah berkali-kali kata bahawa dia berhasrat tengok Malaysia menghapuskan penyakit *First World Parliament* dan *First World infrastructure* dan *Third World Mentality* tetapi nampaknya kita belum sampai kepada satu tahap di mana kita boleh mengadakan satu situasi atau satu keadaan di mana kita adalah seorang ahli pembangkang menjadi Pengerusi PAC.

Beberapa Ahli: Tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh? Negara yang lain boleh, Malaysia tidak boleh! Malaysia negara keempat. Malaysia tidak *developed*, Malaysia seperti Rwanda, Malaysia seperti negara-negara yang mundur. Adakah ini ertinya?

Tuan Yang di-Pertua, selama Malaysia tidak boleh menerima hakikat bahawa cara *check and balance* yang terbaik sekali untuk kerajaan ialah ada seorang ahli pembangkang mengetuai PAC. Selama kita tidak rela menerima kenyataan ini, selama itulah Malaysia tidak layak menjadi *First World* di dunia ini. Tidak akan sampai menjadi *First World* selama itu. Itu sahaja. *Conscience* kita sendiri sebagai dunia keempat. Tentu orang di dalam dunia keempat tidak tahu mereka dalam dunia keempat. Dia rasa mereka dalam dunia pertama seperti semua ahli-ahli di sini. Mungkin disebabkan itu.

Kita tinjau dalam sejarah dekat 50 tahun sejarah Parlimen sudah ada sejarah *Public Account Committee* dengan Pengerusi daripada pihak pemerintah. Kenapa sampai sekarang? Adakah kita boleh tanya rakyat Malaysia siapa PAC *Chairman* bila-bila. Bolehkah dapat jawapan? Tidak ada. Tidak ada rakyat Malaysia yang boleh ingat siapa PAC *Chairman* oleh kerana sampai sekarang dalam sejarah Malaysia dekat 50 tahun kita belum boleh mengeluarkan, dengan izin, "*a great PAC Chairman"* dalam *history* Malaysia.

Tidak ada seorang PAC *Chairman* yang boleh dikatakan yang agung. Kenapa? Oleh kerana tidak mungkin seorang dari parti pemerintah yang menjadi Pengerusi PAC boleh menjadi PAC *Chairman* yang agung oleh kerana sistem yang terhad. Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak faham. Mungkin lebih baik cakap kepada pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswi, mereka lebih faham. Semua di sini *over- qualified*.

Seorang Ahli: Cabar siapa cadanglah!

Tuan Lim Kit Siang: Selalu *over-qualified* sehingga tidak *qualified*. Ini perkara yang serius, bukan main-main. Bersetuju atau tidak setuju itu hal yang lain. Perkara yang serius jangan main-main.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya teruskan. Itulah yang penting. Saya kata saya *disappointed* bahawa kita boleh sampai tahap di mana kita boleh menerima seorang pembangkang sebagai Pengerusi PAC dan oleh kerana selama itu kita tidak boleh sampai itu kita akan dalam dengan izin, *bad waters* dunia mengenai *accountability*, *good governance, transparency* kita tempat yang betul.

Sungguhpun saya sangat *disappointed* mengenai keadaan itu saya sokong dengan sepenuhnya cadangan yang dikemukakan kepada kita bahawa Yang Berhormat bagi Johor Bahru menjadi Pengerusi PAC. Kita di sini *responsible*. Kita ada *attitude*, ada prinsip, ada pandangan serius. Oleh kerana kita pun ada harapan yang tinggi bahawa beliau bolehlah buat satu *precedent* dan boleh menjadi Pengerusi PAC agung yang pertama dalam sejarah Malaysia, *the first great PAC Chairman*. *[Tepuk]*

Itulah *high expectation* kita. *High expectation* saya dan saya rela memberikan sokongan 100% supaya dia boleh menjadi "*a great PAC Chairman"* bukan untuk kepentingan beliau, bukan untuk kepentingan Barisan Nasional tetapi untuk kebaikan negara kita yang kita semua cinta. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Sudahlah!

Tuan Lim Kit Siang: Baru mula. Baru mula. *At the time,* dengan izin, mahu balik, baliklah! Kenapa mahu tinggal, baliklah. Kita janji kita tidak panggil *no quorum*, boleh balik. Baliklah! Saya janji tidak akan panggil tidak cukup kuorum, jangan takut. Balik!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Haa. Apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh baliklah!

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, isi bahasnya tidak tepat.

Tuan Lim Kit Siang: Cameron Highlands, baliklah Cameron Highlands *violence*.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan kita khasnya dalam masa saya percaya bahawa kedua-dua pihak harap kita mahu Parlimen Malaysia menjadi *First World Parliament*, mustahak bahawa kita ada *First World* PAC.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan jangan diulang-ulang. Ya, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mahu mengganggu - itulah. Oleh kerana PAC mustahak untuk memainkan satu peranan dalam *check and balance* mekanisme supaya kita boleh menunjukkan *accountability, transparency, integrity*.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Itu kita tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Tahu, mana tahu!

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Tahulah!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak faham, cakap sahaja tahu, buat tidak tahu, cakap tahu, buat tidak tahu. Ha, itu masalah, kita mahu cakap tahu, buat pun tahu, bukan cakap tahu buat tidak tahu.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Kita tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Itu *definition hypocrisy*, cakap tahu buat tidak tahu.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Tahu, kita tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Hipokrit pun tentu cakap tahu, hipokrit tidak akan bercakap tidak tahu. Kalau dia cakap tidak tahu dia bukan hipokrit.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang cakap sepuluh kali hipokrit.

Tuan Lim Kit Siang: Yalah, dia mahu provokasi dia dapat itulah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Kita boleh tunggu sampai pukul tiga pagi pun *no problem, go on.*

Tuan Lim Kit Siang: Saya berharap bahawa di bawah pimpinan Yang Berhormat bagi Johor Bahru kita mahu PAC menjadi satu badan, satu jawatankuasa yang bukan sahaja *respected* tetapi ditakuti. *Feared, respected and feared* oleh kerajaan, *civil service* dan *front bench*, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri mereka *are respected* dan *feared* oleh kerana PAC akan menjalankan tugas untuk siasat, periksa segala penyelewengan *public account,* itu yang kita mahu.

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Baru mula. Baru-baru ini satu *burning issue* di negara kita ialah senarai yang panjang mengenai projek infrastruktur kerajaan yang gagal, sama ada PMC atau bukan PMC. Ini semua bermula di dalam Dewan yang mulia ini, pada Oktober ada Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional, yang mendesak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya *resign* oleh kerana dia patut memikul tanggungjawab kegagalan projek-projek sama ada hospital, sekolah, lebuh raya.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Ini keluar tajuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: *Accountability,* patut pergi *Public Accounts Committee*.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Ini berkaitan dengan *Public Accounts Committee* Tuan Yang di-Pertua. Ketua Pembangkang telah keluar tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dengar Menteri Kerja Raya semasa dahulu, bulan Oktober apabila Ahli-ahli Barisan Nasional hentam Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, mana Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pergi?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Menjalankan tugas di United Nations!

Tuan Lim Kit Siang: Pergi … *[Dewan riuh]* Sekarang garang, cakap apa?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Memperjuangkan tanggungjawab terhadap negara.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Yang Berhormat menjatuhkan peranan saya di United Nations!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bising-bising sahaja. Itu satu isu yang mustahak, yang sepatutnya PAC sekarang sudah patut memeriksa masalah PMC dan bukan PMC ini, itu sudah empat, lima tahun dan angka bukan kecil. Oleh kerana pada 23 Jun 2003, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pernah memberikan angka-angka bahawa untuk tahun 2002 nilai projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah bernilai RM23.5 bilion. Daripada angka ini RM7 bilion dikendalikan oleh JKR ialah lebih kurang 30%, tetapi saki bakinya ialah RM16.5 bilion ialah 70% bagi kepada PMC.

Yang Berhormat Menteri kata 30% sahaja mengikut jadual. Itu satu isu, yang *burning issue* dan apabila dalam bulan Oktober tahun lalu bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ada bentang *mid-term review,* dia ada memberikan angka bahawa untuk

2001 sehingga 2003 perbelanjaan *development projects, development expenditures* ialah RM110 bilion dan akan menambah RM50 bilion lagi sehingga RM160 bilion untuk lima tahun ini dan berapa bayaran PMC mengikut perbahasan dalam Kementerian Belia dan Sukan kita diberitahu, bahawa PMC bayar daripada kos projek ialah 1% ke 3%.

Kalau itulah PMC dapat 1% ke 3% kos projek dan projek di bawah *Eighth Malaysia Plan* ialah RM160 bilion dan 70% ialah PMC. Ini bererti bahawa RM1.2 bilion kepada RM3.6 bilion menjadi bayaran kepada PMC. Angka besar, saya berharap bahawa PAC akan memberi keutamaan kepada perkara ini. Ini mustahak, penting dan mungkin di atas Pengerusi baru PAC bolehlah menunjukkan *colour* beliau, bahawa bolehlah dengan menunaikan harapan semua orang yang mahu *a great PAC Chairman emerge* dalam sejarah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berharap bahawa PAC boleh membentangkan satu laporan mengenai kajian ini dan perakuan-perakuan ini mungkin dalam Parlimen, sesi yang kedua apabila dimulakan pada bulan Mac tahun hadapan. Itu harapan kita bahawa dalam *Parliamentary …..,* dalam sejarah Malaysia kita boleh memulakan seorang *PAC Chairman* yang diketahui oleh orang ramai. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

9.40 mlm.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan, dalam soal usul yang telah dikemukakan. Saya ingin memberikan sedikit pandangan saya, mungkin mengapa tidak pernah ada calon daripada pembangkang menjadi Pengerusi PAC kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Saya rasa ini disebabkan pada pandangan saya bahawa tidak ada wujudnya satu keadaan *viable opposition*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan oleh kerana kita ini tidak ada mempunyai *viable opposition* dan kita tidak lihat ketokohan daripada pembangkang. *[Tepuk] [Ketawa]*

Mungkin sebab itulah, dan ini bukan silap sesiapa, saya rasa kerana mungkin kita kena tunggu satu ketika nanti apabila akan wujud satu tokoh yang *a great opposition leader*, umpamanya. *[Ketawa] [Tepuk]* Ataupun *a great Parliamentarian*, kerana apa yang kita harus utamakan ialah kewujudan fahaman bahawa sebagai Ahli Parlimen bukan untuk menjadi seorang pembangkang atau seorang penyokong yang terkemuka atau ternama, tetapi untuk menjadi seorang Ahli Parlimen yang ternama di dalam menjalankan tugas kita dan tanggungjawab kita terhadap negara, terutama dalam mempertahankan Perlembagaan Negara.

Saya percaya bahawa Public Accounts Committee yang sudah dikendalikan selama ini dalam beberapa Parlimen daripada awal sampai sekarang, sudah pun memainkan peranannya yang boleh dibanggakan. Setiap pengerusi Jawatankuasa Akaun Negara memang memainkan peranan mereka masing-masing dengan bijaksana tanpa mencari *publicity* atau mencari nama bagi diri mereka sendiri. Saya tidak mahu memperkecilkan pengerusi-pengerusi ataupun *committees* yang sebelum ini dan kalaulah kita mengharapkan supaya siapa sahaja yang menjadi pengerusi bagi PAC berusaha untuk mencari kedudukan atau *greatness* yang disebutkan oleh saudara kita Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya rasa mungkin yang akan menjadikan dorongan diri kita itu ialah ego dan kehendak peribadi lebih daripada yang sebenarnya. Yang lebih penting ialah kepentingan negara dan kepentingan nama baik Parlimen. Kalau kita mencari *greatness* yang diharap-harapkan oleh rakan kita Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya bimbang bahawa kita akan terdorong oleh perasaan peribadi itu.

Saya berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah, nampaknyalah, bersetuju untuk saya menjadi pengerusi dan saya berterima kasih juga kepada Ahli bagi Kepong yang tidak bertanding bagi jawatan *[Disampuk] [Ketawa]* dan juga di atas sokongan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur yang telah mengharapkan untuk saya menunjukkan *colour* saya atau warna saya. Warna saya ialah warna biru Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Yang kita harapkan ialah bukan untuk menjadi orang yang ditakuti atau digeruni. Tengok sahajalah badan saya yang kecil ini, takkanlah saya ini boleh digeruni

atau ditakuti oleh mana-mana pihak, kerana ia merupakan, saya rasa, tanggungjawab kita untuk menjadikan Parlimen kita ini sebagai sebuah institusi yang dihormati, yang dapat melaksanakan tanggungjawab kita dengan sebaik mungkin. Kita meluluskan perbelanjaan, kita jugalah yang bertanggungjawab untuk melihat agar perbelanjaan itu dibelanjakan dan projek dilaksanakan dengan cara yang baik.

Saya percaya bahawa rakan-rakan saya yang lain dalam jawatankuasa PAC akan bersama-sama dengan saya dalam menjadikan Parlimen Kesebelas ini sebagai satu Parlimen yang pastinya dikenali sebagai satu Parlimen yang aktif.

Dalam masa-masa yang kita telah berbahas semenjak daripada awal sampai ke hari ini, hari yang terakhir, saya rasa sukarlah untuk mana-mana pihak yang boleh mengatakan bahawa Parlimen kita ini satu Parlimen yang boring kerana sudah mula, saya rasa, kita mencipta nama Parlimen Kesebelas sebagai satu Parlimen yang memegang dan memikul serta menjunjung tanggungjawabnya dengan serius, walaupun kami hanyalah sebagai Ahli Parlimen biasa, kerana kami tahu kedudukan kami ini, datangnya dengan harapan dan sokongan daripada rakyat yang memang mengharapkan kepada kami semua melakukan tanggungjawab itu dengan sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab.

9.43 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Sebagai menggulung saya pendek sahaja, untuk menjawab balik hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Pertamanya, saya rasa tidak betullah untuk hendak mengatakan bahawa di Malaysia ini Chairman atau Pengerusi PAC, kita tidak kenal. Saya rasa ini bukan berlaku di Malaysia sahaja. Di United Kingdom pun kita kenal Perdana Menteri United Kingdom, tetapi *chairman PAC*nya siapa? *[Ketawa]* Kita tidak tahu. Begitu juga di *United States*, Presiden kita tahu, tetapi *chairman PAC* kita tidak tahu. Jadi, tidak betullah hujah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, dan tidak bolehlah kita persalahkan PAC Malaysia kerana orang tidak kenal siapa dia Pengerusinya. Ini biasa di mana-mana sekalipun.

Keduanya saya juga hendak sebut, saya sebenarnya walaupun Yang Berhormat bagi Johor Bahru nampaknya *humble*, dia kata, dia kerdil, tidak digeruni, tetapi kita geruni juga. Saya setuju dengan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, berkenaan dengan PAC ini mesti digeruni. Oleh kerana mesti digerunilah yang kita pilih pengerusinya daripada Barisan. *[Tepuk]* Itulah sebab. Sebab saya tahu cadangan daripada pembangkang, pengerusinya ialah Yang Berhormat bagi Kepong. Siapa takut dengan dia? *[Ketawa]* Dia lembut. Jadi, orang tidak geruni. Jadi, itu sebabnya kalau mahu PAC digeruni ambillah Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Dia berpengalaman, berwibawa, menjadi Menteri 20 tahun dahulu, jadi dia banyak pengalaman. Macam Tuan Yang di-Pertua menjadi pengerusi dahulu, digeruni. Lama jadi Menteri Besar, orang segan. Ha! Itulah sebabnya mengapa kita pilih daripada Barisan.

Saya juga menyokong hujah daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru sebentar tadi. Kita tidak boleh hendak samakan kita dengan Britain, dengan US, sebab di *United States* itu, kalau *Senate*nya kalau kita lihat antara bilangan ahli-ahli *the Republicans* dengan *Democrats*, hampir sama. Oleh sebab itu kerajaan itu mesti menghormati pembangkang kerana hampir sama. Kalau ada 100 mungkin 51 itu *Republicans*, 49 ialah daripada *Democrats*. Begitu juga di United Kingdom, kerana pembangkangnya, bezanya mungkin 70 kerusi sahaja daripada 600 MPs.

Jadi, itu yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru, *viable*, sebab itu kena ambil kira bahawa pembangkang itu kuat, besar, sebab itu kita bagi *chairman*nya kepada pembangkang di sana. Tetapi, di Malaysia 219 kerusi, pembangkang 19 sahaja. *[Disorak]* MP Bebas pun sokong kita. Jadi, pilihan rakyat masa pilihan raya dahulu tidak mencerminkan bahawa mereka mahu *chairman PAC* itu daripada pembangkang, sebab itu tidak boleh beri pada dia. *[Tepuk]* Kita akan khianati pengundi kita kalau kita bagi jawatan pengerusi kepada pembangkang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah saya. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 77 (2) itu tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputus dan disetujukan.

Usul disetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah bersidang seperti yang saya katakan tadi selama 41 hari, 6 jam tiap-tiap hari dan kita bersyukur bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berada dalam keadaan selamat sejahtera. Dewan akan ditangguhkan sebentar lagi dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan pulang ke tempat dan kawasan masing-masing untuk menumpukan pula khidmat kepada kawasan-kawasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat majlis ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditentukan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.48 malam.